

LAMPIRAN

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحُمْرَ وَالْمِسْرَارُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْكَامُ
رِجْسٌ مِّنْ عَلَى الشَّيْطَنِ فَإِنْ تَبْتَغُوْهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِيْخُونَ ④ إِنَّمَا
يُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَنْ يُؤْقَعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَيْرِ
وَالْيَتَامَةِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهُنَّ أَنْتُمْ شَدَّادُونَ ⑤

111

Sūrah al-Mā'idah (5): 90-91

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ

128

Sūrah al-Mā'idah (5):2

وَلَنَبُوْلُكُمْ سَيِّدُهُمْ مَنْ الْحُجُوفُ وَالْجَوْعُ وَنَقْصٌ مِّنْ
الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّرَيْ بِ وَتَبَرِّ الصَّابِرِينَ ⑥ الَّذِينَ إِذَا
أَصَابَتْهُمْ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَجِعُونَ ⑦

128-129

Surah al-Baqarah (2): 155-156

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ أَنْ يَقْتُلُ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَاً وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَاً
فَعَزَّزَ رَبُّهُمْ بِمُؤْمِنَةٍ وَدَيْمَةٍ مُّسَمَّدَةٍ إِلَى أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصْدُقُوا فَإِنْ

136-137

Sūrah al-Nisā' (4): 92

HADĪTH RASUL ALLĀH s.a.w.

HALAMAN

عن سوید بن حنظل قال : قال رسول الله صلی الله علیه وسلم : المسلم أخو
ال المسلم لا يظلمه ولا يحقره .

115

Lihat al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Ibn Abī Bakr, *al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr fī Aḥādīth al-Bashīr al-Nadīr*, jil. 2, Dār al-Fikr, Beirut, 1415H/1981M, hal. 668.

LAMPIRAN "C"

**AKTA TAKAFUL 1984 DAN
PERATURAN-PERATURAN**

**TAKAFUL ACT 1984 AND
REGULATIONS**

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 312

AKTA TAKAFUL 1984

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Pengelasan perniagaan takaful dan pentafsiran sebutan-sebutan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan takaful.

BAHAGIAN II

PERJALANAN PERNIAGAAN TAKAFUL

Sekatan am ke atas pengendali takaful

4. Kehendak-kehendak bagi menjalankan perniagaan sebagai pengendali takaful.
5. Mengemukakan diri sebagai pengendali takaful berdaftar.
6. Penggunaan perkataan "takaful".
7. Pemeriksaan ke atas orang yang disyaki menjalankan perniagaan takaful.
8. Pendaftaran pengendali takaful oleh Ketua Pengarah.
9. Fee pendaftaran tahunan.
10. Syarat-syarat pendaftaran.
11. Pembatalan pendaftaran.
12. Kesan pembatalan pendaftaran.
13. Deposit.
14. Waad bank sebagai ganti deposit.
15. Daftar sijil takaful.
16. Penubuhan dan penyenggaraan kumpulan wang takaful, dan peruntukan lebihan.
17. Kehendak-kehendak tentang aset kumpulan wang takaful.

[Susunan Seksyen]

Seksyen

18. Sekatan-sekatan ke atas bayaran dividen dan pemberian pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit dan kemudahan pembiayaan.
19. Penzahiran kepentingan oleh pengarah.
20. Kehendak-kehendak tentang dokumen yang menerangkan hak aset kumpulan wang takaful.
21. Penubuhan dan penyenggaraan kumpulan wang skim jaminan takaful dan bayaran wang dari kumpulan wang itu.
22. Penguatkuasaan keperluan mengenai daftar sijil dan kumpulan wang takaful dan bayaran levi oleh pengendali.
23. Takaful semula.
24. Bayaran dalam mata wang Malaysia bagi wang perpaduan di bawah sijil perpaduan keluarga.
25. Mengambil alih risiko oleh pengendali.
26. Pernyataan khilaf tentang umur dan tak mengelak penyertaan.
27. Mengawal borang cadangan, sijil dan risalah.
28. Pernyataan janji atau ramalan mengelirukan yang mendorong orang untuk membuat kontrak takaful.
29. Kehendak-kehendak berkenaan dengan prospektus dan kenyataan modal.
30. Membuat pejabat cawangan.
31. Kehilangan kelayakan pengarah urusan, pengarah, ketua eksekutif, pegawai utama atau pegawai pengendali.
32. Kewajipan memberitahu pertukaran pengarah urusan, pengarah, ketua eksekutif atau pegawai utama.
33. Kuasa Ketua Pengarah untuk menghendaki maklumat bagi memeriksa buku, dsb.
34. Pertukaran dalam kawalan pengendali.
35. Ejen dan broker takaful.
36. Orang perantaraan dalam transaksi takaful.
37. Melesenkan broker.
38. Ajuster.
39. Pemeriksaan ke atas orang yang disyaki bertindak, mengemukakan dirinya sebagai broker atau ajuster.
40. Kecualian bagi keesahan perakuan.

BAHAGIAN III

PENYATA, PENYIASATAN, PENGGULUNGAN
DAN PEMINDAHAN PERNIAGAAN

Seksyen

41. Akaun tahunan dan audit.
42. Penyiasatan aktuari dan laporan tentang perniagaan perpaduan keluarga.
43. Kuasa untuk menghendaki penyata di bawah seksyen 41 dan 42 dibetulkan.
44. Peruntukan tambahan mengenai penyata di bawah seksyen 41 dan 42.
45. Penyata perubahan dalam butir-butir pendaftaran.
46. Penyiasatan hal-ehwal pengendali takaful.
47. Kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan.
48. Peruntukan am mengenai penggulungan.
49. Peruntukan khas bagi pengendali takaful yang diarahkan supaya menghentikan perniagaan takaful.
50. Koperasi menjalankan perniagaan takaful.
51. Skim bagi pemindahan perniagaan.
52. Pengesahan skim.
53. Dokumen-dokumen hendaklah difailkan apabila skim disahkan.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI DAN AM

54. Ketua Pengarah Takaful.
55. Indemniti.
56. Laporan tahunan.
57. Statistik.
58. Penyampaian notis.
59. Kerahsiaan dan penalti.
60. Peruntukan am mengenai kesalahan.
61. Mengkompaun kesalahan.
62. Pendakwaan.
63. Bidang kuasa mahkamah.
64. Keupayaan kanak-kanak untuk turut serta.
65. Bayaran tuntutan perpaduan keluarga tanpa probet, dsb.

[Sesamaan Seksyen]

Seksyen

66. Pengetahuan dan pernyataan oleh ejen yang diberi kuasa hendaklah disifatkan pengetahuan dan pernyataan oleh pengendali.
67. Pemakaian undang-undang lain.
68. Peraturan-peraturan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 312

AKTA TAKAFUL 1984

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan perniagaan takaful di Malaysia dan bagi lain-lain tujuan yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan takaful.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Takaful 1984. Tajuk ringkas.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya meng- Tafsiran. hendaki makna yang lain—

“ajuster” ertiinya mana-mana orang yang kerana pampasan, fee, komisen atau gaji menyiasat dan merundung penyelesaian tuntutan yang timbul di bawah kontrak takaful, semata-mata bagi pihak sama ada pengendali takaful atau peserta;

“Akauntan Negara” ertiinya Akauntan Negara, Malaysia;

“Akta Koperasi” ertiinya Akta Koperasi 1948, atau Ordinan Koperasi 1958 bagi Sabah, atau Ordinan Koperasi bagi Sarawak, mengikut mana yang ber- Akta 287.
Sabah 3/58.
Sarawak
Bab 66. kenaan;

“aktuari berkelayakan” ertiinya seorang “Fellow” dari Institut Aktuari di England, atau seorang “Fellow” dari Fakulti Aktuari di Scotland, atau seorang “Fellow” dari Persatuan Aktuari di Amerika, atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri;

[Bah. I, S. 2]

“broker” ertinya mana-mana individu, firma atau syarikat yang kerana pampasan sebagai seorang kontraktor bebas, dengan apa jua cara mensolisit, merundingi atau mendapatkan kontrak takaful atau pembaharuan atau penerusannya bagi pihak peserta selain daripada dirinya;

“caruman” ertinya ansuran takaful yang kena dibayar oleh peserta;

“Daftar” ertinya daftar sijil takaful yang ditubuhkan oleh pengendali takaful di bawah seksyen 15;

“deposit takaful semula” ertinya suatu amaun yang didepositkan dengan atau yang disimpan oleh pengendali takaful melalui sekuriti bagi pelaksanaan oleh pengendali takaful semula bagi kontrak yang menyanggupi liabiliti yang ditanggung beban oleh pengendali takaful;

“faedah takaful” termasuklah apa-apa faedah, sama ada yang berupa wang atau tidak yang dicagarkan dengan sijil takaful, dan “bayar” serta lain-lain ungkapan, jika digunakan berhubungan dengan faedah takaful, hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Takaful yang dilantik di bawah seksyen 54;

“kunci kira-kira statutori” dan “penilaian statutori” masing-masing ertinya suatu kunci kira-kira yang diserasimpan dengan Ketua Pengarah untuk mematuhi subseksyen (1) seksyen 41, dan suatu penilaian yang keputusannya ditunjukkan dalam suatu kunci kira-kira penilaian yang diserasimpan dengannya berikutnya dari penylasatan aktuari yang dibuat untuk mematuhi subseksyen (1) seksyen 42 dan—

(a) apa-apa sebutan mengenai kunci kira-kira statutori yang terakhir atau mengenai penilaian statutori yang terakhir hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenainya kepada yang terakhir disediakan atau dibuat dan tidak digantikan dengan terdapatnya data yang mengikutnya suatu kunci kira-kira statutori atau penilaian statutori yang lain disediakan atau dibuat; dan

(b) apa-apa sebutan mengenai terdapatnya lebihan aset dari liabiliti bagi suatu kumpulan wang takaful dalam suatu kunci kira-kira statutori atau pada suatu penilaian statutori hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dengan sebutan mengenai bentuk kunci kira-kira atau kunci kira-kira penilaian yang ditetapkan dan mengenai kaedah-kaedah yang hendaklah diikuti di bawah Akta ini dalam menyediakannya;

“pegawai utama” ertinya seseorang yang, mengikut apa jua nama-jawatan dia dipanggil, dilantik oleh pengendali takaful dan dipertanggungkan dengan tanggungjawab menguruskan hal-ehwal pengendali;

“pengendali” ertinya suatu syarikat atau persatuan yang menjalankan perniagaan takaful;

“pengendali takaful”, “ejen takaful” dan “broker takaful” ertinya seseorang yang masing-masing menjalankan perniagaan takaful, sebagai pengendali takaful, ejen takaful dan broker takaful;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini;

“perniagaan takaful” ertinya perniagaan takaful yang tujuan dan kendaliannya tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah;

“perpaduan keluarga” ertinya suatu takaful bagi faedah individu dan keluarganya;

“peserta” termasuklah pemegang serahhak pada masa itu jika sesuatu sijil telah diberi kepadanya, dan wakil-wakil diri peserta yang mati jika mereka berhak mendapat faedah sijil itu daripada pengendali takaful;

“sijil takaful” termasuklah apa-apa kontrak takaful bagi perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am sama ada atau tidak terkandung dalam atau diterangkan oleh suatu instrumen dalam bentuk sijil, dan sebutan mengenai pengeluaran sijil hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya. Sebutan-sebutan mengenai sesuatu sijil pengendali takaful termasuklah apa-apa sijil yang berkenaan dengannya pengendali adalah di bawah apa-apa liabiliti, sama ada sijil itu telah dikeluaran oleh pengendali atau liabiliti itu telah berpindah kepada pengendali daripada seorang pengendali lain;

[Bah. I, S. 2-3]

“takaful” ertinya suatu *skim* yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu;

“takaful semula” ertinya suatu perkiraan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip takaful yang baik bagi takaful semula liabiliti berkenaan dengan risiko-risiko yang ditanggung atau yang akan ditanggung oleh pengendali takaful semasa dia menjalankan perniagaan takaful;

“tempoh perakaunan”, berhubungan dengan pengendali takaful, ertinya tempoh yang baginya pengendali menyediakan akaun perniagaan takaful yang dijalankan olehnya di Malaysia.

Pengelasan
perniagaan
takaful
dan
pentafsiran
sebutan-
sebutan
mengenai
perkara-
perkara
yang
berkaitan
dengan
takaful.

3. Bagi maksud-maksud Akta ini—

(a) perniagaan takaful hendaklah dibahagikan kepada dua kelas—

(i) perniagaan perpaduan keluarga yang, sebagai tambahan kepada semua perniagaan takaful berkenaan dengan sijil perpaduan, adalah termasuk, dalam hal pengendali takaful, apa-apa jenis perniagaan takaful yang dijalankan hanya sebagai sampingan kepada perniagaan perpaduan lain oleh pengendali itu; dan

(ii) perniagaan am, iaitu, semua perniagaan takaful yang bukan perniagaan perpaduan keluarga,

dan mentakaful semula liabiliti di bawah sijil takaful hendaklah dianggap sebagai perniagaan takaful bagi kelas dan jenis yang mana sijil itu dimaksudkan kiranya ia dieluarkan oleh pengendali takaful semula;

(b) sebutan mengenai penjalanan perniagaan takaful termasuklah penjalananannya melalui seorang ejen, atau sebagai ejen;

- (c) pengendalian, selain dari untuk mendapat keuntungan, sesuatu skim atau perkiraan berhubungan dengan perkhidmatan dalam pejabat atau pekerjaan tertentu, dan mempunyai tujuan atau salah satu daripada tujuannya untuk membuat peruntukan berkenaan dengan orang-orang yang berkhidmat di dalamnya terhadap persaraan atau persaraan separa, masa depan atau terhadap penamatian khidmat masa depan disebabkan kematian atau ketakupayaan, atau terhadap perkara-perkara yang serupa, tidaklah boleh dianggap sebagai menjalankan perniagaan takaful; dan
- (d) tiada pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 boleh disifatkan menjadi pengendali takaful, dan oleh itu tiada ejen bagi pertubuhan itu boleh sebagai sedemikian disifatkan menjadi ejen takaful itu; dan tiada apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai sijil atau kontrak takaful boleh dipakai bagi apa-apa sijil atau kontrak di mana suatu takaful dilaksanakan oleh pertubuhan itu.

BAHAGIAN II

PERJALANAN PERNIAGAAN TAKAFUL

Sekatan am ke atas pengendali takaful

4. (1) Tertakluk kepada Akta ini, perniagaan takaful tidaklah boleh dijalankan di Malaysia oleh seseorang pengendali takaful kecuali—
- (a) oleh suatu syarikat sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965; atau
- (b) oleh suatu koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi.
- (2) Tiada syarikat atau koperasi seperti itu boleh menjalankan perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am atau kedua-duanya di Malaysia sebagai pengendali takaful melainkan jika—
- (a) ia didaftarkan di bawah Akta ini berkenaan dengan kelas perniagaan itu atau kedua-duanya;

Kehendak
kehendak
menjalankan
perniagaan
sebagai
pengendali
takaful.
Akta 125.

[Bah. II. S. 4-6]

(b) dalam hal syarikat sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 dan koperasi yang disebutkan dalam subseksyen (1) (b), ia mengekalkan pada setiap masa lebihan aset dari liabiliti sebanyak kurang dari pada amanah yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa;

(c) ia mempunyai deposit yang dikehendaki oleh Akta ini berkenaan dengannya; dan

(d) ia adalah anggota persatuan takaful yang diluluskan oleh Menteri dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai sehingga tertubuhnya persatuan itu. Iulukan oleh Menteri.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (2) (b), lebihan aset hendaklah dalam bentuk wang tunai atau sekuriti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, atau mana-mana gabungannya.

(4) Bagi maksud-maksud seksyen ini, nilai aset dan liabiliti takaful boleh ditentukan mengikut dasar yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa.

(5) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lapan puluh ribu ringgit, dengan ditambah sebanyak enam belas ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari yang dia dibuktikan telah melakukannya, atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Menggunakan
diri sebagai
pengendali
takaful
berdaftar.

5. Jika seseorang mengemukakan dirinya sebagai pengendali takaful berdaftar berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am atau kedua-duanya manakala dia tidak didaftarkan di bawah Akta ini berkenaan dengan perniagaan itu, maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda sebanyak dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh dua belas bulan atau kedua-duanya, dan denda harian tidak melebihi empat ribu ringgit.

Penggunaan
perkataan
“takaful”.

6. (1) Tiada seorang pun selain dari pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini boleh, tanpa keizinan bertulis daripada Ketua Pengarah, menggunakan perkataan “takaful” atau mana-mana terbitannya dalam apa-apa bahasa, atau apa-apa perkataan lain yang

menunjukkan bahawa orang itu menjalankan perniagaan takaful atas nama, perihal atau titel yang mengikutnya dia menjalankan perniagaan di Malaysia atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian dalam mana-mana kepala bil, kepala surat, notis atau iklan atau dengan apapua cara lain:

Dengan syarat bahawa tiada apa pun dalam Akta ini boleh melarang sesuatu persatuan takaful daripada menggunakan perkataan "takaful" atau mana-mana terbitannya dalam apa-apa bahasa sebagai sebahagian daripada namanya atau perihalnya tentang aktiviti-aktivitiinya.

(2) Seseorang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda sebanyak empat ribu ringgit atau penjara selama tempoh enam bulan atau kedua-duanya dan denda harian tidak melebihi empat ratus ringgit.

7. (1) Jika Ketua Pengarah ada sebab mengesyaki atau mempercayai bahawa seseorang sedang menjalankan perniagaan takaful tanpa didaftarkan di bawah Akta ini, dia boleh meminta atau memeriksa buku, akaun dan rekod orang itu untuk menentukan sama ada atau tidak orang itu telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini.

Pemeriksaan
ke atas
orang yang
disyaki
menjalankan
perniagaan
takaful.

(2) Mana-mana orang yang bersengaja enggan untuk menyerahkan buku, akaun dan rekod atau untuk membentarkan buku, akaun dan rekod itu diperiksa adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda sebanyak dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh dua belas bulan atau kedua-duanya dan denda harian tidak melebihi empat ribu ringgit.

8. (1) Ketua Pengarah adalah bertanggungjawab atas pendaftaran pengendali takaful dan, tertakluk kepada seksyen ini, hendaklah, atas permohonan mana-mana syarikat atau pertubuhan yang layak di bawah sub-seksyen (1) seksyen 4 mendaftarkan, dengan atau tanpa syarat dan setelah dibayar fee yang ditetapkan, pemohon berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am atau kedua-duanya.

pendaftaran
pengendali
takaful
oleh Ketua
Pengarah.

(2) Sesuatu permohonan untuk didaftarkan berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am boleh dibuat oleh suatu syarikat atau pertubuhan yang telahpun didaftarkan berkenaan dengan yang satu lagi itu.

(3) Ketua Pengarah tidaklah dikehendaki menimbang sesuatu permohonan melainkan jika iaanya dibuat secara bertulis, dan dia telah dilengkapkan dengan dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditetapkan atau sebagaimana yang dikehendakinya dalam kes tertentu itu.

(4) Ketua Pengarah boleh enggan mendaftarkan seseorang pemohon jika, selepas siasatan yang sesuai, dia berpuas hati bahawa nama pemohon itu mungkin memperdayai disebabkan persamaan namanya dengan nama mana-mana badan yang lain.

(5) Ketua Pengarah boleh juga enggan mendaftarkan seseorang pemohon melainkan jika dia berpuas hati—

(a) bahawa tujuan dan kendalian perniagaan takaful yang hendak dijalankannya itu tidak akan melibatkan apa-apa unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah; dan

(b) bahawa terdapatnya dalam Artikel Persatuan pengendali takaful yang berkenaan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Pengawasan Syariah untuk menasihat pengendali tentang kendalian perniagaan takafulnya untuk memastikan yang ia tidak terlibat dalam apa-apa unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah.

(6) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa seseorang pemohon telah mematuhi semua kehendak seksyen ini, dia hendaklah merujukkan permohonan itu kepada Menteri; dan, jika Menteri mengarahkan sedemikian, Ketua Pengarah tidaklah boleh mendaftarkan pemohon itu dan pemohon itu hendaklah diberitahu tentang arahan itu.

(7) Ketua Pengarah tidaklah boleh mendaftar seseorang pemohon berkenaan dengan perniagaan takaful dari kedua-dua kelas sehingga Akauntan Negara memperakulkan kepadanya bahawa pemohon telah membuat deposit yang dikehendaki oleh Akta ini berkenaan dengan perniagaan itu.

(8) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan notis mengenai apa-apa pendaftaran perniagaan takaful disiarkan dalam *Warta*.

9. (1) Tiap-tiap pengendali hendaklah membayar apa-apa fee pendaftaran tahunan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Menteri boleh menetapkan fee pendaftaran yang berlainan bagi perniagaan takaful dari kelas yang berlainan.

10. (1) Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa dan sebagaimana difikirkannya patut—

- (a) mengenakan syarat-syarat pendaftaran ke atas pengendali; atau
- (b) menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat pendaftaran yang ada yang dikenakan ke atas pengendali,

yang telah pun didaftarkan di bawah Akta ini supaya terus didaftarkan sedemikian.

(2) Mana-mana pengendali yang tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda sebanyak dua puluh ribu ringgit dan denda harian sebanyak empat ribu ringgit.

11. (1) Ketua Pengarah boleh melalui perintah membatalkan pendaftaran pengendali sama ada kese-luruhananya atau berkenaan dengan suatu kelas perniagaan, mengikut mana yang berkenaan, jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pengendali mengejar matlamat atau menjalankan kendalian yang melibatkan apa-apa unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah;
- (b) pengendali belum lagi memulakan perniagaan dalam masa dua belas bulan selepas didaftarkan;
- (c) pengendali tidak lagi menjalankan perniagaan takaful berkenaan dengan mana-mana kelas perniagaan;
- (d) pengendali gagal mengekalkan lebihan aset dari liabiliti mengikut subseksyen (2) (b) seksyen 4;

- (e) pengendali telah mengabaikan atau enggan mematuhi perintah Ketua Pengarah untuk mengganti apa-apa kekurangan, bila-bila masa sahaja kumpulan wang takafulnya telah menjadi kurang;
- (f) pengendali bercadang untuk membuat, atau telah membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemutang-pemutangnya atau telah dilikuidasikan atau telah digulung atau selainnya dibubarkan;
- (g) pengendali menjalankan perniagaannya mengikut cara yang mungkin merosakkan kepentingan peserta-pesertanya;
- (h) pengendali tidak dapat menunaikan obligasinya;
- (i) pengendali telah gagal melaksanakan perkiraan takaful semula dengan memuaskan hati;
- (j) pengendali melanggar atau telah melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan atau apa-apa syarat yang dikenakan atau apa-apa arahan yang diberi oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini;
- (k) pengendali telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana pegawainya yang berpangkat pengurus atau eksekutif telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (l) pengendali telah memberikan maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat atau telah menyembunyikan atau tidak menzahirkan fakta-fakta matan dalam permohonannya bagi pendaftaran; atau
- (m) adalah bagi kepentingan awam untuk membatalkan pendaftaran itu.

(2) Ketua Pengarah hendaklah sebelum membatalkan apa-apa pendaftaran di bawah subseksyen (1) menyebabkan diberi kepada pengendali yang berkenaan notis secara bertulis tentang niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan suatu tarikh, tidak kurang daripada empat belas hari selepas tarikh notis itu, bila pembatalan akan berkuatkuasa dan memanggil pengendali untuk memberi sebab kepada Ketua Pengarah mengapa pendaftaran itu tidak patut dibatalkan.

(3) Walaupun pada hakikatnya pendaftaran seseorang pengendali telah dibatalkan di bawah seksyen ini, selagi pengendali masih berada di bawah apa-apa liabiliti berkenaan dengan sijil Malaysia yang dippunyai oleh kelas perniagaan takaful yang dimaksudkan dengan pendaftaran itu, pengendali hendaklah mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkan-nya perlu atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah untuk memuaskan hatinya bahawa peruntukan yang munasabah telah atau akan dibuat untuk liabiliti itu dan bahawa perkiraan secukupnya ada atau akan ada bagi membuat bayaran di Malaysia akan caruman dan tuntutan ke atas sijil itu.

(4) Apabila Ketua Pengarah telah membatalkan suatu pendaftaran di bawah subseksyen (1) dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pengendali tentang pembatalan itu.

(5) Mana-mana pengendali yang pendaftarannya telah dibatalkan menurut seksyen ini boleh, dalam masa enam puluh hari setelah diberitahu secara bertulis tentang pembatalan itu, merangka terhadap perintah pembatalan itu kepada Menteri yang mana keputusannya adalah muktamad.

(6) Suatu perintah pembatalan yang dibuat oleh Ketua Pengarah, atau jika terdapat suatu rayuan, keputusan Menteri yang mengesahkan perintah pembatalan itu tidaklah boleh berkuatkuasa sehingga tamat tempoh empat belas hari selepas pengendali telah diberitahu secara bertulis tentang perintah atau keputusan itu.

12. (1) Jika suatu perintah pembatalan berkuatkuasa di bawah seksyen 11—

Kesan
pembatalan
pendaftaran.

(a) notis pembatalan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*; dan

(b) pengendali hendaklah berhenti, dari tarikh pembatalan itu, menjalankan perniagaan takaful di Malaysia dari kelas yang berkenaan dengannya pendaftarannya telah dibatalkan di bawah Akta ini, selain daripada melalui pungutan atau penerimaan caruman atas sijil Malaysia yang tergolong dalam kelas itu yang dilaksanakan sebelum tarikh pembatalan pen-

daftaran dan subseksyen (2) seksyen 4 tidaklah terpakai bagi pengendali berkenaan dengan pungutan atau penerimaan caruman itu.

(2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) (a) tidaklah menjelaskan penguatkuasaan oleh mana-mana peserta atau orang akan apa-apa hak atau tuntutan terhadap pengendali atau oleh pengendali akan apa-apa hak atau tuntutan terhadap mana-mana peserta atau orang.

Deposit.

13. (1) Seseorang pengendali takaful, semasa didaftarkan berkenaan dengan apa-apa kelas perniagaan takaful, hendaklah pada setiap masa mempunyai suatu deposit dengan Akauntan Negara berkenaan dengan perniagaan itu sebanyak tidak kurang daripada amaun yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Apa-apa deposit tersebut hendaklah dibuat dengan wang tunai atau sekuriti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau sebahagiannya dengan satu cara dan sebahagiannya lagi dengan cara yang satu lagi; dan apa-apa wang tunai yang terkandung dalam suatu deposit boleh dilaburkan mengikut apa-apa cara yang tidak bertentangan dengan Syariah sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(3) Semua pendapatan yang terakru berkenaan dengan suatu deposit adalah kena dibayar kepada pengendali yang membuat deposit itu.

(4) Suatu deposit yang dibuat di bawah seksyen ini berkenaan dengan sesuatu kelas perniagaan takaful hendaklah disimpan oleh Akauntan Negara sehingga pengendali tidak lagi didaftarkan berkenaan dengan kelas perniagaan takaful itu atau deposit itu dikehendaki semasa menggulung pengendali, dan jika pengendali tidak lagi didaftarkan seperti tersebut di atas, deposit itu atau sebahagian daripadanya boleh disimpan selanjutnya bagi maksud dan mengikut mana-mana peruntukan bagi liabiliti berkenaan dengan sijil sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (3) seksyen 11.

(5) Jika pada bila-bila masa suatu deposit di bawah seksyen ini (selain dari suatu deposit yang disimpan setelah pengendali tidak lagi didaftarkan seperti tersebut di atas) terdiri dari aset selain dari sekuriti Kerajaan dan nilai aset itu adalah kurang daripada jumlah

wang yang ditetapkan menurut subseksyen (1) yang dikurangkan oleh nilai bagi mana-mana sekuriti Kerajaan yang terkandung dalam deposit itu, maka Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis mengarahan pengendali menambah kepadanya dalam masa dua puluh lapan hari selepas penyampaian notis itu, wang tunai atau sekuriti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang bernilai tidak kurang daripada perbezaan itu.

(6) Seseorang pengendali yang telah membuat suatu deposit di bawah seksyen ini boleh pada bila-bila masa menggantikan mana-mana aset yang terkandung dalam deposit tunai atau sekuriti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, selagi nilai deposit itu tidak dengan demikian itu dikurangkan kepada suatu amaun yang kurang daripada amaun yang dikehendaki oleh Akta ini.

(7) Dalam subseksyen yang disebut terdahulu "sekuriti" (kecuali dalam ungkapan "sekuriti Kerajaan") termasuklah apa-apa bentuk pelaburan yang tidak bertentangan dengan Syariah, dan "sekuriti Kerajaan" ertiinya sekuriti yang mana prinsipal atau dividenya dicagarkan secara langsung atau dengan jalan gerenti ke atas Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan atau mana-mana Negeri, tetapi tiada deposit boleh termasuk—

- (a) apa-apa syer, atau lain-lain sekuriti bagi seseorang pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini;
- (b) kecuali setakat mana suatu hutang yang terkandung dalam deposit dijamin ke atas tanah, apa-apa harta atau kepentingan ke atas tanah; atau
- (c) apa-apa sekuriti yang dibenarkan dalam perenggan 2, 3, 4, 5 dan 6 Jadual Pertama yang mana Menteri atas nasihat Ketua Pengarah dan Akauntan Negara mengisyiharkan secara bertulis kepada pengendali sebagai tidak sesuai bagi maksud suatu deposit.

[Bab. II, S. 13-15]

(8) Jika menurut subseksyen (7) (c) apa-apa sekuriti yang terkandung dalam suatu deposit diisyiharkan tidak sesuai, pengendali hendaklah dalam masa satu bulan kalender setelah sekuriti itu diisyiharkan sedemikian, menggantikannya dengan apa-apa sekuriti lain sebagaimana yang dibenarkan oleh seksyen ini.

Waad bank
sebagai
ganti
deposit.
Akta 276.

14. (1) Jika dalam hal mana-mana pengendali, sesuatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 membuat suatu perjanjian dengan Kerajaan dalam bentuk yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, yang mana menurutnya bank berwaad dengan Kerajaan untuk mendepositkan dengan Akauntan Negara sejumlah wang tunai yang ditetapkan kerana deposit pengendali di bawah Akta ini berkenaan dengan salah satu kelas perniagaan takaful, dan waad itu mematuhi apa-apa kehendak yang Ketua Pengarah fikirkan patut dikenakan tentang hal keadaan dalam mana jumlah wang itu hendak didepositkan, maka bagi maksud-maksud Akta ini pengendali hendaklah dianggap telah mendepositkan di bawah seksyen 13 sejumlah wang tunai yang sama banyaknya dengan yang diwaadkan dan jumlah wang yang diwaadkan itu boleh didapatkan kembali walaupun tiada balasan diberi dalam perjanjian itu.

(2) Apa-apa jumlah wang yang didepositkan oleh suatu bank menurut suatu perjanjian yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah diuruskan di bawah atau bagi maksud-maksud Akta ini seolah-olah ianya adalah jumlah wang yang didepositkan oleh pengendali di bawah seksyen 13.

(3) Seksyen ini tidaklah boleh membenarkan suatu perjanjian digantikan di bawah subseksyen (6) seksyen 13 bagi aset yang terkandung dalam sesuatu deposit.

Daftar
sijil takaful.

15. (1) Tiap-tiap pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah mengadakan suatu daftar sijil takaful mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan dan hendaklah, selain dari apa-apa kecualian yang ditetapkan, menyimpan Daftar itu di tempat perniagaannya yang utama di Malaysia.

(2) Tertakluk kepada seksyen ini, hendaklah dimasukkan dalam Daftar kesemua sijil Malaysia bagi pengendali, dan tiada sijil yang dimasukkan dalam Daftar boleh dikeluarkan dari Daftar itu selagi pengendali adalah bertanggungan berkenaan dengan sijil itu.

(3) Seseorang pengendali hendaklah, atas permintaan seseorang yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana sijil pengendali, memberitahunya sama ada atau tidak sijil itu dimasukkan dalam Daftar.

(4) Jika pengendali terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta ini berkenaan dengan mana-mana kelas perniagaan takaful, Daftar hendaklah terhenti daripada wujud sebagai suatu daftar statutori di bawah Akta ini mengenai sijil yang tergolong dalam perniagaan kelas itu dan apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai sijil yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (4), Daftar hendaklah, walaupun pengendali pada bila-bila masa terhenti daripada menjalankan mana-mana kelas perniagaan takaful di Malaysia, terus disenggara oleh pengendali bagi sijil yang tergolong dalam kelas itu selagi pengendali adalah bertanggungan berkenaan dengan apa-apa sijil yang didaftarkan atau yang dikehendaki supaya didaftarkan pada masa itu.

16. (1) Setiap pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah menubuhkan dan menyenggara mengikut seksyen ini suatu kumpulan wang takaful berkenaan dengan kelas atau tiap-tiap satu kelas perniagaan takaful yang dijalankan oleh pengendali di Malaysia setakat mana perniagaan itu ada kaitannya dengan sijil Malaysia.

Penubuhan
dan
penyeng-
garan
kumpulan
wang
takaful, dan
peruntukan
lebihan.

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang takaful semua penerimaan pengendali yang dikaitkan dengan wajar dengan perniagaan yang dimaksudkan dengan kumpulan wang itu (termasuk pendapatan kumpulan wang itu), dan aset yang terkandung dalam kumpulan wang itu hendaklah digunakan hanya untuk memenuhi sebahagian dari liabiliti dan perbelanjaan yang boleh dikaitkan sedemikian dengan wajar.

(3) Dalam hal suatu kumpulan wang yang ditubuhkan berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga, tiada bahagian daripada kumpulan wang itu boleh diintukkan sebagai faedah takaful kepada peserta-peserta kecuali dengan kelulusan aktuari berkelayakan dan dari lebihan aset atas liabiliti sebagaimana yang ditunjukkan pada penilaian statutori yang terakhir bagi kumpulan wang itu dan apabila membuat apa-apa pengutusan seperti itu, lebihan tersebut hendaklah, bagi maksud-maksud seksyen ini, dianggap sebagai diurangkan sebanyak amaan yang diintukkan itu.

(4) Dalam suatu penggulungan, aset yang terkandung dalam deposit yang dibuat oleh pengendali di bawah Akta ini berkenaan dengan mana-mana satu kelas perniagaan hendaklah dianggap sebagai aset kumpulan wang takaful yang ditubuhkan oleh pengendali berkenaan dengan perniagaan kelas itu, dan subseksyen (2) hendaklah terpakai bagi aset itu sewajarnya.

(5) Sesuatu kumpulan wang takaful yang ditubuhkan oleh pengendali bagi mana-mana kelas perniagaan hendaklah, walaupun pengendali itu pada bila-bila masa terhenti daripada menjalankan kelas perniagaan itu di Malaysia, terus disenggara oleh pengendali selagi pengendali dikehendaki oleh Akta ini supaya menyenggara Daftar bagi sijil yang tergolong dalam kelas itu.

Kehendak-
kehendak
tentang aset
kumpulan
wang
takaful.

17. (1) Aset sesuatu kumpulan wang takaful di bawah Akta ini hendaklah disimpan berasingan dari semua aset lain kepunyaan pengendali, dan tidaklah boleh termasuk aset yang terkandung dalam deposit di bawah Akta ini, dan juga tidaklah boleh termasuk apa-apa amaan atas akaun muhibah, faedah perbelanjaan pembangunan atau butiran-butiran serupa itu yang tidak diperolehi selain dari perniagaan atau sebahagian dari perniagaan pengendali.

(2) Tertakluk kepada seksyen 24, aset mana-mana kumpulan wang takaful adalah—

- (a) nilai aset Malaysia sebagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama, dengan apa-apa tambahan sebagaimana dibenarkan oleh subseksyen (4), adalah tidak kurang daripada lapan puluh peratus daripada jumlah nilai aset kumpulan wang; dan

(b) nilai pelaburan dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang dikeluaran di Malaysia adalah tidak kurang daripada lima belas peratus dari jumlah nilai aset kumpulan wang itu pada bila-bila masa.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (2), maka bolehlah ditambah kepada nilai butiran-butiran yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, amaun atau nilai apa-apa aset kumpulan wang dari jenis-jenis yang berikut:

(a) caruman yang belum dibayar ke atas sijil perpaduan keluarga yang mana liabiliti masa depan boleh dipenuhi dari aset kumpulan wang;

(b) jumlah wang yang merupakan dapatan kembali tuntutan-tuntutan dari pengendali takaful semula di dalam atau di luar Malaysia.

(4) Menteri boleh, berkenaan dengan aset manama kumpulan wang takaful, menghendaki seseorang pengendali takaful supaya—

(a) tidak membuat pelaburan dari suatu kelas atau jenis yang tertentu;

(b) mendapatkan, sebelum tamatnya tempoh tertentu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri keseluruhan atau suatu bahagian tertentu pelaburan dari kelas atau jenis tertentu yang dipegang oleh pengendali semasa kehendak itu dibuat.

(5) Bagi maksud seksyen ini, aset dari semasa, ke semasa yang merupakan apa-apa deposit pengendali takaful semula yang dipegang oleh pengendali takaful untuk memenuhi liabiliti kumpulan wang hendaklah dengan persetujuan pengendali takaful semula dianggap sebagai aset kumpulan wang.

18. (1) Tiada pengendali boleh—

(a) membayar apa-apa dividen atas syerinya sehingga semua perbelanjaan modalnya (termasuk perbelanjaan permulaan, perbelanjaan kelolaan, komisen penjualan syer, bayaran broker, amaun kerugian yang ditanggung, dan apa-apa butiran perbelanjaan lain yang tidak merupakan aset zahir) telah diselesaikan sepenuhnya;

Sekatan-sekatan ke atas bayaran dividen dan pemberian pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit dan kemudahan pembiayaan.

[Bah. II, S. 18]

- (b) memberi suatu pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan terhadap sekuriti syeranya sendiri;
- (c) kecuali dalam apa-apa hal-keadaan khas dan sebanyak amaun sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, memberi pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan—
- i) kepada mana-mana pengarahanya selain dari pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang dijamin oleh sijil di atas nama pengarah;
 - ii) kepada suatu firma di mana ia atau mana-mana dari pengarahanya mempunyai apa-apa kepentingan sebagai pekongsi, pengurus, atau ejen, atau kepada seorang individu atau suatu firma yang untuknya mana-mana pengarahanya, adalah seorang penggerenti;
 - iii) kepada syarikat yang mana-mana dari pengarahanya mempunyai dua puluh peratus daripada syer mengundi atau lebih;
 - iv) kepada syarikat yang pengendalinya mempunyai dua puluh peratus daripada syer mengundi atau lebih;
 - v) kepada syarikat yang mempunyai dua puluh peratus daripada syer mengundi pengendali atau lebih; dan
 - vi) kepada syarikat dalam mana syarikat yang tersebut dalam subperenggan (v) mempunyai dua puluh peratus daripada syer mengundi atau lebih;
- (d) kecuali dalam apa-apa hal-keadaan khas dan sebanyak apa-apa amaun sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, memberi kepada seseorang selain dari pekerjanya atau kepada orang-orang yang tersebut dalam perenggan (c) suatu pendahuluan tak bercagar, pinjaman tak bercagar, kemudahan kredit bercagar atau kemudahan pembiayaan tak bercagar;

- (e) kecuali dalam apa-apa hal-keadaan khas sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, bertindak sebagai penggerenti atas suatu pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diberi kepada mana-mana orang yang tersebut dalam perenggan (c); dan
 - (f) kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah, menyandar, menggadaijanji atau mencagarkan mana-mana aset atau sekuritinya.
- (2) Semua pengarah pengendali adalah bertanggung secara bersesama atau berasingan untuk menanggung rugi pengendali terhadap apa-apa kerugian yang timbul dari pembuatan pendahuluan tak bercagar, pinjaman tak bercagar, kemudahan kredit tak bercagar atau kemudahan pembiayaan tak bercagar.
- (3) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), "pengarah" hendaklah disifatkan termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki atau anak perempuan pengarah.
- (4) Bagi maksud-maksud seksyen ini dan seksyen 19, "pendahuluan tak bercagar", "pinjaman tak bercagar", "kemudahan kredit tak bercagar" atau "kemudahan pembiayaan tak bercagar" masing-masing erti—
- (a) suatu pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang dibuat tanpa sekuriti; atau
 - (b) dalam hal pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang dibuat dengan sekuriti, mana-mana bahagian dari pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan itu yang pada bila-bila masa melebihi—
 - (i) nilai pasaran bagi aset yang menjadi sekuriti itu; atau
 - (ii) nilai aset yang menjadi sekuriti yang ditaksir atas dasar yang diluluskan oleh Ketua Pengarah jika dia berpuas hati bahawa tidak ada nilai pasaran yang tetap.
- (5) Tiada apa jua pun boleh menghalang pengendali daripada melaburkan wangnya mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Syariah.

Penzahiran
kepentingan
oleh
pengarah.

19. (1) Setiap pengarah pengendali yang dengan apa cara jua pun mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, dalam pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan dari pengendali hendaklah dengan seberapa segera yang praktik membuat suatu akuan secara bertulis kepada pengendali tentang jenis dan takat kepentingannya dan pengendali hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas penerimaannya, memberi salinan akuan itu kepada Ketua Pengarah, juruauditnya dan semua pengarahnya.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), suatu notis am yang diberi kepada lembaga pengarah pengendali oleh seorang pengarah yang menyatakan bahawa dia mempunyai kepentingan dalam enterpis, pengusahaan, firma, atau syarikat tertentu bahawa dia hendaklah dianggap mempunyai kepentingan dalam pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang boleh, selepas tarikh notis itu, diberikan kepada enterpis, pengusahaan, firma atau syarikat itu hendaklah disifatkan sebagai akuan yang mencukupi tentang kepentingan berhubungan dengan pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diberi sedemikian jika—

(a) ia menyatakan jenis dan takat kepentingannya dalam enterpis, pengusahaan, firma atau syarikat itu; dan

(b) pada masa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan itu dibuat, kepentingannya tidak berbeza dari segi jenis atau lebih takatnya daripada yang telah dinyatakan dalam notis itu.

(3) Setiap pengarah pengendali yang memegang sesuatu jawatan atau memiliki apa-apa harta yang kerananya, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, suatu tugas atau suatu kepentingan mungkin timbul yang bercanggah dengan tugas atau kepentingan yang sedemikian itu, pengarah itu hendaklah membuat akuan dalam mesyuarat pengarah pengendali akan fakta, jenis dan takat percanggahan yang mungkin timbul itu.

(4) Akuan yang tersebut dalam subseksyen (3) hendaklah dibuat dalam mesyuarat pengarah yang pertama yang diadakan—

(a) setelah orang itu menjadi pengarah pengendali; atau

(b) (jika telahpun menjadi pengarah) setelah orang itu mula memegang jawatan atau memiliki harta yang kerananya percanggahan itu mungkin timbul.

(5) Setiausaha lembaga pengarah pengendali hendaklah menyebabkan dibawa dan dibaca apa-apa akuan yang dibuat atau notis yang diberi di bawah seksyen ini dalam mesyuarat lembaga pengarah yang akan datang setelah akuan itu dibuat atau notis itu diberi dan dia hendaklah merekodkannya dalam minit mesyuarat itu.

(6) Mana-mana pengarah atau setiausaha kepada lembaga pengarah yang bertindak berlawanan dengan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan anabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

20. (1) Jika pengendali telah menubuhkan suatu kumpulan wang takaful di bawah Akta ini, pengendali hendaklah memastikan bahawa apa-apa dokumen yang menerangkan hakmilik pengendali terhadap aset kumpulan wang atau aset yang termasuk dalam subseksyen (5) seksyen 17, selagi dokumen-dokumen itu dipegang oleh atau bagi pihak pengendali, hendaklah disimpan di Malaysia atau, jika tidak disimpan sedemikian, hendaklah disimpan dalam jagaan seseorang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dan di tempat dan atas terma-terma yang diluluskan sedemikian:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, dalam hal seseorang pengendali yang sedang disiasat di bawah Akta ini atau jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa hal-ehwal pengendali sedang dijalankan mengikut cara yang mungkin merosakkan kepentingan peserta, atau bakal peserta, mengarah supaya semua dokumen dihantar untuk disimpan olehnya atau oleh seseorang yang diluluskan olehnya dan di tempat dan atas terma-terma yang diluluskan sedemikian.

Kehendak-
kehendak
tentang
dokumen
yang
menerang-
kan hak aset
kumpulan
wang
takaful.

[Bab. II, S. 20-21]

(2) Seseorang pengendali yang telah menubuhkan kumpulan wang takaful hendaklah dari semasa ke semasa memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis orang yang menjaga apa-apa dokumen itu bagi pihak pengendali.

(3) Apa-apa dokumen yang disimpan oleh Ketua Pengarah atau oleh seseorang yang diluluskan olehnya menurut proviso kepada subseksyen (1) tidaklah boleh dilepaskan kecuali dengan mendapat izin secara bertulis daripada Ketua Pengarah.

(4) Apa-apa dokumen tersebut yang pada masa itu dipegang oleh atau bagi pihak pengendali hendaklah, dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis yang diberi secara bertulis oleh Ketua Pengarah kepada pengendali atau orang yang menyimpan dokumen itu, dikemukakan untuk pemeriksaan kepada Ketua Pengarah atau seorang yang dinamakan olehnya oleh orang yang kapadanya notis itu diberi.

(5) Seseorang yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi empat ribu ringgit dan denda harian tidak melebihi dua ratus ringgit.

Penubuhan
dan
penyeng-
garan
kumpulan
wang skim
jaminan
takaful dan
bayaran
wang dari
kumpulan
wang itu.

21. (1) Maka hendaklah ditubuhkan dan disenggara oleh Ketua Pengarah mengikut seksyen ini, kumpulan wang skim jaminan takaful berkenaan dengan perniagaan am dan perniagaan perpaduan keluarga yang masing-masing dijalankan oleh pengendali di Malaysia setakat mana perniagaan itu berkaitan dengan sijil Malaysia.

(2) Maka hendaklah dibayar masuk ke dalam kumpulan wang skim jaminan takaful melalui Ketua Pengarah semua levi yang boleh dikenakan ke atas pengendali dan dipungut daripada pengendali dengan apa-apa ansuran sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Tertakluk kepada apa-apa arahan oleh Menteri jumlah amaum levi tidaklah boleh melebihi satu peratus daripada caruman sebenar tiap-tiap tahun seseorang pengendali dalam mana-mana satu tahun yang boleh ditaksirkan bagi perniagaan am dan dalam hal perniagaan perpaduan keluarga bagi apa-apa perniagaan baru yang dijalankan oleh pengendali dalam tahun yang terdahulu.

Dalam hal seseorang pengendali yang tidak mengemukakan penyata statutorinya di bawah seksyen 41 pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud mengira amaun levi yang kena dibayar oleh pengendali itu, mentaksir amaun yang disifatkan sebagai pendapatan caruman sebenar pengendali itu bagi tahun yang terdahulu dan amaun yang dipungut itu hendaklah dilaraskan terhadap pendapatan caruman sebenar yang ditunjukkan dalam penyata statutori apabila dikemukakan.

(4) Apa-apa jumlah wang termasuk apa-apa wang atau pendapatan lain yang diterima atau dibayar ke dalam kumpulan wang skim jaminan takaful termasuk apa-apa keuntungan atau dividen yang diperolehi daripada apa-apa pelaburan mana-mana jumlah wang dari kumpulan wang itu boleh dikeluarkan dan digunakan dari semasa ke semasa dengan kelulusan dan tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah untuk menampung kos pentadbiran, kos undang-undang dan lain-lain kos untuk menyenggara dan nientadbir kumpulan wang itu dan liabiliti mana-mana pengendali taksolven sebagaimana yang ditetapkan.

Bagi maksud subseksyen ini seseorang pengendali hendaklah disifatkan sebagai taksolven jika—

- (a) pada penutup tempoh perakaunan yang akhir yang mana pernyataannya telah diserasimpan dengan Ketua Pengarah di bawah seksyen 41, pengendali adalah taksolven;
- (b) prosiding penggulungan telah dimulakan terhadap pengendali;
- (c) suatu perintah penerimaan telah dibuat terhadapnya oleh Mahkamah; dan
- (d) pengendali telah diisytiharkan bankrap.

(5) Menteri boleh menurut budi bicaranya mengarahkan Ketua Pengarah pada bila-bila masa selepas penuhan kumpulan wang skim jaminan takaful memberhentikan pemungutan apa-apa jumlah wang secara levi jika dia berpuas hati bahawa terdapat wang yang lebih daripada mencukupi dalam salah satu atau kedua-dua kumpulan wang itu untuk menampung liabiliti mana-mana pengendali taksolven mengikut subseksyen (4),

tetapi boleh, jika hal-keadaan membenarkan, mengarahkan Ketua Pengarah supaya menyambung semula pungutan itu daripada pengendali berkenaan dengan salah satu atau kedua-dua kumpulan wang skim jaminan takaful :

Dengan syarat bahawa Menteri boleh dari semasa ke semasa menurut budi bicaranya mengarahkan supaya seksyen ini tidaklah terpakai bagi jenis-jenis perniagaan takaful tertentu dalam mana-mana kelas atau boleh terpakai hanya dengan apa-apa kecualian, sekatan atau atas terma-terma atau selama apa-apa tempoh atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkannya.

(6) Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana orang yang layak untuk membantunya dalam pentadbiran dan pembahagian kumpulan wang skim jaminan takaful.

(7) Wang dalam kumpulan wang skim jaminan takaful setakat yang pada masa itu tidak dikehendaki dibelanjakan bagi maksud-maksud seksyen ini boleh dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dan tidak berlawanan dengan Syariah dan semua pendapatan yang terakru berkenaan dengan pelaburan itu hendaklah dikreditkan ke dalam kumpulan wang.

Penguatkuasaan
keperluan
mengenai
daftar sijil
dan
kumpulan
wang
takaful dan
bayaran levi
oleh
pengendali.

22. (1) Jika pengendali ingkar mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen 15 hingga 21, Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis menghendaki pengendali membetulkan keingkaran itu.

(2) Jika pengendali tidak membetulkan keingkaran itu dalam masa satu bulan setelah notis diberi, Mahkamah Tinggi boleh atas permohonan Ketua Pengarah membuat apa-apa perintah terhadap pengendali atau mana-mana pengarah atau pegawai pengendali sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Tinggi dengan tujuan untuk membetulkan keingkaran itu dan selainnya menjamin pematuhan oleh pengendali akan seksyen 15 hingga 21.

(3) Tiada apa juar yang dilakukan di bawah seksyen ini boleh menjelaskan liabiliti mana-mana orang kerana apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.

23. (1) Pengendali hendaklah membuat perkiraan yang konsisten dengan prinsip-prinsip takaful yang baik bagi mentakaful semula liabiliti berkenaan dengan risiko-risiko yang disanggupi atau yang akan disanggupi oleh pengendali semasa dia menjalankan perniagaan takaful.

Takaful semula.

(2) Ketua Pengarah boleh dengan memberi notis secara bertulis menghendaki pengendali menge-mukakan untuk pemeriksannya, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, triti mengenai takaful semula, apa-apa maklumat lanjut lain mengenainya dan apa-apa perkiraan takaful semula lain sebagaimana yang dikehendakinya dalam kes tertentu.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabit-kan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan denda harian tidak melebihi seratus ringgit.

24. (1) Dalam hal sijil perpaduan keluarga yang dikeluarkan kepada peserta yang adalah seorang warganegara, apa-apa wang perpaduan atau wang yang kena dibayar semasa penyerahan sijil itu hendak-lah, walaupun apa juu dalam sijil atau dalam apa-apa perjanjian berhubungan dengannya, dibayar dalam mata wang Malaysia, melainkan jika pada masa pem-bayaran itu, adalah dipersetujui sebaliknya di antara pengendali dan orang yang berhak mendapat bayaran.

Bayaran dalam mata wang Malaysia bagi wang perpaduan di bawah sijil perpaduan keluarga.

(2) Jika pengendali memuaskan hati Ketua Pengarah berkenaan dengan apa-apa sijil perpaduan keluarga yang didaftarkan di bawah Akta ini oleh pengendali bahawa wang perpaduan (termasuk apa-apa wang yang kena dibayar di bawah sijil itu apabila diserahkan) tidak boleh, mengikut sijil atau mana-mana perjanjian berhubungan dengannya, dibayar dalam mata wang Malaysia, maka bagi maksud-maksud subseksyen (2) seksyen 17 sebahagian daripada nilai asset kumpulan wang takaful yang relevan yang mana adalah bersamaan dengan nilai liabiliti pengendali berkenaan dengan sijil yang ditetapkan atas dasar yang diluluskan oleh Ketua Pengarah hendaklah diketepikan.

[Bah. II, S. 25]

Mengambil
alih
risiko oleh
pengendali.

25. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), tiada pengendali boleh mengambil alih apa-apa risiko berkenaan dengan sesuatu perniagaan am melainkan jika dan sehingga—

(a) caruman yang kena dibayar diterima oleh pengendali atau dijamin akan dibayar oleh mana-mana orang mengikut apa-apa cara dan dalam suatu masa sebagaimana yang ditetapkan; atau

(b) deposit bagi suatu amaun sebagaimana yang ditetapkan adalah dibuat terlebih dahulu mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Jika caruman yang kena dibayar menurut subseksyen (1) diterima oleh mana-mana orang, termasuk ejen takaful atau broker, bagi pihak pengendali, penerimaan itu hendaklah disifatkan sebagai penerimaan yang dibuat oleh pengendali bagi maksud-maksud subseksyen itu dan beban membuktikan bahawa caruman yang kena dibayar itu telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen takaful atau broker yang tidak diberi kuasa untuk menerima caruman itu hendaklah terletak pada pengendali.

(3) Subseksyen (1) dan (2) hendaklah terpakai bagi apa-apa jenis perniagaan am takaful sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

(4) Jika mana-mana orang, termasuk ejen takaful atau broker, menerima bagi pihak pengendali suatu caruman atas sijil takaful dari jenis yang ditetapkan pada masa itu menurut subseksyen (3), orang itu hendaklah mendeposit dengan, atau menghantar secara pos kepada, pengendali caruman yang dipungut sedemikian itu dalam suatu masa sebagaimana yang ditetapkan berhubungan dengan sijil-sijil dari jenis itu.

(5) Apa-apa pembayaran balik caruman berhubungan dengan sijil takaful dari jenis yang ditetapkan di bawah subseksyen (3) yang kena dibayar kepada peserta kerana pembatalan sijil atau perubahan di segi terma dan syaratnya atau apa-apa sebab lain hendaklah dibayar oleh pengendali secara langsung kepada peserta dan resit yang sempurna hendaklah diperolehi oleh pengendali dari peserta itu

dan pembayaran balik itu tidak boleh sekali-kalinya dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana orang lain, termasuk ejen takaful atau broker.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

26. Sesuatu sijil takaful tidak boleh dipersoalkan semata-mata oleh sebab hanya sesuatu pernyataan khilaf tentang umur dan tak perpaduan keluarga yang disertai.

Pernyataan khilaf tentang umur dan tak mengelak penyertaan.

27. (1) Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis menghendaki pengendali menyerahkan kepada-nya borang cadangan dan sijil yang digunakan pada masa itu oleh pengendali, dan apa-apa risalah yang digunakan pada masa itu oleh pengendali untuk memperihalkan terma atau syarat, atau faedah yang akan atau yang mungkin akan diperolehi dari sijil itu; dan jika kesemua atau sebahagian daripada mana-mana borang atau risalah itu bukan dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris maka hendaklah diserahkan juga terjemahannya dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Mengawal borang cadangan, sijil dan risalah.

(2) Kehendak di bawah seksyen ini, melainkan jika diperuntukkan selainnya di dalamnya, hendaklah terpakai kepada semua borang dan risalah seperti tersebut di atas tadi yang digunakan selepas kehendak itu dibuat dan sebelum Ketua Pengarah memberitahu pengendali bahawa kehendak itu ditarik balik.

(3) Jika pada hemat Ketua Pengarah, setelah memberi peluang kepada pengendali untuk membuat representasi secara lisan atau bertulis bahawa mana-mana borang atau risalah seperti tersebut di atas tadi melanggari atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini, atau dalam apa-apa segi mungkin mengelirukan, dia boleh melalui notis secara bertulis mengarahkan pengendali supaya menghentikan penggunaan borang atau risalah itu sama ada dengan serta-merta atau dari suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Bagi setiap kali seseorang pengendali menggunakan suatu salinan borang atau risalah dengan melanggar subseksyen (3), pengendali adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi empat ribu ringgit.

(5) Dalam seksyen ini, "risalah" termasuk apa-apa selembaran, pekeliling atau bahan pengiklanan serupa itu, sama ada bercetak atau tidak.

Pernyataan,
janji atau
ramalan
mengeliru-
kan yang
mendorong
orang untuk
membuat
kontrak
takaful.

28. Mana-mana orang yang, dengan apa-apa pernyataan, janji atau ramalan yang dia ketahui adalah mengelirukan, palsu atau memperdayakan atau merahsiakan secara fraud sesuatu fakta matan, atau dengan cara semberono membuat (secara fraud atau sebaliknya) sesuatu pernyataan, janji, atau ramalan yang mengelirukan, palsu atau memperdayakan, mendorong atau cuba untuk mendorong orang lain untuk membuat atau menawar untuk membuat apa-apa kontrak takaful dengan seorang pengendali adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kehendak-
kehendak
berkenaan
dengan
prospektus
dan
kenyataan
modal.
Akta 125.

29. (1) (a) Dalam sesuatu kes di mana, di bawah seksyen 39 atau 42 Akta Syarikat 1965, adalah menyalahi undang-undang untuk mengeluarkan, mengedaran atau membahagikan suatu prospektus berhubungan dengan suatu syarikat tanpa satu salinannya dihantar terlebih dahulu untuk pendaftaran di bawah Akta itu, adalah juga menyalahi undang-undang, dalam hal sesuatu syarikat yang didaftarkan atau yang dicadang untuk didaftarkan sebagai pengendali di bawah Akta ini, melakukan sedemikian tanpa prospektus itu diizinkan oleh Ketua Pengarah; dan mana-mana orang yang dengan diketahuinya bertanggungjawab atas pengeluaran, pengedaran atau pembahagian sesuatu prospektus yang melanggar subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

(b) Dalam subseksyen ini "prospektus" termasuklah apa-apa dokumen yang mana ungkapan itu terpakai dalam seksyen 39 atau 42 yang tersebut itu.

(2) Jika notis, iklan atau lain-lain penerbitan rasmi sesuatu syarikat yang didaftarkan atau yang dicadang untuk didaftarkan sebagai pengendali di bawah Akta ini, mengandungi suatu pernyataan mengenai modal syarikat yang dibenarkan, dan tidak menyatakan di dalamnya banyak mana modal yang telah dicarum dan yang telah dibayar, syarikat itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi empat ribu ringgit.

30. Kecuali dengan kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, tiada pengendali boleh membuka pejabat cawangan.

31. (1) Tanpa menjelaskan apa-apa jua yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965, mana-mana orang yang menjadi pengarah urusan, pengarah, ketua eksekutif, pegawai utama atau pengawal pengendali hendaklah terhenti daripada memegang jawatan—

(a) jika dia menjadi bankrap;

(b) jika dia menyerahhakkan hartanya bagi faedah pembiutangnya atau membuat suatu perkiraan dengan pembiutangnya menurut mana-mana undang-undang berhubungan dengan kebankrapan; atau

(c) jika dia disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan kecurangan atau fraud.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

32. Seseorang pengendali hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah akan hal yang mana-mana orang telah menjadi atau terhenti menjadi pengarah urusan, pengarah, ketua eksekutif atau pegawai utama sebelum habis tempoh empat belas hari dari hari berikutnya dengan hari yang hal atau perkara itu sampai kepada pengetahuan pengendali.

Kuasa
Ketua
Pengarah
untuk
meng-
hendaki
maklumat
bagi
meneriksa
buku, dsb.

33. (1) Ketua Pengarah boleh melalui notis secara ber-tulis menghendaki mana-mana pengendali memberi kepadanya apa-apa maklumat atau hadir di hadapannya, melalui mana-mana pengarah, pegawai atau wakil pengendali sebagaimana yang ditetapkannya dalam notis itu, tentang apa-apa perkara yang ber-hubungan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh pengendali itu jika pada pendapat Ketua Pengarah maklumat atau kehadiran itu adalah perlu bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Mana-mana pengendali, yang notis di bawah sub-seksyen (1) telah disampaikan kepadanya, hendaklah membenarkan Ketua Pengarah mendapat akses kepada semua buku, akaun, rekod dan lain-lain dokumen se-bagaimana yang dikehendakinya.

(3) Ketua Pengarah boleh, setelah memberi notis ber-tulis kepada pengendali dari semasa ke semasa meme-riksa secara rahsia buku, akaun dan transaksi mana-mana pengendali dan mana-mana pejabat cawangan-nya.

(4) Jika seseorang tidak mematuhi mana-mana ke-hendak di bawah subseksyen (1) atau (2) atau enggan membenarkan pemeriksaan dijalankan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3), dia adalah melaku-kan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua belas ribu ringgit.

Pertukaran
dalam
kawalan
pengendali.

34. (1) Pertukaran dalam kawalan tidak boleh dibuat ke atas pengendali yang diperbadankan di Malaysia atau yang didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di Malaysia melainkan jika Ketua Pengarah telah memberi kelulusan secara bertulis bagi pertukaran itu.

(2) Dalam seksyen ini, "kawalan" ertiannya pemilikan, secara langsung atau secara tak langsung, kuasa untuk mengarahkan atau menyebabkan diberi arahan kepada pihak pengurusan dan tentang polisi pengendali.

Ejen dan
broker
takaful.

35. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan per-niagaan takaful di Malaysia sebagai ejen takaful bagi seseorang pengendali yang tidak berkelayakan di bawah Akta ini untuk menjalankan perniagaan yang dipersoalkan di Malaysia; dan seorang yang melanggar sub-seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan

dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dengan ditambah sebanyak empat ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari yang dia dibuktikan telah melakukan kesalahan itu, atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada broker takaful boleh, semasa menjalankan urusannya sebagai sedemikian, merundingi apa-apa kontrak takaful dengan seseorang pengendali selain daripada pengendali yang berkelayakan di bawah Akta ini untuk menjalankan urusan yang dipersoalkan itu di Malaysia, dan tiada seorang pun di Malaysia boleh mensolisit perniagaan takaful bagi pengendali yang tidak berkelayakan untuk menjalankan perniagaan itu di Malaysia; dan seseorang yang melanggar subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lapan ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Sebutan-sebutan dalam subseksyen (2) mengenai kontrak takaful dan perniagaan takaful tidaklah terpakai bagi takaful semula.

(4) Seksyen 33 hendaklah terpakai bagi ejen takaful dan broker takaful.

36. (1) Mana-mana orang yang—

(a) mempelawa seorang lain untuk membuat tawaran atau cadangan atau mengambil apa-apa langkah lain dengan tujuan untuk membuat suatu kontrak takaful dengan seseorang pengendali; dan

Orang
perantaraan
dalam
transaksi
takaful.

(b) ada kaitan dengan pengendali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan,

adalah dikehendaki memberi maklumat yang ditetapkan berkenaan dengan kaitannya dengan pengendali kepada orang yang kepadanya pelawaan itu dibuat.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Melesenkan
broker.

37. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak atau mengemukakan dirinya sebagai broker takaful melainkan jika dia adalah pemegang lesen sebagai broker takaful yang diberi oleh Ketua Pengarah dan adalah anggota persatuan broker takaful yang diluluskan oleh Menteri.

(2) Ketua Pengarah tidaklah dikehendaki menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen ini melainkan jika dia telah diberi apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditetapkan atau yang dikehendakinya dalam kes tertentu.

(3) Dalam memberi suatu lesen di bawah seksyen ini Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh pada bila-bila masa menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat itu.

(4) Tiap-tiap lesen di bawah seksyen ini hendaklah diberikan bagi suatu tempoh selama dua belas bulan setelah dibayar fee yang ditetapkan.

(5) Ketua Pengarah boleh membatalkan apa-apa lesen yang diberi di bawah seksyen ini jika dia berpuas hati bahawa apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen telah dilanggar atau adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lapan ribu ringgit dengan ditambah sebanyak dua ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari dia dibuktikan telah melakukannya atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Ajuster.

38. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak atau mengemukakan dirinya sebagai seorang adjuster melainkan jika dia adalah pemegang lesen sebagai seorang adjuster yang diberi oleh Ketua Pengarah dan adalah seorang anggota sesuatu persatuan adjuster yang diluluskan oleh Menteri.

(2) Ketua Pengarah tidaklah dikehendaki menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen ini melainkan jika dia telah diberi apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditetapkan atau yang dikehendakinya dalam kes tertentu.

(3) Dalam memberi sesuatu lesen di bawah seksyen ini Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh pada bila-bila masa menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat itu.

(4) Tiap-tiap lesen di bawah seksyen ini hendaklah diberikan bagi suatu tempoh selama dua belas bulan setelah dibayar fee yang ditetapkan.

(5) Ketua Pengarah boleh membatalkan apa-apa lesen yang diberi di bawah seksyen ini jika dia berpuas hati bahawa apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen telah dilanggar atau adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(6) Tiada suatu pun dalam seksyen ini boleh dipakai bagi—

(a) seorang peguambela dan peguamcara dan anggota-anggota dari profesion lain yang bertindak atau membantu menyelaraskan tuntutan takaful yang bersampingan dengan amalan profesion mereka dan yang tidak mengemukakan diri mereka sebagai ajuster;

(b) seorang ajuster bagi kerugian maritim; atau

(c) seorang pekerja pengendali yang, semasa menjalankan pekerjaannya, bertindak atau membantu menyelaraskan tuntutan takaful dan yang tidak mengemukakan dirinya sebagai seorang ajuster.

(7) Tiap-tiap ajuster hendaklah dalam masa satu bulan setelah berakhirnya setiap suku tahun mengemukakan kepada Ketua Pengarah satu laporan suku tahun dalam borang yang ditetapkan tentang semua kerugian yang menjadi perkara penyalaran yang dilaksanakan olehnya.

(8) Seksyen 30 dan 33 adalah terpakai bagi ajuster.

(9) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dengan ditambah sebanyak empat ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari dia dibuktikan telah melakukannya, atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

[Bah. II-III, S. 38-41]

(10) Jika seseorang itu tidak mengemukakan laporan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (7), dia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan denda harian tidak melebihi dua ratus ringgit.

Pemeriksaan
ke atas
orang yang
disyaki
bertindak
mengemuka-
kan dirinya
sebagai
broker atau
ajuster.

39. (1) Apabila Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mengesyaki atau mempercayai bahawa seseorang itu bertindak atau mengemukakan dirinya sebagai broker takaful atau ajuster tanpa suatu lesen yang diberi di bawah Akta ini, dia boleh meminta atau memeriksa buku, akaun dan rekod orang itu bagi menentukan sama ada atau tidak orang itu telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja enggan mengemukakan buku, akaun dan rekod atau enggan membenarkan pemeriksannya adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda sebanyak dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh dua belas bulan atau kedua-duanya dan denda harian tidak melebihi empat ribu ringgit.

Kecualian
bagi
kecemasan
sijil.

40. Tiada suatu pun dalam Bahagian ini boleh berkuat-kuasa untuk membatalkan mana-mana sijil takaful.

BAHAGIAN III

PENYATA, PENYIASATAN, PENGGULUNGAN DAN PEMINDAHAN PERNIAGAAN

Akaun
tahunan dan
audit.

41. (1) Seseorang pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah menyediakan pernyataan akaun dan lain-lain pernyataan yang dikehendaki oleh Bahagian I Jadual Kedua dan menyerahsimpannya dengan Ketua Pengarah (bersama-sama dengan apa-apa fee yang ditetapkan), dan Bahagian III Jadual itu setakat mana yang relevan dengan pernyataan itu, hendaklah mempunyai kesan mengenai bentuk dan kandungannya serta masa dan cara ianya akan diserahsimpan.

(2) Seseorang pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah diaudit akaunnya bagi setiap tempoh perakaunan yang baginya pernyataan akaun itu disediakan mengikut subseksyen (1), dan apabila pernyataan itu diserahsimpan dengan Ketua Pengarah maka hendaklah diserahsimpan bersama-sama suatu sijil juruaudit sebagaimana yang dikehendaki oleh Bahagian I Jadual Kedua.

(3) Audit yang dikehendaki oleh subseksyen (2) hendaklah dibuat oleh seseorang yang—

- (a) mempunyai tempat perniagaan di Malaysia;
- (b) pada masa itu diberi kuasa di bawah seksyen 8 Akta Syarikat 1965, menjadi juruaudit pengendali atau juruaudit syarikat secara am; dan
- (c) pada masa itu telah mendapat kelulusan dari-pada Ketua Pengarah untuk bertindak bagi maksud-maksud seksyen ini.

(4) Dokumen-dokumen yang hendak diserahsimpan dengan Ketua Pengarah di bawah seksyen ini bagi apa-apa tempoh perakaunan pengendali hendaklah disertakan dengan salinan apa-apa laporan yang dikemukakan kepada anggota-anggota pengendali berkenaan dengan tempoh itu dan (jika ia bukan di antara dokumen-dokumen yang diserahsimpan sedemikian) dengan apa-apa pernyataan akaun yang dikemukakan sedemikian berkenaan dengan tempoh itu; tetapi sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai dokumen-dokumen yang diserahsimpan dengan Ketua Pengarah tidaklah boleh dikira termasuk dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh seksyen ini disertakan dengan dokumen-dokumen yang diserahsimpan itu.

(5) Jika apa-apa laporan atau pernyataan yang tersebut dalam subseksyen (4) adalah dalam bahasa yang lain daripada Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris, salinan yang dikehendaki oleh subseksyen itu hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris dan hendaklah diperakui oleh penterjemah sebagai terjemahan yang sebenar dari salinannya yang asal.

Penyiasatan aktuari dan laporan tentang perniagaan perpaduan keluarga.

42. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, seseorang pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga hendaklah menyebabkan suatu penyiasatan dibuat oleh seorang aktuari yang berkelayakan ke atas keadaan kewangan bagi bahagian kumpulan wang takaful dari perniagaan perpaduan keluarganya yang diuntukkan dengan khasnya untuk membayar faedah-faedah takaful dan hendaklah menyebabkan laporan mengenainya dibuat oleh aktuari kepada pengendali itu, dan hendaklah diserahsimpan dengan Ketua Pengarah (bersama-sama dengan apa-apa fee yang ditetapkan) ringkasan laporan aktuari dan sijil yang berhubungan dengannya dan apa-apa pernyataan tentang perniagaan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Bahagian II Jadual Kedua dan Bahagian III Jadual itu, setakat mana yang relevan dengan dokumen-dokumen itu, hendaklah mempunyai kesan mengenai bentuk dan kandungannya serta masa dan cara ianya akan diserahsimpan.

(2) Penyiasatan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat tiap-tiap tahun pada akhir tiap-tiap tempoh perakaunan sebagaimana yang ditetapkan oleh pengendali.

(3) Sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai dokumen-dokumen yang diserahsimpan dengan Ketua Pengarah tidaklah boleh dikira termasuk dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh seksyen ini disertakan dengan dokumen-dokumen yang diserahsimpan sedemikian.

(4) Jika pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga—

(a) telah membuat penyiasatan aktuari ke atas perniagaan perpaduan keluarga yang baginya ada disenggarakan suatu kumpulan wang takaful di bawah Akta ini (sama ada dengan atau tanpa apa-apa perniagaan perpaduan keluarga lain yang dijalankan olehnya); dan

(b) penyiasatan itu tidak dibuat untuk mematuhi subseksyen (1) atau apa-apa peruntukan tentang penyata dalam undang-undang berhubungan dengan takaful dalam suatu negara di luar Malaysia, tetapi hasil penyiasatan itu diumumkan,

maka pengendali hendaklah, apabila dokumen-dokumen itu diserahsimpan dengan Ketua Pengarah, mematuhi kehendak-kehendak subseksyen (1) sama halnya seperti penyiasatan di bawah subseksyen itu.

43. (1) Jika pada hemat Ketua Pengarah bahawa apa-apapun dokumen yang diserahsimpan mengikut seksyen 41 dan 42 mengenai sesuatu hal itu adalah tidak memuaskan, tidak lengkap, tidak tepat atau mengelirukan atau ia tidak mematuhi kehendak-kehendak Akta ini, Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis menghendaki apa-apapun penjelasan sebagaimana yang difikirkannya perlu dibuat oleh atau bagi pihak pengendali dalam suatu masa (tidak kurang daripada empat belas hari) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu.

(2) Ketua Pengarah boleh, setelah menimbangkan penjelasan yang tersebut dalam subseksyen (1), atau jika penjelasan itu tidak diberi oleh atau bagi pihak pengendali dalam masa yang ditetapkan dalam subseksyen itu, menolak dokumen itu atau memberi apa-apapun arahan sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi membuat perubahan dalam suatu masa (tidak kurang daripada satu bulan) sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan itu.

(3) Arahan-arahan yang diberi di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan apa-apapun dokumen boleh menghendaki dibuat apa-apapun perubahan berbangkit akan apa-apapun dokumen lain yang diserahsimpan oleh pengendali di bawah seksyen 41 dan 42 sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan itu.

(4) Jika arahan diberi di bawah subseksyen (2), apa-apapun dokumen yang berkaitan dengannya hendaklah disifatkan belum diserahsimpan sehingga ianya dikemukakan semula dengan perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh arahan itu, tetapi pengendali hendaklah disifatkan telah mengemukakan dokumen itu dalam masa yang dihadkan oleh Jadual Kedua jika ia dikemukakan semula seperti yang tersebut di atas dalam masa yang dihadkan oleh arahan itu.

Kuasa untuk
meng-
hendaki
penyata di
bawah
seksyen 41
dan 42
dibetulkan.

Peruntukan-
peruntukan
tambahan
mengenai
penyata di
bawah
seksyen 41
dan 42.

44. (1) Seseorang peserta kepada pengendali adalah berhak, setelah memohon kepada pengendali, supaya dihantar oleh pengendali di alamat yang diberikan olehnya salinan-salinan dokumen yang diserahsimpan oleh pengendali untuk mematuhi seksyen 41 dan 42 dan supaya salinan itu dihantar tidak lewat daripada empat belas hari setelah pengendali menerima permohonan itu:

Dengan syarat bahawa hak itu tidaklah boleh meliputi apa-apa dokumen yang dikecualikan daripada subseksyen ini oleh Bahagian I Jadual Kedua atau dokumen dari apa-apa jenis lain kecuali jenis yang terakhir sekali diserahsimpan.

- (2) Seseorang itu adalah berhak, setelah membayar fee yang ditetapkan, memeriksa pada bila-bila masa sepanjang waktu bekerja, di pejabat Ketua Pengarah, apa-apa dokumen yang diserahsimpan oleh pengendali bagi mematuhi seksyen 41 atau 42 dan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh subseksyen (4) seksyen 41 supaya disertakan dengan dokumen yang diserahsimpan sedemikian, dan membuat satu salinan kesemua atau mana-mana bahagiannya:

Dengan syarat bahawa hak itu tidaklah boleh meliputi apa-apa dokumen yang dikecualikan daripada subseksyen ini oleh Bahagian I Jadual Kedua atau dokumen dari apa-apa jenis lain yang diserahsimpan lebih daripada sepuluh tahun terdahulunya.

- (3) Dalam mana-mana prosiding, sesuatu sijil yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah bahawa sesuatu dokumen adalah dokumen yang diserahsimpan oleh pengendali supaya mematuhi seksyen 41 atau 42, atau yang disertakan dengan dokumen yang diserahsimpan sedemikian, bolehlah diterima sebagai keterangan akan fakta-fakta yang diperakui itu.

- (4) Jika seseorang pengendali tidak mematuhi seksyen 41 atau 42, pengendali itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan denda harian tidak melebihi dua ratus ringgit.

Penyata
perubahan
dalam
butir-butir
pendaftaran.

45. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika pengendali didaftarkan di bawah Akta ini berkenaan dengan mana-mana satu kelas perniagaan takaful, pengendali itu hendaklah dari semasa ke semasa, sehingga pengendali terhenti daripada didaftarkan sedemikian, memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa perubahan yang menjelaskan butir-butir pendaftaran pengendali, dan hendaklah berbuat sedemikian dalam masa tiga bulan selepas perlakunya perubahan itu.

(2) Jika perubahan itu terkandung dalam pindaan kepada mana-mana dokumen atau gantian mana-mana dokumen oleh suatu dokumen baru, pengendali hendaklah memberi kepada Ketua Pengarah satu salinan dokumen yang menunjukkan pindaan itu atau, mengikut mana yang berkenaan, satu salinan dokumen yang baru itu.

(3) Seksyen ini hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada apa-apa kecualian yang ditetapkan, dan Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu kes tertentu mengenepikan (sama ada dengan tidak bersyarat atau tertakluk kepada apa-apa syarat) kehendak memberi maklumat di bawah seksyen ini tentang apa-apa perkara.

(4) Dalam seksyen ini "butir-butir pendaftaran" ertiinya dokumen dan maklumat yang diberi oleh pengendali untuk mematuhi subseksyen (3) seksyen 8 apabila memohon untuk didaftarkan berkenaan dengan kelas perniagaan yang berkenaan, atau yang diberi oleh pengendali untuk mematuhi seksyen ini berkenaan dengannya.

46. (1) Ketua Pengarah boleh memulakan suatu penyiasatan ^{penyiasatan} _{hal-hal} ^{pengendali} _{takaful.} ke atas kesemua atau mana-mana bahagian perniagaan yang dijalankan oleh seseorang pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini, jika pada hemat Ketua Pengarah—

- (a) pengendali itu tidak dapat atau mungkin tidak dapat memenuhi kewajipannya;
- (b) pengendali itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini berhubung dengan kumpulan wang takaful;

- (c) pengendali itu, setelah diberi notis di bawah seksyen 33, belum lagi, dalam masa satu bulan selepas itu, memberi maklumat yang dikehendaki dengan sepenuhnya dan dengan memuaskan;
- (d) pengendali itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen 41, 42 atau 45;
- (e) perbelanjaan atau mana-mana kelas perbelanjaan yang dilakukan semasa memperolehi, menyenggara atau mentadbir apa-apa perniagaan takaful bagi pengendali adalah tinggi dengan tidak wajar berhubungan dengan pendapatan yang diperolehi dari caruman;
- (f) cara dengan mana apa-apa pendapatan atau perbelanjaan pengendali itu diumpuk di antara kumpulan-kumpulan wang takaful atau di antara suatu kumpulan wang takaful dengan mana-mana kumpulan wang atau akaun lain adalah tak saksama; atau
- (g) apa-apa maklumat yang dimiliki oleh Ketua Pengarah memerlukan diadakan penyiasatan seperti itu.

(2) Sebelum memulakan sesuatu penyiasatan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan kepada pengendali suatu notis secara bertulis yang menetapkan bahawa sebelum tamat sesuatu penyiasatan di bawah seksyen ini pengendali tidaklah boleh dalam apa-apa hal-keadaan kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, melupuskan apa-apa aset yang terletak hak pada pengendali atau yang terakru kepada pengendali.

Walau apa pun keluasan makna yang tersebut di atas bagi maksud-seksyen ini, aset adalah termasuk tetapi tidaklah terhad kepada—

- (i) aset tak alih ... mana-mana tanah, bangunan dan lekapan;

- (ii) aset alih ... apa-apa perabot, kelengkapan, buku, majalah berkala dan apa-apa barang alih lain, apa-apa kenderaan motor, vesel, kapal, pesawat udara dan lain-lain cara pengangkutan dari apa jua jenis termasuklah apa-apa traktor, jentolak dan apa-apa jenis jentera ringan dan berat yang lain dan juga alat dan perkakas;
- (iii) pelaburan ... apa-apa sekuriti kerajaan Persekutuan, Negeri dan tempatan termasuk sekuriti bagi mana-mana badan kuasi kerajaan atau ejensi;
- (iv) syarikat dan lain-lain pelaburan ... apa-apa stok dan syer sama ada disebut dalam sesuatu bursa saham atau tak disebutkan;
- (v) wang tunai ... apa-apa wang tunai yang didepositkan dalam mana-mana bank, institusi pinjaman atau yang disimpan dengan mana-mana badan atau ejensi lain selama apa jua tempoh sama ada atas akaun semasa atau akaun deposit termasuk apa-apa amaun wang tunai dalam tangan yang boleh ditentukan;
- (vi) lain-lain aset ... apa-apa caruman, komisen dan lain-lain hutang atau bayaran yang belum dijelaskan yang terhutang dan kena dibayar dan hak yang kontraktual atau selainnya yang terakru atau terletak-hak pada pengendali.

(3) Ketua Pengarah sendiri boleh menjalankan penyiasatan atau boleh melantik seorang pemeriksa untuk membuat penyiasatan itu dan melaporkan hasil penyiasatan itu kepadanya.

(4) Ketua Pengarah boleh melantik seorang juru-audit (selain dari juruaudit yang menyediakan pernyataan akaun atau lain-lain pernyataan bagi pengendali di bawah seksyen 41), seorang aktuari, atau mana-mana orang lain yang sesuai menjadi pemeriksa untuk menjalankan penyiasatan di bawah seksyen ini dan kos penyiasatan itu hendaklah dibayar oleh pengendali.

(5) Dalam membuat sesuatu penyiasatan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah atau pemeriksa boleh menghendaki—

- (a) pengendali, atau mana-mana orang yang menyimpannya bagi pihak pengendali;
- (b) mana-mana orang yang menjadi atau telah pada bila-bila masa menjadi atau bertindak sebagai pengarah, aktuari, juruaudit, pegawai, pengkhidmat atau ejen pengendali; atau
- (c) mana-mana peserta pengendali yang dahulu atau sekarang,

mengemukakan untuk pemeriksannya, dan membenarkannya mempunyai akses kepada dan menyalin kesemua atau mana-mana bahagian daripada, mana-mana buku, akaun, rekod atau lain-lain dokumen pengendali, sama ada yang disimpan di Malaysia atau di tempat lain (termasuk dokumen yang menerangkan hak milik pengendali ke atas sesuatu aset):

Dengan syarat bahawa suatu kehendak di bawah subseksyen ini hendaklah meliputi hanya dokumen-dokumen berhubungan dengan perniagaan yang dijalankan oleh pengendali di Malaysia, atau yang menerangkan hak milik pengendali ke atas aset yang dipegang bagi maksud apa-apa perniagaan seperti itu.

(6) Dalam membuat sesuatu penyiasatan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah atau pemeriksa boleh menghendaki mana-mana individu sebagaimana yang ditetapkan dalam subseksyen (5) supaya hadir di hadapannya dan diperiksa dengan mengangkat sumpah berkenaan dengan perniagaan pengendali, dan bagi maksud-maksud subseksyen ini boleh mengendalikan sumpah.

(7) Jika mana-mana orang enggan atau tidak, apabila dikehendaki berbuat demikian di bawah sub-seksyen (5) atau (6), mengemukakan sesuatu dokumen dalam simpanan atau kuasanya atau hadir atau menyerah untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah atau pemeriksa atau pun menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepada dia apabila diperiksa sedemikian, Ketua Pengarah atau pemeriksa boleh mengesahkan keengganan itu di bawah tandatanganinya dan dihantar ke Mahkamah Tinggi; dan Mahkamah Tinggi boleh selepas itu menyiasat kes itu, dan setelah mendengar mana-mana saksi yang di kemukakan terhadap atau bagi pihak pesalah yang dikatakan itu dan setelah mendengar apa-apa pernyataan yang diberi sebagai pembelaan, menghukum pesalah itu dengan cara yang sama seolah-olah dia telah ber salah kerana menghina Mahkamah Tinggi.

47. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa hal-
ehwal pengendali dijalankan mengikut cara yang
mungkin merugikan kepentingan awam, kepentingan
peserta, atau kepentingan pengendali, Ketua Pengarah
boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada pengendali
sebagaimana difikirkannya perlu dan khususnya boleh
menghendaki pengendali—

Kuasa
Ketua
Pengarah
untuk
mengeluar-
kan arahan.

- (a) mengambil apa-apa tindakan atau mengambil bertugas mana-mana kakitangan pengurusan sebagaimana perlu untuk membolehkan pengendali menjalankan perniagaannya mengikut prinsip-prinsip takaful yang baik;
- (b) memecat mana-mana pengarahnya yang Ketua Pengarah fikirkan bukannya orang yang layak dan sesuai untuk terus menjadi pengarah;
- (c) mengambil tindakan mengenai pelupusan atau mendapatkan kembali asetnya;
- (d) mengambil langkah untuk mendapatkan kembali wang yang pada hemat Ketua Pengarah telah dibayar secara menyalahi undang-undang atau tak wajar;
- (e) menghentikan pembaharuan atau menghentikan pengeluaran sijil bagi kelas perniagaan yang dimaksudkan dengan arahan itu;

(f) membuat apa-apa perkiraan berkenaan dengan takaful semula sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh mengubahsuai atau membalkan apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) dan dalam berbuat demikian boleh mengenakkan apa-apa syarat sebagaimana difikirkannya patut.

(3) Seseorang pengendali yang tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan sebanyak empat ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama mana kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Peruntukan
am
mengenai
peng-
gulungan.

48. (1) Orang-orang yang boleh membuat petisyen di bawah Akta Syarikat 1965 bagi penggulungan pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini, atau bagi penerusan penggulungan pengendali seperti itu terakluk kepada pengawasan Mahkamah, hendaklah termasuk Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjadi suatu pihak dalam mana-mana prosiding di bawah Akta Syarikat 1965, berhubungan dengan penggulungan pengendali seperti itu, dan likuidator dalam penggulungan itu hendaklah memberi kepadanya apa-apa maklumat yang ditanyai dari semasa ke semasa mengenai hal-hal pengendali itu.

(3) Bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta Syarikat 1965, bagi penggulungan pengendali seperti itu oleh Mahkamah, liabiliti kontingen dan prospektif pengendali berkenaan dengan sijil hendaklah, dalam menentukan sama ada ia tidak dapat membayar hutangnya, dianggarkan mengikut peraturan-peraturan itu; dan keterangan bahawa pengendali adalah taksolven pada penutup tempoh perakaunan yang akhir yang baginya pernyataan akaun telah diserahsimpan dengan Ketua Pengarah di bawah seksyen 41 hendaklah menjadi bukti bahawa pengendali itu terus tidak dapat membayar hutangnya.

(4) Jika Menteri mengemukakan kepada Jawatankuasa Kaedah cadangan-cadangan bagi membuat peruntukan khas di bawah seksyen 372 Akta Syarikat 1965, berhubungan dengan pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini atau apa-apa jenis pengendali, Jawatankuasa itu boleh melalui kaedah-kaedah di bawah seksyen itu melaksanakan cadangan-cadangan, sama ada sebagaimana dikemukakan atau tertakluk kepada apa-apa ubahsuai sebagaimana yang dimikirkan patut oleh Jawatankuasa.

(5) Cadangan-cadangan di bawah subseksyen (4), dan kaedah-kaedah yang dibuat menurut kuasanya, boleh mengadakau peruntukan bagi pengubahsuai atau pengecualian, berhubungan dengan pengendali yang didaftarkan sedemikian, peruntukan-peruntukan Bahagian X Akta Syarikat 1965 yang menghendaki diadakan mesyuarat atau selainnya berhubungan dengan prosedur dalam penggulungan.

(6) Dalam penggulungan pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini, subseksyen (2) seksyen 291 Akta Syarikat 1965 (yang memakai kaedah-kaedah kebankrapan dalam penggulungan syarikat taksolven) tidaklah terpakai bagi penilaian liabiliti berkenaan dengan sijil; tetapi dalam sesuatu penggulungan itu, sama ada pengendali itu taksolven atau tidak, liabiliti itu hendaklah dianggarkan mengikut peraturan-peraturan dan, berkenaan dengan perkara-perkara yang tidak ditetapkan oleh peraturan-peraturan, atas dasar yang diluluskan oleh Mahkamah:

Dengan syarat bahawa dalam penggulungan sukarela seorang anggota, dasar yang akan dipakai berkenaan dengan perkara-perkara yang tidak ditetapkan oleh peraturan-peraturan boleh diluluskan oleh Ketua Pengarah dan bukannya oleh Mahkamah.

(7) Sebutan-sebutan dalam seksyen ini mengenai pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah juga meliputi pengendali yang telah terhenti dari pada didaftarkan sedemikian tetapi terus berada di bawah apa-apa liabiliti berkenaan dengan sijil Malaysia.

Peruntukan
khas bagi
pengendali
takaful yang
diarahkan
supaya
menghentikan
perniagaan
takaful.

49. (1) Jika Ketua Pengarah memberi pengendali suatu arahan di bawah subseksyen (1) (e) seksyen 47, pengendali boleh digulung oleh Mahkamah di bawah Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia telah menggantung perniagaannya bagi keseluruhan tahun (atau, dalam hal penggulungan di bawah Penggal 5 Bahagian X Akta itu, seolah-olah ianya telah terhenti menjalankan perniagaan).

(2) Jika Ketua Pengarah memberi pengendali suatu arahan seperti tersebut di atas tadi tetapi, atas suatu petisyen supaya pengendali digulungkan oleh Mahkamah, Mahkamah berpuas hati bahawa pengendali boleh membayar hutangnya dengan penuh dalam masa dua belas bulan atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah, Mahkamah boleh (jika difikirkannya patut) memerintahkan supaya hal-ehwal pengendali digulung hanya berkenaan dengan kumpulan wang takaful yang disenggara untuk jenis perniagaan yang dimaksudkan dengan arahan itu.

(3) Suatu perintah di bawah subseksyen (2) bagi penggulungan yang terhad hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti suatu perintah supaya pengendali digulungkan secara am, kecuali setakat mana seksyen ini memperuntukkan selainnya.

(4) Jika perintah seperti itu dibuat, kuasa likuidator hendaklah kena dijalankan hanya bagi maksud menggunakan aset bagi kumpulan wang takaful yang relevan sahaja (termasuk deposit di bawah Akta ini) dalam melepaskan liabiliti yang mengenainya ia terpakai, bersama-sama dengan kos, caj dan perbelanjaan yang dilakukan dalam penggulungan itu; tetapi pengendali hendaklah dari semasa ke semasa, sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, membuat apa-apa tambahan kepada aset itu sebagaimana yang dikehendaki untuk menjaminkan yang ia mencukupi bagi maksud itu atau hendaklah, jika Mahkamah mengarahkan sedemikian, melepaskan mana-mana liabiliti itu dari aset lain.

(5) Dalam penggulungan seseorang pengendali di bawah perintah seperti itu, Akta Syarikat 1965 hendaklah mempunyai kuatkuasa tertakluk kepada ubahsuaian yang berikut:

- (a) seksyen 214 (atau, mengikut mana yang berkenaan, seksyen 316) dan lain-lain seksyen setakat mana ianya berhubungan dengan caruman tidaklah terpakai;
- (b) seksyen 222 hendaklah terpakai, sebagaimana terpakai sebelumnya, setelah dibuat perintah penggulungan, dan subseksyen (3) seksyen 126 tidaklah terpakai; dan
- (c) seksyen 223, 224, 272, 283 dan 293 hingga 299 tidaklah terpakai.

(6) Jika perintah seperti itu dibuat, Mahkamah boleh pada bila-bila masa, atas permintaan likuidator atau mana-mana orang yang mungkin membuat petisyen supaya pengendali digulungkan, mengantikan suatu perintah supaya pengendali digulungkan secara am, dan memberi apa-apa arahan yang difikirkan patut oleh Mahkamah tentang perkara-perkara yang sedang berjalan di bawah perintah yang terdahulu, dan, tertakluk kepada apa-apa arahan seperti itu, penggulungan hendaklah, bagi segala maksud berkaitan dengan perintah yang digantikan itu, disifatkan telah mula berkuatkuasa pada masa pemakaian perintah itu.

50. (1) Jika sesuatu koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi adalah pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini, tiada apa-apa prosiding bagi pembubaran atau penggulungan koperasi itu boleh diambil di bawah Bahagian VII Akta itu kecuali dengan keizinan Ketua Pengarah dan mengikut apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang difikirkannya patut dengan melampirkan keizinan itu.

Koperasi menjalankan perniagaan takaful.

(2) Walau apa pun peruntukan—

- (a) seksyen 57 Akta Koperasi 1948 atau seksyen 59 Ordinan Koperasi Sabah dan Sarawak, mengikut mana yang berkenaan; atau
- (b) subseksyen (1) seksyen 314 Akta Syarikat 1965, mana-mana koperasi seperti itu yang menjadi pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai syarikat tak berdaftar dalam erti

[Bah. III, S. 50-51]

Penggal 5 Bahagian X Akta Syarikat 1965 dan boleh digulung oleh Mahkamah dengan sewajarnya di bawah Akta itu:

Dengan syarat bahawa dalam sesuatu penggulungan seperti itu—

(a) peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai dengan menggantikan sebutan-sebutan mengenai Pendaftar Syarikat dan daftar di bawah Akta itu dengan sebutan-sebutan mengenai Pendaftar dan daftar di bawah Akta Koperasi; dan

(b) peruntukan-peruntukan Akta Koperasi, yang mengawal pelupusan sesuatu lebihan, hendaklah terpakai, tertakluk kepada apa-apa ubah-suaian yang perlu, sebagaimana peruntukan-peruntukan terpakai jika sesuatu koperasi digulung di bawah Akta itu.

(3) Jika sesuatu koperasi terhenti daripada menjadi pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini, tetapi masih di bawah sesuatu liabiliti berkenaan dengan sijil Malaysia, seksyen ini hendaklah terpakai seolah-olah koperasi itu adalah pengendali yang didaftarkan sedemikian.

Skim bagi pemindahan perniagaan.

51. (1) Kesemua atau sebahagian daripada perniagaan takaful bagi pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini boleh dipindahkan kepada seorang pengendali lain yang didaftarkan berkenaan dengan kelas atau kelas-kelas perniagaan yang akan dipindahkan itu, jika pemindahan itu dilaksanakan melalui suatu skim di bawah seksyen ini, tetapi tidaklah boleh dipindahkan kecuali melalui skim seperti itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa skim boleh memindahkan apa-apa perniagaan takaful bagi koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi kecuali kepada suatu koperasi lain yang didaftarkan sedemikian, dan juga tidaklah boleh memindahkan kepada pertubuhan itu apa-apa perniagaan kecuali perniagaan sesuatu koperasi yang lain.

(2) Mana-mana pengendali yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah menurut kuasa seksyen ini mempunyai kuasa untuk membuat pemindahan seperti itu melalui skim di bawah seksyen ini, dan pengarah

adalah berkuasa bagi pihak pengendali membuat perkiraan mengenai pemindahan itu dan melakukan semua perkara yang perlu untuk melaksanakan pemindahan itu; dan subseksyen ini hendaklah terpakai walaupun ketidaaan kuasa atau autoriti di bawah perlembagaan pengendali atau ada apa-apa sekatan yang dikenakan oleh perlembagaannya atas kuasa pengarah.

(3) Suatu skim di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi perniagaan yang berkenaan dipindahkan kepada badan yang tidak didaftarkan sebagai pengendali di bawah Akta ini berkenaan dengan kelas perniagaan yang relevan (termasuk suatu badan yang belum lagi wujud), jika skim itu dirangka sedemikian untuk berkuatkuasa hanya sekiranya badan itu didaftarkan sedemikian.

(4) Suatu skim di bawah seksyen ini bagi pemindahan sesuatu perniagaan takaful boleh meliputi pemindahan dengannya apa-apa perniagaan lain, yang bukannya perniagaan takaful, di mana perniagaan yang satu lagi itu dijalankan oleh pengendali sebagai tambahan sahaja kepada perniagaan takaful yang dipindahkan.

(5) Suatu skim di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dengan pemindahan yang dilaksanakan itu, dan peruntukan untuk menguatkuasakan pemindahan itu, dan khususnya—

(a) bagi apa-apa harta, hak atau liabiliti pemindahmilik (termasuk aset yang terkandung dalam suatu deposit di bawah Akta ini atau dalam kumpulan wang takaful) diletakhakkan, menurut kuasa skim itu dan tanpa asurans selanjutnya atau asurans lain, pada penerima pindahmilik; dan

(b) bagi pendaftaran oleh penerima pindahmilik sijil, bagi amaun yang dimasukkan berkenaan dengan sijil ke dalam kumpulan wang takaful penerima pindahmilik dan bagi perkara-perkara yang timbul di bawah Akta ini dari pemindahan itu.

(6) Suatu skim di bawah seksyen ini tidak akan berkuatkuasa melainkan jika disahkan oleh Mahkamah Tinggi, tetapi boleh disediakan dan dikemukakan untuk pengesahan kepada Mahkamah Tinggi oleh mana-mana

pengendali berkenaan; dan jika disahkan sedemikian, skim itu hendaklah mempunyai kuatkuasa menurut tenorinya walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam seksyen yang terdahulu dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terlibat dengannya itu.

Pengesahan
skim.

52. (1) Sebelum sesuatu permohonan dibuat kepada Mahkamah Tinggi bagi pengesahan skim di bawah seksyen 51—

- (a) satu salinan skim itu hendaklah diserahsimpan dengan Ketua Pengarah bersama-sama dengan salinan aktuari dan laporan-laporan lain (jika ada) yang skim itu berdasarkan padanya;
- (b) tidak lebih awal daripada satu bulan setelah salinan itu diserahsimpan sedemikian notis tentang niat untuk membuat permohonan (mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditetapkan) hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan dalam tidak kurang daripada dua buah akhbar yang diluluskan oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) bagi tempoh selama lima belas hari selepas tersiarinya notis itu, satu salinan skim itu hendaklah disimpan di tiap-tiap pejabat di Malaysia bagi setiap pengendali yang berkenaan, dan hendaklah dibuka untuk periksaan oleh semua anggota dan peserta pengendali yang terlibat dengan skim itu.

(2) Ketua Pengarah boleh menyebabkan satu laporan ke atas skim itu dibuat oleh aktuari berkelayakan yang bebas dari pihak-pihak kepada skim itu dan, jika dia berbuat demikian, hendaklah menyebabkan satu salinan laporan itu dihantar kepada setiap pengendali yang berkenaan.

(3) Salinan-salinan skim dan apa-apa laporan seperti itu yang disebutkan dalam subseksyen (1) (a) atau (2), atau ringkasan skim itu yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dan apa-apa laporan itu, hendaklah, kecuali setakat mana Mahkamah Tinggi atas permintaan yang dibuat bagi pihak itu mengarahkan selainnya, dihantar oleh pengendali yang berkenaan, sekurang-kurangnya lima belas hari sebelum permohonan dibuat bagi pengesahan skim itu kepada tiap-tiap peserta yang terlibat dengan skim itu.

(4) Sesuatu permohonan kepada Mahkamah berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan skim itu boleh, pada bila-bila masa sebelum pengesahan oleh Mahkamah, dibuat oleh Ketua Pengarah atau oleh mana-mana orang yang pada pendapat Mahkamah mungkin akan terlibat dengan skim itu.

(5) Mahkamah boleh mengesahkan skim tanpa ubahsuai atau tertakluk kepada ubahsuai-ubahsuai yang dipersetujui oleh pengendali yang berkenaan, atau boleh enggan mengesahkan skim itu.

(6) Pengendali yang berkenaan hendaklah bersama dan berasingan bertanggungan membayar ganti kepada Ketua Pengarah apa-apa perbelanjaan yang dilakukan olehnya di bawah seksyen ini berkaitan dengan sesuatu skim atau skim yang dicadangkan (tertakluk kepada apa-apa perintah Mahkamah mengenai kos); dan suatu skim hendaklah termasuk prurutuan mengenai bagaimana liabiliti itu ditanggung di antara pengendali.

53. (1) (a) Jika melalui skim di bawah seksyen 51 perniagaan takaful bagi sesuatu pengendali dipindahmilik kepada seorang pengendali lain, penerima pindahmilik hendaklah dalam masa satu bulan setelah skim itu berkuatkuasa, menyerahsimpan dengan Ketua Pengarah—

Dokumen-dokumen hendaklah difaikkan apabila skim disahkan.

- (i) pernyataan aset dan liabiliti setiap pengendali yang berkenaan sebagaimana pada masa sebelum sahaja pindahmilik itu, ditandatangani bagi pihak pengendali dan, dalam hal pemindahmilik, menunjukkan sama ada pindahmilik itu adalah mengenai keseluruhan perniagaan pemindahmilik dan, jika tidak, takat aset dan liabiliti pemindahmilik yang berhubungan dengan perniagaan yang dipindahmilik itu;
- (ii) satu salinan skim sebagaimana yang disahkan oleh Mahkamah, dan satu salinan perintah Mahkamah yang diperakui yang mengesahkan skim itu;
- (iii) salinan sesuatu laporan aktuari atau laporan-laporan atas mana skim itu diasaskan (iaitu laporan yang dibuat sejak salinan skim itu diserahsimpan di bawah subseksyen (1) seksyen 52); atau

(iv) suatu akuan berkanun yang dibuat oleh pengurus pengarah penerima pindahmilik, atau oleh pegawai utamanya yang menyatakan dengan sepenuhnya tiap-tiap bayaran yang dibuat atau yang akan dibuat kepada mana-mana jua orang oleh kerana pindahmilik itu, dan menyatakan bahawa, sepanjang yang dia percaya, tiada apa-apa bayaran lain selain dari yang dinyatakan itu telah atau akan dibuat oleh kerananya itu oleh atau dengan pengetahuan pengendali yang berkenaan.

(b) Dalam perenggan (a) (iv) sebutan-sebutan mengenai pembuatan pembayaran termasuklah sebutan-sebutan mengenai pemindahan apa-apa jenis harta atau hak.

(2) Apabila suatu skim di bawah seksyen 52 disahkan setiap pengendali yang berkenaan hendaklah (melaikan jika ia adalah suatu syarikat tak diperbadankan) memfailkan satu salinan skim itu dengan Pendaftar Syarikat atau, dalam hal pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi, dengan Pendaftar di bawah Akta itu.

BAHAGIAN IV PELBAGAI DAN AM

Ketua
Pengarah
Takaful.

54. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik mana-mana orang mengikut nama atau atas jawatan untuk menjadi Ketua Pengarah Takaful, yang akan diper tanggungkan dengan pentadbiran am Akta ini dan penjalanan fungsi-fungsi yang diberi oleh Akta ini kepada Ketua Pengarah; dan sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai Ketua Pengarah adalah sebutan-sebutan mengenai pegawai itu.

(2) Dalam menjalankan fungsi-fungsinya Ketua Pengarah hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan am Menteri.

(3) Pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah seksyen 18, 30, 34, subseksyen (3) seksyen 37, subseksyen (3) seksyen 38 dan seksyen 47 Ketua Pengarah hendaklah berunding dengan Menteri terlebih dahulu dan hendaklah bertindak menurut apa-apa arahan yang diberi oleh Menteri.

(4) Jika Ketua Pengarah (atau pemangku Ketua Pengarah pada masa itu semasa berlaku suatu kesosongan atau semasa ketiadaan atau ketakupayaan Ketua Pengarah) bukannya seorang aktuari yang berkelayakan, Menteri hendaklah membuat perkiraan mengadakan perkhidmatan seorang aktuari yang berkelayakan supaya ada pada setiap masa bagi maksud menasihat berhubungan dengan perkara-perkara yang timbul di bawah Akta ini.

55. Ketua Pengarah, mana-mana pegawai awam, atau mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 46 tidaklah bertanggungjawab apa jua yang dilakukan atau yang tidak dilakukan dengan suci hati pada menjalankan apa-apa kuasa atau pelaksanaan apa-apa fungsi atau kewajipan yang dilakukan atau diperintah tanggungjawab oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya. Indemniti

56. (1) Tidak lewat daripada akhir bulan April dalam sesuatu tahun kalender, Ketua Pengarah hendaklah menyedia dan mengemukakan kepada Menteri suatu laporan mengenai perjalanan Akta ini sepanjang tahun kalender yang terdahulu. Laporan tahunan

(2) Ketua Pengarah hendaklah memasukkan ke dalam laporannya di bawah seksyen ini bagi mana-mana tahun, salinan atau ringkasan dokumen yang diserahsimpan denganannya dalam tahun itu di bawah seksyen 41 dan 42, selain dari dokumen-dokumen yang dikecualikan daripada subseksyen (1) dan (2) seksyen 44, dan boleh memasukkan salinan atau ringkasan dokumen yang menyertai salinan dan ringkasan dokumen yang diserahsimpan seperti tersebut di atas; dan dia boleh juga memasukkan dalam laporan itu apa-apa nota tentang dokumen atau ringkasan itu sebagaimana yang difikirkannya patut, dan salinan apa-apa surat-menurut di antaranya dengan pengendali mengenai apa-apa dokumen seperti itu yang diserahsimpan oleh pengendali atau diterima daripada pengendali.

(3) Apabila menerima suatu laporan di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah membentangkan salinannya di hadapan tiap-tiap Majlis Parlimen.

[Bah. IV, S. 57-59]

Statistik.

57. (1) Peraturan-peraturan boleh membuat peruntukan mengenai pemungutan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah, pada lat-lat tempoh atau ketika-ketika yang ditetapkan, maklumat statistik mengenai perkara-perkara yang relevan dengan takaful sebagaimana yang ditetapkan, dan boleh membuat peruntukan mengenai pemungutan dan penggunaan maklumat itu bagi apa-apa maksud, sama ada atau tidak berkaitan dengan takaful.

(2) Peraturan-peraturan itu boleh membuat peruntukan untuk menghendaki pengendali, broker takaful dan ajuster supaya memberi kepada Ketua Pengarah, dalam borang yang ditetapkan, apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Sesuatu maklumat yang diperolehi oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah tidak boleh digunakan semata-mata menurut kuasa seksyen ini kecuali dalam bentuk yang tidak menzahirkan hal-ehwal seseorang yang tertentu.

Penyampaian notis.

58. Surat yang mengandungi suatu notis atau lain-lain dokumen yang akan disampaikan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah dialamatkan ke tempat yang wajar jika ianya dialamatkan ke tempat di Malaysia yang ditunjukkan oleh penerima surat kepada Ketua Pengarah sebagai alamatnya atau ke alamatnya yang terbaru di Malaysia yang diketahui oleh Ketua Pengarah.

Kerahsiaan dan penalti.

59. (1) Kecuali bagi maksud-maksud Akta ini atau apa-apa prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang pun yang dilantik untuk menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta ini boleh menzahirkan apa-apa maklumat berkenaan dengan perniagaan seseorang individu atau hal-ehwal mana-mana peserta individu bagi pengendali yang telah diperolehi semasa menjalankan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang dengan disedarinya melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

60. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) menandatangani apa-apa dokumen yang di-serahsimpan dengan Ketua Pengarah di bawah seksyen 41 atau 42, atau di bawah subseksyen (1) (a) (i) seksyen 53; atau
(b) memberi kepada Ketua Pengarah apa-apa maklumat di bawah atau bagi maksud apa-apa peruntukan lain Akta ini,

Peruntukan-
peruntukan
am
mengenai
kesalahan.

hendaklah menjaga dengan wajar untuk menjamin supaya dokumen atau maklumat itu tidak palsu dalam sesuatu butir matan; dan jika dia tidak menjaga dengan wajar bagi maksud ini dan dokumen atau maklumat itu adalah palsu dalam sesuatu butir matan, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar sesuatu kewajipan yang dipertanggungkan ke atasnya oleh atau menurut kuasa Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kerana menjadi, atau telah menjadi pengendali, broker takaful atau ajuster adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, dalam hal di mana tiada penalti lain diperuntukkan oleh Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan denda harian tidak melebihi dua ratus ringgit.

(3) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh mana-mana syarikat atau pertubuhan-perbadanan, seseorang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa bagi syarikat atau badan itu, atau yang dikatakan bertindak atas sifat itu, adalah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana dia sepatutnya telah jalankan, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan semua hal-keadaan.

(4) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh suatu syarikat atau pertubuhan perbadanan, iaitu kesalahan yang termasuk dalam pelanggaran suatu

kewajipan yang dipertanggungkan hanya kepada syarikat dan pertubuhan perbadanan, mana-mana individu yang melakukan kesalahan itu (sama ada menurut kuasa subseksyen (3) atau selainnya), apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, apa-apa denda.

(5) Bagi maksud apa-apa prosiding di bawah subseksyen (1) (a) suatu dokumen yang dikatakan sebagai ditandatangani oleh mana-mana orang hendaklah dianggap telah ditandatangani olehnya, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Meng-kompaun
kesalahan:

61. Menteri boleh menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan cara bagaimana kesalahan-kesalahan itu boleh dikompaunkan.

Pen-dakwaan.

62. Sesuatu pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah.

Bidang
kuasa
mahkamah.

63. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sesuatu mahkamah Majistret Kelas Satu adalah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dan untuk mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan seperti itu.

Keupayaan
kanak-
kanak
untuk turut
serta.

64. Seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun tidaklah berkeupayaan membuat kontrak takaful.

Bayaran
tuntutan
perpaduan
keluarga
tanpa
probet, dsb.

65. (1) Apabila seseorang peserta, berhubungan dengan sijil perpaduan keluarga atau sijil perpaduan, mati dan dengan kematiannya faedah takaful adalah kena dibayar di bawah sijil-sijil itu, pengendali boleh membayar kepada pihak menuntut yang wajar sejumlah wang perpaduan sebagaimana yang ditetapkan tanpa pengeluaran apa-apa probet atau surat mentadbir pusaka dan pengendali hendaklah dilepaskan daripada semua liabiliti berkenaan dengan jumlah wang yang dibayar itu.

(2) Jika, dalam sesuatu hal yang tersebut dalam subseksyen (1), duti harta pusaka adalah kena dilevi di Malaysia ke atas mana-mana wang perpaduan, pengendali boleh walau apa pun—

(a) seksyen 50 (ii) Enakmen Duti Harta Pusaka N.M.B. 1941 bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu; *7/II.* atau

(b) subseksyen (1) seksyen 35 Ordinan Duti Harta Pusaka Sabah *Bab 42.*

membayar kepada pihak menuntut wajar sejumlah wang sebagaimana ditetapkan untuk dibayar di bawah subseksyen (1) tanpa wang perpaduan dimasukkan dalam jadual atau sijil yang dimyatakan dalam seksyen-seksyen yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b):

Dengan syarat bahawa sebelum membuat sesuatu bayaran di bawah subseksyen ini pengendali hendaklah memberi tidak kurang daripada empat belas hari notis beritulah melalui pos berdaftar kepada Pemungut Duti Harta Pusaka dengan apa-apa butir sebagaimana yang dikehendakinya.

(3) Jika sejumlah wang dibayar di bawah subseksyen (2) oleh kerana sesuatu wang perpaduan dan wang perpaduan itu tidak dimasukkan dalam jadual atau sijil yang tersebut dalam subseksyen (2) dalam masa dua belas bulan setelah bayaran itu dibuat, pengendali hendaklah mendeposit bakinya dengan Perbendaharaan; tetapi sebelum mengembalikan baki itu kepada pengendali di atas permohonannya untuk membayar kepada orang yang berhak mendapat baki itu, Perbendaharaan boleh menggunakan kesemua atau sebahagian daripada jumlah wang yang didepositkan untuk membayar apa-apa duti harta pusaka yang belum berbayar yang kena dilevi atas kematian itu.

(4) Dalam seksyen ini, "pihak menuntut wajar" erti-nya seseorang yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang yang berkenaan sebagai wasi kepada si mati, atau yang mendakwa berhak mendapat jumlah wang itu di bawah undang-undang yang berkaitan.

[Bah. IV, S. 66-68]

Pengetahuan dan pernyataan oleh ejen yang diberi kuasa hendaklah disifatkan pengetahuan dan pernyataan oleh pengendali.

66. (1) Seseorang yang pada bila-bila masa telah diberi kuasa sebagai ejennya oleh pengendali takaful dan yang mensolisit atau merundingi suatu kontrak takaful atas sifat itu hendaklah dalam setiap hal itu disifatkan bagi maksud pembentukan kontrak, sebagai ejen pengendali itu dan pengetahuan orang itu berhubungan dengan sesuatu perkara yang relevan dengan penerimaan risiko oleh pengendali hendaklah disifatkan sebagai pengetahuan pengendali.

(2) Sesuatu pernyataan yang dibuat atau apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang itu atas sifatnya sebagai wakil hendaklah disifatkan, bagi maksud pembentukan kontrak, sebagai pernyataan yang dibuat atau perbuatan yang dilakukan oleh pengendali walaupun terdapat pelanggaran terhadap seksyen 28 atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini oleh orang itu.

(3) Seksyen ini tidaklah terpakai—

(a) jika terdapat pakatan atau pembiaran di antara orang itu dan peserta yang dicadangkan dalam pembentukan kontrak itu; atau

(b) jika orang itu telah terhenti daripada menjadi ejennya dan pengendali telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memberitahu atau membawa kepada pengetahuan bakal peserta dan orang awam amnya akan hal mengenai pemberhentian itu.

Pemakaian undang-undang lain.
Akta 125.
Akta 136.
Akta 89.
Ord. 49/58.
Akta 287.
Sabah 3/58.
Sarawak
Bab 66.

67. (1) Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketakselarasian di antara peruntukan-peruntukan Akta ini dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Kontrak 1950, Akta Insurans 1963, Ordinan Pengangkutan Jalan 1958 dan Akta Koperasi, maka peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen-(1), untuk mengelakkan keraguan, maka adalah ditetapkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Insurans 1963 tidaklah terpakai berhubungan dengan syarikat atau pertubuhan yang didaftar-

kan di bawah Akta ini dan yang menjalankan apa-apa perniagaan yang berupa perniagaan insurans mengikut erti yang sama di bawah Akta Insurans 1963, dan peruntukan-peruntukan semua undang-undang bertulis hendaklah terpakai kepada syarikat atau pertubuhan itu dan kepada perniagaan yang seperti itu seolah-olah ianya suatu syarikat atau pertubuhan yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan perniagaan itu dan mengeluarkan apa-apa polisi atau perakuan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan perniagaan itu.

68. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menguatkuasakan tujuan Akta ini, dan untuk menetapkan sesuatu yang hendak ditetapkan di bawah Akta ini.

Peraturan-
Peraturan

[Jad. 1-2]

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 4 (2) (c), 13 (2), (5) dan (6), 17 (3) dan (4)]

ASET MALAYSIA YANG DIBENARKAN UNTUK DEPOSIT DAN KUMPULAN WANG TAKAFUL

1. Sijil pelaburan yang dikeluarkan di bawah Akta Pelaburan Kerajaan 1983, atau apa-apa sekuriti yang wang pokoknya dicagarkan secara langsung atau sebagai gerenti ke atas Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri.
Akta 275.
2. Syer dalam, atau sekuriti bagi, sesuatu pertubuhan yang di-perbadankan di Malaysia yang disenaraikan oleh mana-mana bursa saham yang diluluskan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.
3. Syer dalam, atau sekuriti bagi, sesuatu pertubuhan yang di-daftarkan di bawah Akta Koperasi.
4. Harta atau kepentingan tanah di Malaysia dan, sebanyak mana nilainya sekuriti, pendahuluan, pinjaman, kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang dijamin di atas mana-mana harta atau kepentingan itu.
5. Mana-mana mata wang Malaysia, dan apa-apa amaun yang kena dibayar dalam mata wang itu yang dipegang atas akaun semasa atau apa-apa akaun deposit di Malaysia dengan suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank 1973 atau Akta Bank Islam 1983 atau mana-mana institusi kewangan lain sebagaimana yang ditetapkan.
Akta 102.
Akta 276.
6. Apa-apa pinjaman atau pelaburan lain dalam atau yang berkaitan dengan Malaysia sebagaimana yang ditetapkan.

JADUAL KEDUA

[Seksyen 41 (1) dan (2), 42 (1), 43 (4), 44 (1) dan (2)]

PENYATA OLEH PENGENDALI TAKAFUL

BAHAGIAN I

DOKUMEN YANG HENDAK DISERAHSIMPAN SETIAP TAHUN

1. (1) Seseorang pengendali, untuk mematuhi subseksyen (1) seksyen 41, hendaklah menyerahsimpan pernyataan akaun dan lain-lain pernyataan sebagaimana disebutkan dalam perenggan ini.

(2) Maka hendaklah diserahsimpan bagi tiap-tiap tempoh perakaunan—
 - (a) oleh pengendali yang didaftarkan berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga, akaun hasil perniagaan pengendali, dan oleh pengendali yang didaftarkan ber-kenaan dengan perniagaan am sesuatu akaun hasil berkenaan dengan perniagaan itu; dan

(b) oleh mana-mana pengendali suatu akaun untung rugi bagi keseluruhan perniagaan pengendali,

bersama-sama dengan kunci kira-kira yang berasingan, seperti pada penutup tempoh perakaunan itu, bagi tiap-tiap jenis perniagaan takaful yang berkenaan dengannya pengendali itu didaftarkan.

(3) Maka hendaklah diserahsimpan—

(a) oleh pengendali yang didaftarkan berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga, pernyataan bagi tiap-tiap tempoh perakaunan yang memberi, berkenaan dengan sijil yang dipunyai oleh kelas perniagaan itu, butir-butir—

(i) mengenai pengeluaran sijil baru sepanjang tempoh itu;

(ii) mengenai penamatian dan pengurangan liabiliti atau caruman atau sijil takaful sepanjang tempoh itu, dan pemindahan sijil kepada atau dari Daftar sepanjang tempoh itu; dan

(iii) mengenai sijil yang berkuatkuasa di akhir tempoh itu;

(b) oleh pengendali yang didaftarkan berkenaan dengan perniagaan am, pernyataan bagi tiap-tiap tempoh perakaunan yang memberi, berkenaan dengan sijil yang dipunyai oleh kelas perniagaan itu, butir-butir mengenai caruman dan tuntutan; dan

(c) oleh pengendali yang didaftarkan berkenaan dengan mana-mana kelas perniagaan pernyataan bagi tiap-tiap tahun kalender yang memberi butir-butir mengenai aset yang dipegang di akhir tahun itu sebagai aset kumpulan wang takaful yang disenggara bagi perniagaan kelas itu.

(4) Peraturan-peraturan boleh mengubahsuai subperenggan (3) (c) supaya ia jaya memerlukan pernyataan aset kumpulan wang takaful itu dibuat bagi sebahagian daripada suatu tahun kalender bukannya bagi keseluruhan tahun.

(5) Pernyataan yang dikehendaki oleh subperenggan (3) (c) hendaklah dikecualikan dari subseksyen (1) dan (2) seksyen 44.

2. (1) Bersama-sama dengan apa-apa akaun dan kunci kira-kira yang diserahsimpan di bawah perenggan 1, maka hendaklah diserahsimpan sijil juruaudit yang ditandatangani olehnya dan menyatakan sama ada pada pendapatnya—

(a) akaun dan kunci kira-kira itu adalah mengikut Akta ini;

(b) kunci kira-kira itu sebenarnya menggambarkan kedudukan kewangan pengendali; dan

(c) buku-buku pengendali telah disimpan dengan sempurnanya dan hal-hal ewal serta transaksi pengendali telah direkod dengan betul:

Dengan syarat bahawa jika pengauditan itu tidak meliputi keseluruhan perniagaan pengendali, sijil juruaudit itu hendaklah berkenaan dengan perenggan (b) dan (c), diberi dengan tertakluk kepada pembatasan yang sesuai.

- (2) Sijil juruaudit hendaklah juga menyatakan—
- (a) bahawa pengendali telah, sepanjang tempoh perakaunan yang relevan, mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (2) (b) seksyen 4;
 - (b) sama ada dalam tempoh perakaunan yang relevan itu mana-mana bahagian aset dari kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang takaful yang disenggara di bawah Akta ini telah dipakai dengan melanggar seksyen 16, dan sama ada dalam tempoh itu seksyen 17 telah dipatuhi berhubungan dengan aset-aset itu dan apa-apa aset yang termasuk dalam subseksyen (5) seksyen 17;
 - (c) mengenai dokumen-dokumen yang menerangkan hakmilik pengendali bagi apa-apa aset seperti itu sama ada dia telah memeriksakan dokumen-dokumen itu seperti yang dipegang oleh atau bagi pihak pengendali dalam Malaysia, dan sama ada dia telah menerima maklumat yang memuaskan tentang tempat dan penyimpanan dokumen lain, dengan menyatakan sama ada pengendali mematuhi kehendak-kehendak seksyen 20;
 - (d) sama ada semua pengumpulan yang perlu dan wajar telah dibuat dalam menyediakan akaun dan kunci kira-kira, dan telah dibuat mengikut cara yang saksama; dan
 - (e) apa-apa pelanggaran lain terhadap Akta ini sebagaimana yang diemui semasa menjalankan pengauditan.

BAHAGIAN II

DOKUMEN HENDAKLAH DISERAHSIMPAN SEMASA PENYIASATAN AKTUARI KE ATAS PERNIAGAAN PERPADUAN KELUARGA

3. (1) Pengendali yang didaftarkan berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga hendaklah, supaya mematuhi subseksyen (1) seksyen 42 dalam hal sesuatu penyiasatan aktuari, menyerasihsimpan apa-apa dokumen sebagaimana tersebut dalam perenggan ini.

(2) Maka hendaklah diserasihsimpan suatu ringkasan dari laporan aktuari, yang hendaklah ditandatangani oleh aktuari dan hendaklah termasuk—

- (a) suatu ringkasan dan penilaian sijil takaful seperti pada tarikh penyiasatan itu; dan

- (b) suatu penilaian kunci kira-kira seperti pada tarikh perniagaan yang dimaksudkan dengan laporan itu.

(3) Maka hendaklah diserasihsimpan suatu sijil oleh aktuari, yang ditandatangani olehnya, bahawa dia berpuas hati tentang ketepatan penilaian yang dibuat bagi maksud penyiasatan itu dan tentang penilaian itu dibuat mengikut Akta ini, dan tentang ketepatan data atas mana penilaian itu didasarkan:

Dengan syarat bahawa, jika aktuari itu bukan pegawai tetap bagi pengendali, sijil aktuari hendaklah, setakat mana berhubungan dengan ketepatan data atas mana penilaian itu didasarkan, diberi dan ditandatangani oleh atau bagi pihak pegawai utama pengendali

di Malaysia, dan aktuari hendaklah bagi pihak dirinya mengenai sijil itu menyatakan langkah awasan yang diambil oleh aktuari untuk memastikan ketepatan data itu.

(4) Maka hendaklah diserahsimpan pernyataan yang ditandatangani oleh aktuari yang menganalisa seperti pada tarikh penyiasatan itu kedudukan mengenai sijil takaful dan caruman perniagaan yang dimaksudkan dengan laporan itu.

BAHAGIAN III

SERAHSIMPAN, BENTUK DAN ISI KANDUNGAN

4. (1) Suatu dokumen yang hendak diserahsimpan oleh pengendali hendaklah diserahsimpan dengan menghantar kepada Ketua Pengarah lima salinan, yang mana (melainkan jika dokumen itu sendiri dikehendaki oleh Jadual ini supaya ditandatangani) sekurang-kurangnya satu salinan hendaklah ditandatangani oleh dua orang daripada pengarah pengendali dan oleh atau bagi pihak pegawai utama pengendali di Malaysia.

(2) Orang-orang yang menandatangani apa-apa kunci kira-kira hendaklah memperakui bahawa mereka percaya aset yang dinyatakan dalam kunci kira-kira adalah bernilai sepenuhnya seperti yang dinyatakan dalam kunci kira-kira, setelah ditolak sesuatu kumpulan wang pelaburan rezab yang diambil kira; dan mereka hendaklah juga sahina ada memperakui bahawa dalam tempoh perakaunan yang relevan tiada bahagian dari aset kumpulan wang takaful yang disenggara di bawah Akta ini telah disenggara dengan melanggar seksyen 16, dan sepanjang tempoh itu seksyen 17 telah dipatuhi berhubungan dengan aset-aset itu dan mananya aset yang termasuk dalam subseksyen (5) seksyen 17, atau menyatakan kecualian-kecualiannya.

(3) Orang-orang yang menandatangani suatu kunci kira-kira berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga hendaklah memperakui bahawa dalam tempoh perakaunan yang relevan itu peruntukan-peruntukan subseksyen (3) seksyen 65 berkenaan dengan baki deposit wang perpaduan dengan Perbendaharaan telah dipatuhi.

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), suatu dokumen hendaklah diserahsimpan dalam masa enam bulan selepas tarikh yang relevan, atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah (tetapi tidak melebihi sembilan bulan dari tarikh yang relevan); dan bagi maksud ini tarikh yang relevan ialah tarikh yang dimaksudkan dengan dokumen atau, dalam hal suatu akaun atau pernyataan bagi tempoh perakaunan, pada akhir tempoh itu:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah, setelah berpuas hati bahawa hal ehwal mana-mana pengendali dijalankan mengikut cara yang mungkin merosakkan kepentingan awam, kepentingan peserta, atau kepentingan pengendali, boleh dalam apa-apa jua hal seperti itu menetapkan suatu tempoh yang kurang daripada enam bulan bagi maksud-maksud subperenggan ini.

[Jad. 2]

(2) Apa-apa pernyataan mengenai aset kumpulan wang takaful sebagaimana yang dikehendaki oleh subperenggan (3) (c) perenggan 1 hendaklah diserahsimpan dalam masa tiga bulan dari tarikh yang dimaksudkan dengan pernyataan itu.

6. Suatu dokumen hendaklah dibuat dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris dan hendaklah (mengenai kelima-lima salinan) sama ada dicetak atau, dengan kebenaran Ketua Pengarah, dikemukakan dengan cara-cara mekanikal lain yang diluluskan olehnya.

7. Jika melalui Jadual ini suatu dokumen dikehendaki ditandatangani oleh atau bagi pihak pegawai utama pengendali, ia hendaklah, jika tidak ditandatangani oleh pegawai itu, ditandatangani oleh salah seorang pegawai pengendali di Malaysia yang pada masa itu diberitahu kepada Ketua Pengarah sebagai mempunyai kuasa bagi maksud-maksud Jadual ini untuk menandatangani sebagai mengganti pegawai utama.

8. (1) Tertakluk kepada subperenggan yang berikut, suatu dokumen hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan mengandungi butir-butir yang ditetapkan, dan disediakan mengikut peraturan-peraturan (termasuk peraturan-peraturan mengenai cara bagaimana penilaian itu hendak dibuat atau cara mana-mana butiran itu hendak disenggara).

(2) Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu hal tertentu membenarkan apa-apa penyimpangan sebagaimana yang difikirkannya patut dari apa-apa kehendak peraturan-peraturan di bawah subperenggan (1), jika dia berpuas hati bahawa tujuan dokumen yang berkenaan itu walau bagaimanapun akan dipenuhi keseluruhannya.

(3) Tanpa menyentuh subperenggan (2), jika suatu ringkasan mengenai laporan aktuari ke atas penyiasatan yang dibuat kena diserahsimpan selain daripada mematuhi subseksyen (1) seksyen 42, ringkasan itu boleh mematuhi peraturan-peraturan di bawah subperenggan (1) dengan tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, memandangkan tujuan penyiasatan aktuari itu dan bentuk serta isi kandungan laporannya, itu.

AKTA TAKAFUL (PINDAAN) 1985

AKTA A620

NB: SEMUA PINDAAN DI ATAS TERMASUK DI DALAM AKTA UTAMA, AKTA 312. SEMUA PINDAAN YANG DIBERI DALAM BAHAGIAN INI ADALAH UNTUK RUJUKAN ANDA SAHAJA.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A620

AKTA TAKAFUL (PINDAAN) 1985

Suatu Akta untuk meminda Akta Takaful 1984.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan
persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang
bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya,
seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Takaful (Pindaan) 1985 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1985.Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.
2. Seksyen 4 Akta Takaful 1984, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan " ", dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai sehingga tertubuhnya persatuan itu" selepas perkataan "Menteri" dalam perenggan (d) subseksyen (2).Pindaan
seksyen 4.
Akta 312.
3. Subseksyen (4) seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "tidak" yang terdapat di baris 3Pindaan
seksyen 8.
4. Seksyen 67 Akta ibu adalah dipinda—Pindaan
seksyen 67.
 - (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menambahkan angka "(1)" selepas sahaja angka "67"; dan

(b) dengan menambahkan subseksyen baru (2) seperti berikut:

“(2) Tanpa menyentuh kluasan subseksyen (1), untuk mengelakkan keraguan, maka adalah ditetapkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Insurans 1963 tidaklah terpakai berhubungan dengan syarikat atau pertubuhan yang daftarkan di bawah Akta ini dan yang menjalankan apa-apa perniagaan yang berupa perniagaan insurans mengikut erti yang sama di bawah Akta Insurans 1963, dan peruntukan-peruntukan semua undang-undang bertulis hendaklah terpakai kepada syarikat atau pertubuhan itu dan kepada perniagaan yang seperti itu seolah-olah ianya suatu syarikat atau pertubuhan yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan perniagaan itu dan mengeluarkan apa-apa polisi atau perakuan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan perniagaan itu.”.

Pindaan
Jadual
Pertama.

5. Perenggan 4 Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “pusaka” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan itu.

PERATURAN- PERATURAN TAKAFUL

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (LEBIHAN ASET DARI LIABILITI) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 4 (2) (b) dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan *Akta 312.* yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Lebihan Aset Dari Liabiliti) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Lebihan aset dari liabiliti seseorang pemohon yang memohon pendaftaran berkenaan dengan Lebihan aset dari liabiliti.
 - (a) sama ada perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am ialah lima juta ringgit;
 - (b) kedua-dua kelas perniagaan takaful ialah sepuluh juta ringgit.

Diperbuat pada 4hb Julai 1985
[KPI. Y 014A/1; PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (PENDAFTARAN PENGENDALI-PENGENDALI) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 8 (3) dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan *Akta 312.* yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Pendaftaran Pengendali-Pengendali) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. (1) Sesuatu permohonan oleh seorang pengendali takaful untuk didaftarkan di bawah Akta berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am atau kedua-duanya hendaklah memberi maklumat dan disertai dengan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh peraturan ini. Bukti-bukti pendaftaran.
 - (a) alamat ibu pejabat pengendali;
 - (b) nama-nama pengarah dan juruaudit-juruaudit pengendali dan nama dan alamat pegawai utamanya di Malaysia; dan
 - (c) modal syer nominal, dimohon beli dan dibayar oleh pengendali dan amaun yang dibayar sebelum permohonan.
- (2) Permohonan itu, jika tidak dibuat oleh seorang pengendali takaful yang telahpun didaftarkan di bawah Akta berkenaan dengan satu kelas perniagaan takaful, hendaklah menyatakan—
 - (a) alamat ibu pejabat pengendali;
 - (b) nama-nama pengarah dan juruaudit-juruaudit pengendali dan nama dan alamat pegawai utamanya di Malaysia; dan
 - (c) modal syer nominal, dimohon beli dan dibayar oleh pengendali dan amaun yang dibayar sebelum permohonan.
- (3) Permohonan itu, jika tidak dibuat oleh mana-mana pengendali takaful yang telahpun didaftarkan berhubung dengan satu kelas perniagaan, hendaklah disertai dengan satu salinan memorandum dan perkara-perkara persatuan bagi pengendali atau lain-lain suratcara yang mana pengendali itu ditubuhkan atau dikawalselia.

[Peraturan]

(4) Permohonan itu, jika dibuat oleh seorang pengendali takaful yang telah pun menjalankan apa-apa jenis perniagaan, hendaklah disertai dengan satu salinan akaun terakhir pengendali yang telah diaudit yang telah dikemukakan kepada ahli-ahlinya dan akaun hasil terakhir pengendali yang telah diaudit, jika ada, berkenaan dengan perniagaan takaful bagi kelas atau tiap-tiap kelas yang berhubung dengan permohonan itu:

Dengan syarat bahawa sesuatu permohonan yang dibuat oleh pengendali yang telabpun didaftarkan berkenaan dengan satu kelas perniagaan takaful tidak perlu di bawah subperaturan ini disertakan dengan apa-apa dokumen yang telabpun diserah-simpan dengan Ketua Pengarah di bawah Akta atau yang telah disertakan dengan dokumen-dokumen yang diserah-simpan itu.

(5) Sesuatu permohonan yang hendak didaftarkan berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga hendaklah disertai dengan penyata amanah atau bahagian caruman yang diuntukkan bagi berbagai jenis sijil perpaduan keluarga, yang menyatakan bagi setiap jenis itu formula dan asas yang digunakan dalam pengiraannya, dan dengan sijil dari seorang aktuari yang berkelayakan yang menyatakan bahawa amanah atau bahagian itu adalah sesuai dan selaras dengan prinsip-prinsip takaful yang teratur; dan jika pengendali telabpun menjalankan perniagaan perpaduan keluarga, apa-apa permohonan seperti itu hendaklah juga disertai dengan laporan penilaian oleh seorang aktuari yang berkelayakan ke atas kedudukan kewangan perniagaan itu.

(6) Sesuatu permohonan yang hendak didaftarkan berkenaan dengan perniagaan am hendaklah disertai dengan penyata kadar caruman yang akan dikenakan ke atas berbagai jenis sijil yang dipunyai oleh kelas perniagaan itu, yang menyatakan bagi setiap jenis itu asas yang mana kadar caruman ditentukan.

(7) Permohonan itu hendaklah disertai dengan perakuan pengarah yang menandatangani permohonan itu, yang mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya maklumat yang diberi dalam permohonan dan dalam apa-apa penyata yang dikehendaki oleh subperaturan (5) atau (6) adalah benar dan lengkap, dan apa-apa dokumen yang disertakan dalam permohonan bagi maksud mematuhi subperaturan (3) atau (4) adalah salinan sah dokumen yang dikehendaki oleh subperaturan itu.

(8) Apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh peraturan ini hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan atau Inggeris, dan jika ianya adalah salinan dokumen yang mana dokumen asalnya adalah bukan dalam Bahasa Kebangsaan atau Inggeris, terjemahannya hendaklah disahkan oleh penterjemah sebagai salinan terjemahan yang sah.

Diperbuat pada 4hb Julai 1985.
[KPI. Y. 014A/1; PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (FEE PENDAFTARAN TAHUNAN)
1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 9 (1) dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan *Akta J12.* yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Fee Pendaftaran Tahunan) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985. Nama dan mula ber-kuatkuasa.
2. Fee pendaftaran tahunan adalah seperti berikut:
(a) berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga atau perniagaan am—\$2,500.00 setahun;
(b) berkenaan dengan perniagaan perpaduan keluarga dan perniagaan am—\$5,000.00 setahun. Fee pendaftaran tahunan.

Diperbuat pada 4hb Julai 1985.
[KPI. Y. 014A/1; PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (DEPOSIT STATUTORI) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 13 (1) dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan *Akta J12.* yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Deposit Statutori) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985. Nama dan mula ber-kuatkuasa.
2. Seseorang pengendali, semasa didaftarkan berkenaan dengan apa-apa kelas perniagaan takaful, hendaklah pada setiap masa mempunyai suatu deposit dengan Akauntan Negara berkenaan dengan perniagaan itu yang nilainya tidak kurang daripada \$300,000.00. Deposit statutori.

Diperbuat pada 4hb Julai 1985.
[KPI. Y. 014A/1; PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (DAFTAR SUJIL) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 (1) dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan *Akta J12.* yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Daftar Sijil) 1985** dan hendaklah mula ber-kuatkuasa pada 15hb Julai 1985. Nama dan mula ber-kuatkuasa.

[Peraturan]

- Daftar sijil. 2. Daftar sijil hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
- (a) berkenaan dengan sijil perpaduan keluarga—
 - (i) nombor sijil;
 - (ii) jenis sijil;
 - (iii) jumlah dilindungi atau amanah caruman;
 - (iv) caruman biasa; faedah tambahan;
 - (v) cara bayaran caruman;
 - (vi) tempoh dan tarikh matang sijil;
 - (vii) umur penyertaan;
 - (b) berkenaan dengan sijil perpaduan keluarga berkelompok—
 - (i) nombor sijil;
 - (ii) tarikh mula berkuatkuasanya sijil;
 - (iii) nama Skim;
 - (iv) majikan;
 - (v) peserta; dan
 - (vi) faedah-faedah;
 - (c) berkenaan dengan sijil am—
 - (i) nombor sijil;
 - (ii) jumlah dilindungi;
 - (iii) caruman kasar; dan
 - (iv) tempoh takaful.

Diperbuat pada 4hb Julai 1985.
[KPI. Y. 014A/1; PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDIN,
Menteri Kewangan

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (MENGAMBIL ALIH RISIKO
DAN PEMUNGUTAN CARUMAN) 1985

Akta 312. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 25 dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama,
mula ber-
kuatkuasa dan
pemakaian.

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Mengambil Alih Risiko dan Pemungutan Caruman) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah dipakai bagi perniagaan kenderaan motor takaful.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akaun pungutan yang ditetapkan” ertiinya akaun bank atas nama pengendali sahaja yang ke dalamnya seseorang peserta, ejen atau broker boleh membayar caruman;

"caruman" termasuklah duti setem yang boleh dikenakan ke atas sijil yang akan dibayar oleh peserta:

"ejen" erti ejen pengendali;

"hari kerja" erti hari yang rumah-rumah perniagaan lazimnya dibuka untuk perniagaan;

"perniagaan kenderaan motor takaful" erti perniagaan melaksanakan dan menjalankan kontrak takaful terhadap kehilangan atau kerosakan kepada, atau berbangkit dari, atau berhubung dengan, penggunaan kenderaan-kenderaan motor, termasuk risiko-risiko pihak ketiga tetapi tidak termasuk risiko-risiko transit.

3. Tiada seorang pengendali boleh mengambil alih apa-apa risiko berkenaan dengan apa-apa perniagaan takaful am yang baginya Peraturan-Peraturan ini terpakai melainkan jika dan sehingga caruman yang kena dibayar itu diterima oleh pengendali.

4. Bagi maksud-maksud peraturan 3. caruman hendaklah disifatkan telah diterima oleh pengendali apabila caruman itu telah—

(a) dibayar kepada ibu pejabat atau pejabat cawangan pengendali; atau

(b) dibayar oleh peserta kepada seseorang ejen atau broker yang diberikuasa oleh pengendali untuk menerima caruman bagi pihaknya,

dan resit bagi pembayaran itu telah dikeluarkan kepada peserta itu.

5. Caruman hendaklah dibayar mengikut mana-mana satu cara yang berikut:

Cara remit
bayaran
caruman.

(a) dengan wang tunai;

(b) dengan cek bertarikh semasa, perintah kirim wang atau perintah kirim pos yang kena dibayar kepada pengendali dan berpalang "Akaun Penerima Sahaja"; atau

(c) dengan draf bank atau perintah kasyier yang kena dibayar kepada pengendali dan berpalang "Akaun Penerima Sahaja".

6. (1) Jika bayaran caruman kepada ejen atau broker dibuat mengikut mana-mana cara yang dinyatakan dalam peraturan 5. selain daripada dengan wang tunai, ejen atau broker itu hendaklah meremittannya kepada ibu pejabat atau pejabat cawangan atau ke dalam akaun pungutan yang ditetapkan bagi pengendali dalam tempoh tujuh hari selepas tarikh pengambilan alih risiko.

Kewajipan ejen
atau broker
setelah mene-
rima caruman.

(2) Jika bayaran caruman kepada ejen atau broker adalah dengan wang tunai, ejen atau broker itu bolehlah meremittinya wang tunai itu terus kepada pengendali, atau dengan cek bertarikh semasa, draf bank, perintah kirim pos, perintah kirim wang, atau perintah kasyier yang kena dibayar kepada pengendali dan berpalang "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Bagi maksud-maksud subperaturan (2), segala remitan hendaklah dihantar kepada pengendali dalam tempoh tujuh hari kerja selepas tarikh pengambilan alih risiko.

[Peraturan]

**Remutan
melalui pos.**

7. Apa-apa remitan yang dihantar melalui pos hendaklah secara pos berdaftar.

**Mengambil
silih risiko
apabila gerenti
diberi.**

8. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam peraturan 3, tiada seorang pengendali boleh mengambil alih apa-apa risiko berkenaan dengan sesuatu perniagaan takaful am yang baginya Peraturan-Peraturan ini terpakai melainkan jika dan sehingga pengendali itu telah menerima daripada peserta gerenti bank dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Gerenti bank hendaklah disifatkan telah diterima oleh pengendali apabila ianya diterima oleh ejen atau broker.

(3) Gerenti bank hendaklah berjumlah sekurang-kurangnya sama dengan caruman yang kena dibayar di bawah sijil dan dibuat bagi faedah pengendali.

(4) Jika gerenti bank itu diterima oleh ejen atau broker, ejen atau broker itu hendaklah meremitkan gerenti itu kepada pengendali dalam tempoh tujuh hari kerja selepas gerenti itu diterima.

(5) Peraturan 5, '6 dan 7 hendaklah terpakai bagi apa-apa bayaran yang dibuat mengenai apa-apa caruman yang kena dibayar di bawah sesuatu sijil yang baginya gerenti bank diterima di bawah peraturan ini.

(6) Bagi maksud-maksud subperaturan (1), jika caruman atau apa-apa bahagiannya tidak dibayar oleh peserta pada atau sebelum hari terakhir dalam bulan yang berikut dengan bulan dalam mana risiko itu diambil alih, pengendali hendaklah apabila atau sebelum tamatnya tempoh dua puluh satu hari selepas hari terakhir dalam bulan yang berikut dengan bulan dalam mana risiko itu diambil alih, menuntut bayaran di bawah gerenti bank itu aman yang sama banyaknya dengan caruman atau apa-apa bahagiannya yang masih belum dibayar oleh peserta berkenaan dengan risiko yang diambil alih di bawah sijil itu.

JADUAL

BORANG

[Peraturan 8 (1)]

GERENTI BANK DARIPADA PESERTA

Kepada..... beralamat
(Nama dan alamat pengendali)

BAHAWASANYA Encik.....
(kemudian daripada ini disebut "peserta") telah mengambil dan
bercadang hendak mengambil sijil-sijil untuk.....

.....
(Jenis sijil takaful)
dengan tuan, dan caruman yang kena dibayar di bawah ini akan
menjadi genap masa dan kena dibayar olehnya kepada tuan:

MAKA KAMI yang bertandatangan di bawah ini, DENGAN INTI MENJAMIN pembayaran segala caruman yang sedemikian itu kepada tuan oleh peserta setakat jumlah maksima sebanyak Ringgit (\$.....) pada bila-bila masa tertentu dan mengikut cara sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini:

1. Kami bersetuju untuk membayar kepada tuan apabila diminta apa-apa caruman yang genap masa kena dibayar kepada tuan oleh peserta setakat jumlah yang tersebut dahulu berkenaan dengan segala risiko yang diambil alih di sepanjang mana-mana bulan kalender yang masih belum dibayar pada akhir bulan kalender yang berikutnya.

2. Notis tentang apa jua kemungkiran di pihak peserta untuk membebarkan apa-apa caruman yang genap masa dibayar pada atau sebelum hari (crakhir dalam bulan yang berikutnya dengan bulan dalam mana risiko itu diambil alih (hari tersebut hendaklah kemudian daripada ini disebut "tarikh genap masa dibayar") dan tuntutan bayaran oleh kami (notis dan tuntutan tersebut adalah kemudian daripada ini disebut "notis tuntutan") hendaklah diberi oleh tuan kepada kami secara bertulis pada atau sebelum tamatnya tempoh dua puluh satu (21) hari selepas tarikh genap masa dibayar. Notis tuntutan yang disampaikan oleh tuan kepada kami adalah muktamad tentang kemungkiran membuat bayaran yang tersebut dahulu dan amanah yang kena dibayar oleh peserta kepada tuan dan apabila kami menerima notis tuntutan itu maka kami dengan serta-merta akan membayar semua jumlah wang yang pada masa itu kena dibayar oleh kami di bawah Gerenti ini.

3. Gerenti ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari mulai dari tarikh Gerenti ini tetapi hendaklah disifatkan telah dibatalkan dan ditamatkan berhubung dengan semua caruman masa hadapan yang dikeluarkan selepas apa-apa notis tuntutan disampaikan kepada kami.

Bertarikh..... 19.....

Ditandatangani.....
bagi pihak Bank.

Nama Bank.....

Alamat.....

Diperbaiki pada 4hb Julai 1985.
[KPL. Y. 014a/1; PN. (PU?) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

[Peraturan]

PERATURAN-PERATURAN BROKER DAN AJUSTER
(FEE PELESENAN) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 37, 38 dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Akta 312.
Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

Fee
pelesenan.

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Broker dan Ajuster (Fee Pelesenan) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985.
2. Fee-fee yang berikut adalah ditetapkan bagi pemberian atau pembaharuan lesen sebagai broker takaful atau ajuster masing-masing di bawah seksyen 37 dan 38 Akta:

(a) Lesen sebagai broker takaful:

Pemberian	\$500.00
Pembaharuan	\$250.00

(a) Lesen sebagai ajuster:

Pemberian	\$300.00
Pembaharuan	\$150.00

Diperbuat pada 4hb Julai 1985.
[KPI. Y. 014A/1; PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (KUASA UNTUK
MENGKOMPAUN) 1985

Akta 312.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 61 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

Mengkompaun
kesalahan-
kesalahan.

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Kuasa Untuk Mengkompaun) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985.

2. (1) Ketua Pengarah boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta Takaful 1984 atau apa-apa Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu, sejumlah wang yang tidak melebihi denda maksima yang diperuntukkan di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan bagi kesalahan itu.

(2) Apabila jumlah wang itu dibayar, prosiding selanjutnya tidak akan diambil terhadap orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu berkenaan dengan kesalahan yang sama.

Diperbuat pada 4hb Julai 1985.
[KPI. Y. 014A/1. PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

[Peraturan]

PERATURAN-PERATURAN TAKAFUL (BAYARAN WANG PERPADUAN KELUARGA) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 65 dan 68 Akta Takaful 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Takaful (Bayaran Wang Perpaduan Keluarga) 1985** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Julai 1985.

2. Seseorang pengendali boleh, berhubungan dengan apa-apa sijil perpaduan keluarga atau sijil-sijil perpaduan keluarga yang dikeluarkan oleh pengendali, membuat bayaran yang berikut kepada pihak menuntut yang wajar tanpa mengemukakan apa-apa probet atau surat mentadbir pusaka:

- (a) jika wang perpaduan kesemua sijil itu ialah pada agregat dua puluh ribu ringgit atau kurang, pengendali boleh membayar jumlah wang yang sepenuhnya kepada pihak menuntut yang wajar;
- (b) jika wang perpaduan kesemua sijil itu melebihi agregat dua puluh ribu ringgit, pengendali takaful boleh membayar kepada pihak menuntut yang wajar enam puluh ribu ringgit atau sembilan persepuhluh daripada wang perpaduan mengikut nisan yang kurang.

Diperbuat pada 4hb Julai 1985.
[KPL. Y. 014A/1; PN. (PU²) 436.]

DAIM ZAINUDDIN,
Menteri Kewangan

68 hb
Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

Bayaran wang
perpaduan
keluarga

LAMPIRAN "D"

**UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI
INSURANS MALAYSIA BERHAD
(MCIS)**

UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI INSURANS MALAYSIA BERHAD

1.

Takrif

- 1.1 Dalam Undang-undang kecil ini melainkan perkara atau konteksnya berkehendakan maksud lain, maka:
- 1.1.1 "Akta" maknanya Akta Koperasi 1948 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya.
- 1.1.2 "Kaedah-kaedah" maknanya kaedah yang dibuat dibawah Akta.
- 1.1.3 "Akta Insurans" maknanya Akta Insurans 1963 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya.
- 1.1.4 "Koperasi" maknanya The Malaysian Co-operative Insurance Society Limited (Koperasi Insurans Malaysia Berhad).
- 1.1.5 "Lembaga" maknanya Lembaga Koperasi.
- 1.1.6 "Koperasi-Ahli" maknanya mana-mana Koperasi berdaftar yang menjadi ahli.
- 1.1.7 "Ahli-perseorangan" maknanya seseorang yang menjadi ahli.
- 1.1.8 "Ahli" hendaklah terdiri daripada sesbuah koperasi berdaftar atau seorang yang telah diterima sebagai ahli.
- 1.1.9 "Negeri" maknanya setiap negeri di Malaysia Barat termasuk Wilayah Persekutuan.
- 1.1.10 "Ketua Pendaftar" maknanya Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia, termasuk mana-mana Pendaftar apabila menjalankan kuasa Ketua Pendaftar sebagaimana yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya dibawah Akta.
- 1.1.11 "Koperasi Berdaftar" maknanya mana-mana koperasi yang telah didaftarkan dibawah Akta Koperasi Malaysia.
- 1.1.12 "Ia", "Nya", atau "seorang" hendaklah termasuk sesbuah koperasi berdaftar.
- 1.1.13 Perkataan-perkataan yang bererti tunggal hendaklah meliputi erti erti jamak dan sebaliknya.
- 1.2 Koperasi akan dipanggil dengan nama The Malaysian Co-operative Insurance Society Limited dan alamat berdaftar Koperasi ialah Tingkat Pertama, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor. Ketua hari tentang sebarang pertukaran alamat berdaftar.
- 1.3 Kawasan perjalanan Koperasi hendaklah meliputi seluruh Malaysia Barat.

2.1 Tujuan-tujuan Koperasi berduaklah:

- 2.1.1 Menjalankan Perniagaan Insurans termasuk Insurans Nyawa Kumpulan dan Insurans Rumah ke Rumah;
- 2.1.2 Menjalankan Perniagaan Insurans Am;
- 2.1.3 Menggalakkan jimat cermat, kerjasama tololong menolong di kalangan ahli-ahli sejajar menjalankan apa-apa perniagaan bagi faedah ahli-ahli.

2.2 Sebagai lanjutan kepada tujuan-tujuan diatas, Koperasi adalah bebas untuk:-

- 2.2.1 Memasuki kontrak dengan ahli-ahli; menerima premium atau caruman insurans, wang yang dibayar atas kematian seseorang atau berlakunya sesuatu kemungkinan seperti yang telah ditetapkan;
- 2.2.2 Menerima premium, ansuran premium, caruman atas kontrak polisi atau bayaran pendahuluan yang berkaitan dengannya atau denda daerah atas pembayaran lewat atau tertangguhan;
- 2.2.3 Membayar tuntutan-tuntutan, tuntutan kematian, nilai serahan polisi, anuiti tertentu - samada sementara atau tertangguhan mengisyiharkan bonus atas penilaian Aktuari mengubahsuai jangkamasa dan nilai kontrak polisi, memperbaharui atau menghidupkan kembali polisi dan mengeluarkan pindahan terhadap polisi berbayar;
- 2.2.4 Mendaulukan wang atau memberi pinjaman kepada pemegang polisi atas cagaran polisi insurans;
- 2.2.5 Melantik wakil dan agen bagi menjalankan perniagaan Koperasi di kalangan ahli, ahli-koperasi berdaftar dan orang ramai;
- 2.2.6 Melabur kumpulanwangnya mengikut peruntukan Akta, Kaedah dan Akta Insurans, ataupun mengendalikan kumpulanwangnya dengan sebaiknya untuk kepentingan Koperasi, meminjam daripada ahli, bukan ahli dan koperasi berdaftar dan menjamin penjelasan tanggungan dengan cara gadaijanji ataupun dengan syarat-syarat yang sesuai mengikut budibicara Lembaga, dengan syarat jumlah tanggungannya (selain daripada tanggungan dibawah polisi yang dikeluarkan) hendaklah tidak melebihi sepuluh kali ganda jumlah modal berbayar serta mana-mana rizab yang tidak boleh dibahagi yang dilaburkan diluar Koperasi;

- 2.2.7 Membeli, membina, menyewakan, menyewa atau mengambil pajakan ataupun memiliki harta alih atau takalih sepetimana yang dikehendaki untuk tujuan Koperasi dan menjual, memperbaiki, memaju, memajak, melepaskan ataupun mengendalikan semua atau mana-mana bahagian daripada harta-harta tersebut;
- 2.2.8 Memperolehi, meminjamkan wang atau menebus, membatal atau menghapus dengan cara pembelian, membuat penyerahan atau cara lain atas sebarang polisi, pemberian atau kontrak yang dikeluarkan, dibuat atau diambil alih atau dimasuki oleh Koperasi;
- 2.2.9 Menginsuranskan, menginsuranskan semula atau menginsuranskan bersama kesemua atau sebarang risiko bersangkutan dengan mana-mana perniagaan tersebut dahulu;
- 2.2.10 Memberi kepada mana-mana ahli, kelas atau bahagian daripada mereka yang berinsurans dengan Koperasi hak untuk menyertai dalam pembahagian keuntungan Koperasi;
- 2.2.11 Mewujudkan kumpulanwang, pemegangan amanah dan kemudahan untuk faedah pemegang polisi atau tanggungan pemegang polisi;
- 2.2.12 Memberi pinjaman perumahan dan pinjaman gadaijanji kepada pemegang polisi atas syarat-syarat yang boleh ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa;
- 2.2.13 Bertindak sebagai perunding insurans atau agen;
- 2.2.14 Mengambil bahagian dalam urusan pemilikan saham terbitan baru serta sekuriti syarikat awam tertakluk kepada kebenaran Ketua Pendaftar;
- 2.2.15 Menjalankan lain-lain kegiatan yang difikirkan wajar oleh Lembaga bagi mencapai tujuan-tujuan di atas atau mana-mana satu daripadanya.

Polisi Insurans

- 3.1 Harga minimum polisi nyawa yang diinsuranskan hendaklah tidak kurang daripada \$1,000/- kecuali di bawah Polisi Insurans Berkumpulan.

Modal

- 4.1 Modal dibenarkan bagi Koperasi hendaklah berjumlah \$50,000,000/- yang mana hendaklah terbahagi kepada 50,000 saham yang bernilai \$1,000/- tiap-tiap satu.

- 5.6.1 Tidak lebih daripada satu persepuluh daripada jumlah besar modal befbayar sebagaimana yang ditunjukkan pada 31 Disember mana-mana tahun, hendaklah boleh dikeluarkan dalam tahun yang berikut;
- 5.6.2 Dengan tidak menghiraukan Undang-undang Kecil 5.6.1 di atas, Lembaga bolehlah pada hilbilah masa dengan resolusi, menggantung hak menarik diri untuk jangkamasa yang ditentukan, akan tetapi resolusi sedemikian hendaklah tertakluk kepada pengesahan di Mesyuarat Agung yang berikut.
- 5.7 Sekiranya seseorang ahli diberhentikan, kesemuanya sahamnya dengan nilai nominal atau nilai bersih, (sebagaimana yang ditentukan oleh Aktuari Koperasi) mana-mana yang lebih rendah, hendaklah dibayar selepas tamat tempoh satu tahun daripada tarikh ia diberhentikan.
- 5.8 Dalam kes kematian seseorang ahli, sahamnya akan dipindahkan kepada penama mengikut Undang-undang Kecil 8.1 atau sekiranya tiada penama, kepada sesiapa yang pada hemat Lembaga, setelah siasatan yang wajar dijalankan, kepada wakil yang sah kepada ahli yang mati, yang layak menjadi ahli menurut Undang-undang Kecil 5.3 dengan syarat di mana penama tersebut atau wakilnya yang sah menghendaki pengembalian saham-sahamnya, ia hendaklah berhal untuk menerima nilai nominal saham-saham atau nilai bersihnya, (sebagaimana yang ditentukan oleh Aktuari Koperasi) mana-mana yang lebih rendah.
- 5.9 Koperasi hendaklah mengeluarkan satu sijil dengan cap mohor Koperasi kepada setiap pemegang saham, menunjukkan bilangan saham yang dipegang oleh pemegang saham tersebut. Sijil itu hendaklah ditandatangani oleh Pengurus dan Setiausaha Koperasi.
- 5.10 Sekiranya sijil tersebut cacat, hilang atau musnah, ia bolehlah diganti, dengan bayaran \$2.00 dan dengan menunjukkan bukti kehilangan atau kerrosakan seperti yang dikehendaki oleh Lembaga.

Keahlian

6.1 Keahlian Koperasi hendaklah dibuka kepada:-

- 6.1.1 Mana-mana koperasi berdaftar di bawah Akta; dan
- 6.1.2 Sesiapa sahaja melebihi umur 18 tahun yang pada tarikh kemasukan adalah warganegara Malaysia.
- 6.2 Keahlian hendaklah terdiri daripada orang perseorangan dan koperasi berdaftar yang menandatangani permohonan untuk pendaftaran Koperasi, dan lain-lain orang perseorangan dan Koperasi berdaftar yang boleh dari masa ke semasa diterima masuk menurut Undang-undang Kecil ini.

dan disokong oleh orang ahli yang lain. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Lembaga. Lembaga hendaklah menguruskan permohonan tersebut dan hendaklah mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan atau menolaknya tanpa memberi sebarang alasan, dengan syarat, rayuan diatas penolakan, hendaklah dibawa ke mesyuarat agung.

- 6.4 Setiap pemohon hendaklah membayar bayaran masuk sebanyak \$2.00 berserta borang permohonannya dan, jika mencadang-beli satu polisi insurans dengan serentak Kelulusan permohonan menjadi ahli koperasi hendaklah diberitahu oleh Lembaga kepada ahli tanpa sebarang kelewatian. Jika koperasi tidak mengeluarkan polisi, bayaran masuknya sebaloi \$2.00 akan dilembabikan kepadanya.
- 6.5 Semua Bayaran Masuk yang diterima hendaklah dibayar kepada Akaun Bayaran Masuk yang hendaklah digunakan untuk membayai perbelanjaan awal dan perbelanjaan percetakan bersabit dengan perniagaan baru.
- 6.6 Ahli-perseorangan tidak boleh menggunakan hal, tugas kecil, sehingga ia telah membayar premium penuh tahun pertama polisinya; atau dalam kes koperasi-ahli atau satu saham penuh telah berbayar.
- 6.7 Setiap ahli pada masa remasulan, hendaklah, jika ia koperasi dengan percuma.
- 6.8 Keahlian terhenti apabila:
- 6.8.1 Diberhentikan mengikut Undang-undang Kecil 6.9;
- 6.8.2 Mati, tidak siuman atau bankrap;
- 6.8.3 Berhenti setelah memberi notis bertulis 12 bulan tertaklui kepada Undang-undang Kecil 6.8.1 dan 6.8.2 diatas, terhentinya keahlian hendaklah tidak memudaratakan hal mana-mana pihak dibawah polisi atau polisi-polisi ahli;
- 6.8.4 Terhentinya kontrak insurans, dengan cara pembelian, penyerahan atau matangnya polisi atau intutan atas kematian oleh orang yang diinsuranskan;
- 6.8.5 Pembubaran, dalam kes sebuah koperasi
- 6.9 Lembaga bolehlah memberhentikan ahli:-

- 6.9.1 Apabila ia melanggar sebarang peruntukan dalam Undang-undang Kecil ini, atau mana-mana peraturan yang dibuat oleh koperasi.
- 6.9.2 Diatas sebarang kelakuan yang boleh mengurangkan kepercayaan atau keyakinan umum terhadap koperasi, atau sebarang tindakan yang boleh mencemarkan kepentingan koperasi.

Tanggungan

- 7.1 Tanggungan seorang ahli hendaklah tidak melebihi amauan yang harus dibayar kepadanya di bawah sesuatu kontrak polisi dan nilai saham yang kena dibayar kepadanya oleh Koperasi.

Penama

- 8.1 Mana-mana ahli selain daripada sebuah koperasi berdaftar bolehlah dengan bertulis, dihadapan sekurang-kurangnya dua saksi dengan bukti bertulis atau dengan pengisyiharan, menamakan seorang atau lebih penama bagi menerima saham atau kepentingannya atau nilai saham atau kepentingan tersebut, dan semua wang lain yang dirujuk dalam Akta, yang mungkin dibayar kepadanya, bolehlah, atas kematiian ahli itu, dibayar atau dipindahmilik di bawah peruntukan-peruntukan Akta tersebut, dan boleh membatalkan atau mengubah penamaan itu dengan cara yang sama dari masa ke semasa.

Permulaan-Perniagaan

- 9.1 Koperasi hendaklah sebelum memulakan Perniagaan Insurans Nyawa atau Perniagaan Insurans Am:

- 9.1.1 Menyimpan deposit dan terus menyimpan deposit itu dengan Akauntan Negara Kerajaan Malaysia, sebagai sekuriti seperti yang dikehendaki dibawah Akta Insurans;
- 9.1.2 Mendapatkan kebenaran Ketua Pendaftar.

Catatan dan Bahasa dalam semua Mesyuarat

- 10.1 Semua mesyuarat Koperasi hendaklah dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan begitu juga dengan catatan-catatannya melainkan mendapat izin daripada Pengerusi.

Mesyuarat Agung

- 11.1 Tertakluk kepada kuasa Ketua Pendaftar, kuasa tertinggi Koperasi hendaklah terletak kepada mesyuarat agung ahli-ahli.
- 11.2 Mereka yang berikut adalah layak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat agung Koperasi:
- 11.2.1 Perwakilan yang dipilih di mesyuarat perwakilan kawasan bagi ahli perseorangan yang memegang polisi-polisi insurans nyawa;

- 11.2.1.1 Untuk tujuan Undang-undang kecil ini; sati kawasan hendaklah meliputi- kawasan geografi sesebuah Negeri atau mana-mana kawasan lain seperti yang boleh ditentukan oleh Lembaga sebagai dalam Kawasan pertanian operasi.
- 11.2.2 Orang perseorangan bagi ahli perseorangan yang memegang polisi-polisi insurans nyawa serta saham; dan
- 11.2.3 Froksi Koperasi-ahli.
- 11.3 Setiap kawasan hendaklah diwakili oleh satu perwakilan bagi setiap 1,000 ahli perseorangan dalam kawasan itu, terhaluk kepada jumlah minimum seramai tujuh perwakilan dan jumlah maksimum seramai empat belas perwakilan yang hendaklah dipilih oleh ahli-ahli dalam kawasan itu di mesyuarat perwakilan kawasan yang dipanggil dua tahun sekali oleh Lembaga. Perwakilan yang dipilih di mesyuarat perwakilan kawasan terdahulu hendaklah terus berkhidmat sebagai perwakilan sehingga perwakilan baharu dipilih di mesyuarat perwakilan kawasan yang berikut. Seorang ahli-perseorangan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak Undang-undang Kecil 6.6 adalah tidak layak untuk dipilih sebagai seorang perwakilan.
- 11.4 Untuk tujuan memanggil mesyuarat perwakilan kawasan, Lembaga hendaklah melantik seorang pemanggil mesyuarat dan hendaklah memberitahu ahli-ahli perseorangan dalam kawasan itu, tidak kurang daripada lima belas hari sebelum mesyuarat, dengan notis yang dipamerkan di pejabat tempatan Koperasi; dan sebagai tambahan, satu notis yang tidak kurang daripada lima belas hari bolehlah atas budibicara Lembaga diterbitkan dalam sebuah akhbar Bahasa Malaysia, sebuah akhbar Bahasa Inggeris dan sebuah atau lebih akhbar bahasa tempatan, memberi butir-butir tarikh, masa dan tempat mesyuarat dan perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu. Dua puluh ahli perseorangan yang mana setiapnya layak dibawah Undang-undang Kecil 6.6 hendaklah dikira sebagai menjadikan satu korum.
- 11.5 Pencalonan untuk pemilihan perwakilan, bolehlah dibuat secara bertulis atau secara persendirian dan bolehlah diterima di pejabat berdaftar Koperasi tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh setiap mesyuarat perwakilan kawasan. Pencalonan bolehlah juga diterima di mesyuarat perwakilan kawasan. Setiap pencalonan hendaklah menyatakan nama penuh, alamat dan pekerjaan orang yang dicalonkan dan hendaklah dicadang dan disokong oleh dua orang ahli lain. Perwakilan-perwakilan yang dicalonkan mestilah menyatakan kesanggupan mereka secara bertulis untuk berkhidmat sebagai perwakilan ahli-perseorangan.
- 11.6 Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil 11.3, setiap ahli Lembaga hendaklah dalam mana-mana mesyuarat agung

Koperasi, dianggap sebagai seorang perwakilan dengan hak-hak dan kuasa-kuasa yang sama seperti perwakilan yang dipilih.'

11.7 Perwakilan tidak boleh dilantik sebagai proksi bagi mana-mana koperasi-ahli.

11.8 Mesyuarat Agung hendaklah terdiri daripada dua jenis, iaitu Tahunan dan khas. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan selali setahun tidak lewat daripada 30 September.

11.9 Notis sesuatu Mesyuarat Agung bolehlah dengan pemberitahuan dalam sebuah akbar Bahasa Malaysia, sebuah akbar Bahasa Inggeris' dan sebuah atau sebuah lebih akbar bahasa tempatan atau dengan notis yang berasingan dihantar ke alamat berdaftar setiap ahli, sebagaimana yang hendak diputuskan oleh Lembaga. Notis tersebut hendaklah menyandungi tarikh, masa, tempat serta agenda mesyuarat dan satu salinan notis yang demikian hendaklah dipamerkan di tahalal ramai di alamat berdaftar Koperasi.

11.10 Mesyuarat Agung khas hendaklah dipanggil oleh Setiausaha:-

11.10.1 Bagi pihak Lembaga bila-bila masa mereka filirkannya perlu:

11.10.2 Atas arahan bertulis daripada Ketua Pendaftar atau sesiapa yang diberi kuasa olehnya:

11.10.3 Atas permintaan bertulis yang ditandatangani oleh tidak kurang daripada 100 ahli, atau satu pertiga daripada ahli-ahli, mana yang kurang. Tuntutan yang demikian hendaklah dibuat oleh ahli-ahli yang layak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat agung Koperasi mengikut Undang-undang Kecil 11.1, menyatakan dengan jelas tujuan mesyuarat itu dan hendaklah disampaikannya kealamat berdaftar Koperasi.

11.11 Notis bagi sesuatu Mesyuarat Agung hendaklah diberi tidak kurang daripada 15 hari.

11.12 Satu perempat daripada jumlah bilangan ahli-ahli, atau 50 ahli, mana yang kurang, hendaklah dikira sebagai membentuk satu korum untuk sesuatu Mesyuarat Agung. Jika pada masa yang ditetapkan, satu korum tidak diperolehi, Pengurus hendaklah dalam mesyuarat itu dipanggil atas permintaan ahli-ahli hendaklah dibatalkan. Jika dipanggil dengan kehendak Lembaga, Pengurus hendaklah menangguhkan mesyuarat itu ke tarikh tidak kurang dari sebelas hari dan tidak lebih daripada dua minggu kehadapan dan urusan yang akan dijalankan sama dan benar-benar serupa dengan yang dicadangkan untuk mesyuarat asal itu. Pada mesyuarat yang ditangguhkan itu, resolusi bolehlah dibuat oleh majoriti yang tidak kurang daripada dua pertiga kehadiran, tanpa menghiraukan bilangan

yang perlu untuk mencukupi korum. Kecuali Undang-undang Kecil hanya boleh dipinda mengikut peruntukan Kaedah 9 dalam Kaedah-kaedah.

11.13

Berikut ialah di antara perkara-perkara lain yang hendaklah diurus oleh Mesyuarat Agung:-

11.13.1 Pemilihan Lembaga;

11.13.2 Menimbang laporan tahunan Lembaga mengenai perjalanan Koperasi sebelumnya bersama-sama dengan penyata akaun yang telah diaudit bagi tahun berkenaan;

11.13.3 Meluluskan pengagihan keuntungan;

11.13.4 Pindaan Undang-undang Kecil;

11.13.5 Melantik Juruaudit;

11.13.6 Menimbang apa-apa urusan lain yang mana notis bertulis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberi kepada Setiausaha.

12.

Perwakilan dalam Mesyuarat Agung dan Pengundian

12.1

Dalam setiap mesyuarat agung Koperasi:-

12.1.1 Setiap perwakilan hendaklah mempunyai satu undi;

12.1.2 Setiap proksi Koperasi-ahli hendaklah mempunyai satu undi bagi 20 saham pertama atau kurang dan tambahan satu undi bagi setiap 20 saham tambahan tertakluk kepada maksimum 50 undi;

12.1.3 Setiap ahli perseorangan memegang saham hendaklah hanya mempunyai satu undi.

12.2

Proksi bagi satu Koperasi-ahli tidak boleh dilantik sebagai proksi untuk Koperasi-ahli lain.

12.3

Satu kad tauliah hendaklah dihantar bersama-sama laporan tahunan dan lain-lain laporan kepada setiap Koperasi-ahli, ahli-perseorangan pemegang saham dan setiap perwakilan untuk ditunjukkan bagi tujuan memasuki mana-mana mesyuarat agung Koperasi.

12.4

Dalam sebarang Mesyuarat Agung, sesuatu resolusi yang dibuat, hendaklah diputuskan dengan cara mengangkat tangan, kecuali satu pungutan undi (sebelum atau semasa pengisytiharan keputusan angkat tangan) diminta, oleh tidak kurang daripada satu persepuluh daripada ahli-ahli yang hadir dan kecuali satu pungutan undi dikehendaki, telah dengan mengangkat tangan, menang oleh majority atau kalah dan catatan di dalam buku

cataatan Koperasi mengenainya hendaklah menjadi bukti muktamad fakta itu tanpa bukti tentang bilangan atau kadar bahagian undi yang dicatat menyokong atau membangkang resolusi yang demikian.

12.5

Semua perihala yang dibawa ke Mesyuarat Agung hendaklah diputuskan oleh undi majoriti. Dalam undi yang sama banyak, samada dengan cara angkat tangan atau pungutan undi, usul itu hendaklah dianggap kalah.

12.6

Pengerusi boleh dengan kebenaran mana-mana mesyuarat yang mempunyai korum dan hendaklah seliranya diarahkan oleh mesyuarat itu, menangguhkan mesyuarat dari masa ke semasa dan dari tempat ke tempat, akan tetapi hendaklah tiada urusan yang akan dijalankan pada mana-mana mesyuarat yang ditangguhkan selain daripada urusan yang belum habis pada mesyuarat di mana penangguhan dibuat. (Adalah tidak perlu untuk memberi notis untuk mesyuarat yang ditangguhkan atau mengenai urusan yang akan dijalankan pada mesyuarat yang ditangguhkan itu.)

12.7

Pengerusi Koperasi atau semasa ketidakhadirannya, Naib Pengerusi, hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat Agung. Jika kedua-duanya tidak hadir, seorang Pengerusi hendaklah dilantik oleh Lembaga daripada kalangan ahli-ahli Lembaga.

Lembaga

13.1

Lembaga hendaklah terdiri daripada lima belas orang ahli yang hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi seperti berikut:-

13.1.1 Sembilan ahli dipilih daripada kalangan profesi koperasi-ahli;

13.1.2 Tiga ahli yang memegang polisi insurans nyawa Koperasi untuk jangkama masa tidak kurang daripada 3 tahun, dipilih daripada kalangan perwakilan ahli-perseorangan;

13.1.3 Tiga ahli yang memegang polisi insurans nyawa Koperasi untuk jangkama masa tidak kurang daripada tiga tahun dan serentak memegang tidak kurang daripada satu saham berbayar penuh dengan Koperasi, dipilih daripada kalangan ahli-perseorangan memegang saham.

13.2

Lembaga yang pertama yang dicalonkan oleh Ketua Pendaftar, hendaklah menjalankan tugas sehingga Mesyuarat Agung pertama Koperasi diadakan setelah bermulanya perniagaan Koperasi, diwaktu mana ahli-ahli Lembaga hendaklah bersara. Ahli yang bersara, layak untuk pemilihan semula.

Dengan tidak menghiraukan Undang-undang Kecil 6.6, Lembaga yang dicalonkan oleh Ketua Pendaftar mempunyai hak-hak, tugas-tugas dan

keistimewaan yang ditentukan dalam Undang-undan Kecil ini, sehingga mereka bersara pada Mesyuarat Agung pertama koperasi.

- 13.3 Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk memberhentikan ahli Lembaga daripada Lembaga, atau mengisi kekosongan dalam Lembaga dengan calonnya sehingga Lembaga baru dipilih.
- 13.4 Ahli-ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan untuk jangka masa selama tiga tahun dan bersar mengikut giliran, satu pertiga daripadanya pada setiap tahun di Mesyuarat Agung Tahunan. Ahli Lembaga yang bersara hendaklah layak untuk dipilih semula.
- 13.5 Ahli Lembaga yang dipilih untuk memegang jawatan selepas Mesyuarat Agung Tahunan 1987, hendaklah berkhidmat sebagaimana berikut:-
- 13.5.1 Tiga orang Ahli Lembaga daripada profesi koperasi-ahli, seorang Ahli Lembaga daripada perwakilan ahli-perseorangan, dan seorang Ahli Lembaga daripada ahli-perseorangan pemegang saham, yang telah mendapat bilangan undi terbanyak hampir terbanyak selama tiga tahun;
- 13.5.2 Tiga orang Ahli Lembaga daripada profesi koperasi-ahli, seorang Ahli Lembaga daripada perwakilan ahli-perseorangan, dan seorang Ahli Lembaga daripada ahli-perseorangan pemegang saham, yang telah mendapat bilangan undi terbanyak hampir terbanyak selama dua tahun; dan
- 13.5.3 Tiga orang Ahli Lembaga selebihnya daripada profesi koperasi-ahli, seorang Ahli Lembaga selebihnya daripada perwakilan ahli-perseorangan, dan seorang Ahli Lembaga selebihnya daripada ahli-perseorangan pemegang saham hendaklah berkhidmat untuk satu penggal selama setahun.
- 13.6 Setiap Ahli Lembaga hendaklah berkhidmat untuk tempoh mulai daripada tarikh pemilihan mereka sehingga pengantinnya dilantik.
- 13.7 Pencalonan untuk mengisi kekosongan Lembaga hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah diterima di pejabat berdaftar Koperasi tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh setiap mesyuarat agung. Setiap pencalonan hendaklah menyatakan nama penuh, alamat dan pekerjaan orang yang dicalonkan dan dalam kes seorang profesi koperasi-ahli, ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha Koperasi-ahli yang mencalonkannya. Profesi yang dicalonkan hendaklah menyatakan secara bertulis kesanggupannya untuk berkhidmat dalam Lembaga. Ahli-perseorangan hendaklah dicadang dan disokong oleh perwakilan dan hendaklah menyatakan secara bertulis kesanggupannya untuk berkhidmat dalam Lembaga. Ahli-perseorangan pemegang saham hendaklah dicadang dan disokong oleh ahli-

mereka atau seorang lain, seorang Setiausaha atas apa-apa syarat yang mereka fikirkan wajar.

- 13.14 Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Lapan ahli Lembaga hendaklah dikira sebagai membentuk satu korus. Pengurus atau sekiranya ia tidak hadir, Naib Pengurus, hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat Lembaga. Sekiranya kedua-dua Pengurus dan Naib Pengurus tidak hadir, seorang Pengurus hendaklah dipilih daripada mereka yang hadir.
- 13.15 Semua soalan-soalan didalam mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan dengan undi majoriti dan dalam kes undi yang sama banyak Pengurus hendaklah tidak mempunyai undi pemutus.

14. **Kuasa-Kuasa Lembaga**

- 14.1 Pengurusan Koperasi hendaklah dijalankan dan diuruskan oleh Lembaga yang mana, hendaklah mempunyai dan melaksanai semua kuasa-kuasa yang ditentukan, memasuki semua perjanjian, membuat semua susunan, mengambil atau memulakan langkah-langkah yang berkaitan, dan mengambil apa-apa tindakan serta perkara-perkara yang perlu untuk pengurusan yang wajar bagi hal ehwal Koperasi dan untuk menjalankan tujuan-tujuan penubuhan Koperasi dan untuk memelihara dan memajukan kepentingannya mengikut kehendak-kehendak Undang-undang Kecil dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Afta dan Kaedah-kaedah.
- 14.2 Tanpa menyekat kuasa-kuasa am yang diperuntukkan oleh Undang-undang Kecil ini, kuasa-kuasa berikut adalah diberi dan diperuntukkan dengan nyata kepada Lembaga:-
- 14.2.1 Untuk membayar perbelanjaan awal yang dibuat dalam promosi dan pendaftaran Koperasi;
- 14.2.2 Untuk membeli, mengambil pajakar ataupun memperolehi tanah atau bangunan untuk tujuan mendirikan pejabat dan apa-apa perkara lain yang perlu untuk perniagaan, dan menjalankan tujuan-tujuan Koperasi, dan untuk melepaskan yang sama;
- 14.2.3 Untuk menyediakan kemudahaan bagi pengurusan hal ehwal Koperasi, dan keselamatan serta penyelenggaraan yang sempurna terhadap aset-aset, kumpulanwang dan harta-hartanya dalam apa-apa cara yang mereka fikirkan wajar, dan khususnya untuk melantik pegawai-pegawai, bergaji atau tidak, atas apa-apa syarat mengenai saraan, dan dengan apa-apa kuasa, termasuk kuasa untuk memasuki kontrak bagi pihak Koperasi yang mereka anggap wajar, dan untuk mengambil tindakan tata tertib;

Untuk mengumpul dan mentadbir kumpulanwang dan menjamin bayaran baliknya seperti yang dikehendaki dari masa kesesama, untuk tujuan perjalanan hal ehwal Koperasi mengikut dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, Kaedah-kaedah dan Undang-undang ecil ini;

2.5 Untuk menerima cadangbeli insurans seumur hidup, insurans jangkawaktu atau apa-apa jenis insurans lain atau anuiti, untuk menerima atas syarat-syarat biasa atau khas atau untuk menolaknya, mengeluarkan polisi insurans seumur hidup, jangkawaktu atau anuiti atau polisi jenis lain, dibayar atas kematian seseorang atau atas apa-apa kemungkinan lain seperti yang boleh ditentukan;

2.6 Untuk mengendalikan permohonan keahlian dan untuk membahagikan saham;

2.7 Untuk memberi pinjaman kepada pemegang polisi atas cagaran polisi, dengan syarat-syarat yang boleh ditetapkan oleh Lembaga, dari masa kesesama;

2.8 Untuk membayar tuntutan, tuntutan kematian, anuiti, nilai serahan dan nilai-nilai lain bagi penyelesaian mutu tamad terhadap semua kontrak atau polisi-polisi yang dikeluarkan bagi pihak Koperasi;

2.9 Untuk menerima cadangbeli dan mengeluarkan polisi-polisi Insurans Am dan untuk membayar tuntutan atas polisi-polisi itu;

2.10 Untuk merangka peraturan-peraturan dari masa ke semasa bagi memastikan tatacara yang sempurna terhadap urusniaga yang mengemukakannya untuk mendapat kebenaran Pendaftar;

2.11 Untuk mengwujudkan dan menyelenggara Kumpulanwang Simpanan untuk faedah kakitangan Koperasi dengan persetujuan Mesyuarat Agung;

2.12 Untuk membayar balik kepada mana-mana ahli Lembaga, Pegawai, atau pekerja Koperasi, daripada kumpulanwangnya untuk semua kos, perbelanjaan perjalanan atau lain-lain perbelanjaan yang dibuat dalam menjalankan urusniaga Koperasi atau dalam menjalankan tugasnya. Ahli lembaga, pegawai atau pekerja Koperasi tidak akan dipertanggungjawab terhadap penyertaan dalam sebarang penerimaan atau tindakan lain, demi untuk penyesuaian atau atas apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang terjadi kepada Koperasi kerana tiada cukup atau kurangnya sandaran keselamatan terhadap sebarang wang Koperasi yang akan dilabur, atau sebarang kerugian atau

kerosakan yang timbul daripada kebankrapan, tak berkemampuan, atau perbuatan tidak lurus sesiapa yang mengannya sebarang wang, sekuriti ataupun sahaja bencana yang akan terjadi dalam melaksanakan tugasnya atau yang bersangkutan dengannya, melainkan perkara yang sama berlaku melalui kecuaian dan kemungkinan yang disengajalan;

- 14.2.13 Untuk menyimpan dan menyelenggara akaun dan buku-buku dengan sempurna untuk semua jenis urusniaga dan mengemukakan semua pernyata-pernyata berkanan;
- 14.2.14 Untuk mempastikan aset-aset dan tanungsian dibawah kontrak polisi dipertaksiran dan dinilai oleh Aktuari yang berkelayakan;
- 14.2.15 Untuk mengisyiharkan bonus-bonus reversionary, interim dan terminasi atas polisi-polisi, atas cadangan Aktuari selepas penilaiananya;
- 14.2.16 Untuk melantik agen dengan apa-apa syarat seperti yang difikirkan wajar oleh Lembaga untuk promosi dan lanjutannya kepada tujuan-tujuan Koperasi;
- 14.2.17 Untuk menyediakan Lembaran Imbangar tahunan, Akta Pendapatan dan Akta Untung Rugi dalam bentuk yang boleh ditentukan oleh undang-undang, dan menerbitkannya sekurang-kurang lima belas hari sebelum Mesyuarat Agung biasa dengan apa-apa cara yang boleh ditentukan oleh Fendaftar;
- 14.2.18 Untuk mengamanahkan semua atau mana-mana daripada kuasa-kuasa tersebut diatas, kepada mana-mana pegawai atau pegawai-pegawai Koperasi sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga. Mana-mana pegawai yang kepadanya boleh diamanahkan kuasa-kuasa tersebut hendaklah, dalam menjalankan kuasa-kuasanya, menurut semua peraturan-peraturan yang boleh ditentukan oleh Lembaga. Semua tindakan yang dilakukan oleh pegawai berkenaan dalam mematuhi peraturan-peraturan sedemikian dan dalam memenuhi tanggungjawab, hendaklah mempunyai kuasa yang sama seperti Lembaga;
- 14.2.19 Untuk memula, mewujud, mendakwa, membela dan bertolak ansur dalam semua tindakan sedemikian dan tindakan mahkamah seperti yang difikirkan perlu atau patut oleh Lembaga, untuk dibawa atau dibela atau bertolak ansur dan mengemukakannya untuk timbangtara.

15.1 Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik satu Jawatankuasa Pengurusan yang terdiri daripada:

15.1.1 Pengerusi atau Naib Pengerusi Operasi, atau kedua-duanya sekali; dan

15.1.2 Tidak kurang daripada tiga orang ahli Lembaga yang lain, dan mengamanahkan kuasa-kuasa yang termaktub dalam Undang-undang iedil 14, kepada Jawatankuasa Pengurusan.

15.2 Jawatankuasa Pengurusan hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu untuk mengurus hal ehwal Koperasi. Jawatankuasa pengurusan hendaklah mengemukakan semua keputusannya untuk Pengesahan Lembaga dalam masa 30 hari daripada mesyuarat di mana keputusan itu dibuat atau pada mesyuarat Lembaga yang berikut mana-mana yang lebih awal.

15.3 Lebih daripada setengah ahli Jawatankuasa Pengurusan hendaklah dikira sebagai membentuk satu koorum. Pengerusi atau jika ia tidak hadir, Naib Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan. Sekiranya kedua-duanya tidak hadir, seorang Pengerusi hendaklah dipilih daripada kaiangan mereka yang hadir.

16.

Tatucara Mesyuarat

16.1 Lembaga hendaklah menentukan minit Mesyuarat mengandungi perkara-perkara berikut dimasukkan kedalam buku-buku yang khusus disediakan untuk tujuan itu:

16.1.1 Nama ahli yang hadir pada setiap mesyuarat;

16.1.2 Perjalanan setiap mesyuarat dengan agenda urusan dan tarikh.

16.2 Semua minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh orang yang telah mempengerusikan Mesyuarat Agung atau Lembaga atau Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan di mana urusan yang diminitkan hendaklah telah dilaksanakan atau oleh orang yang akan mempengerusikan Mesyuarat Agung atau Lembaga atau Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan yang berikut, dan semua minit-minit yang dianggap sudah ditandatangani hendaklah untuk semua tujuan menjadi bukti muktamad dalam meluluskan resolusi-resolusi yang sebenarnya dibuat mengikut peraturan dan transaksi sebenar atau perjalanan mesyuarat yang berlaku dan lain-lain hal yang di anggap telah dicatitkan dan kekerapan mesyuarat dimana hal yang sama telah berlaku dan Pengerusian dan tandatangan orang yang telah menandatangani sebagai Pengerusi.

16.3 Tiada tindakan Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan

atau sebarang Jawatankuasa kecil lain dalam mengendalikan urusan Koperasi akan dibatalkan, disebabkan oleh pengisytiharan mansuh dan tidak sah pemilihan Lembaga atau sebarang ahli didalamnya.

- 16.2.1. Imansege hendaklah mengumalkan hemat dan kebijaksanaan yang lazimnya ada pada orang-orang berniaga dan hendaklah bertanggungjawab dalam semua tindakanduk atau kecuian kepada keseluruhan ahli-ahli dan hendaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang dialami melalui tindakanduk atau kecuian yang bertentangan dengan Akta, Kaedah-kaedah dan Undang-undang Kecil ini.

17.

Setiausaha

- 17.1 Setiausaha hendaklah mempunyai kuasa dan tugas-tugas berikut:-

- 17.1.1 Untuk memanggil dan menghadiri semua mesyuarat Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan dan mana-mana Jawatankuasa Kecil lain apabila diperlukan, dan hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat yang berlaku ke dalam buku minit dengan tandatangannya serta Pengerusi Mesyuarat, dalam bentuk dan cara yang boleh diarahkan oleh Lembaga;
- 17.1.2 Untuk membuat apa-apa kenyataan bersangkutan dengan urusniaga Koperasi kepada Lembaga seperti yang boleh diminta, dan untuk menyedia dan menghantar kepada Ketua Pendaftar, semua penyata yang dikehendakinya;
- 17.1.3 Untuk menyimpan copi mohor Koperasi;
- 17.1.4 Untuk melakukan apa-apa perkara lain seperti yang diarahkan oleh Lembaga kepadanya.

18

Pegawai-Pegawai Koperasi

- 18.1 Lembaga atau Jawatankuasa Pengurusan (sekiranya telah diberi kuasa oleh Lembaga) hendaklah mengikut Undang-undang Kecil 14.2.3, melantik seorang Ketua Pegawai dan lain-lain pegawai Koperasi dan hendaklah, dengan satu resolusi mesyuarat, mengamanahkan sebarang tugas, kewajipan dan fungsi seperti yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil ini kepada Ketua Pegawai dan lain-lain Pegawai Koperasi.

19.1 Kumpulanwang Koperasi hendaklah terdiri daripada:-

- 19.1.1 Saham;**
- 19.1.2 Bayaran masuk;**
- 19.1.3 Deposit dan/atau pinjaman;**
- 19.1.4 Premium atas polisi;**
- 19.1.5 Derma;**
- 19.1.6 Apa-apa kumpulanwang lain yang dibenarkan oleh Pendaftar;**
- 19.1.7 Apa-apa kumpulanwang seperti yang dinyatakan bawah Akta Insurans.**

20.

Pinjaman dan Deposit

- 20.1 Dengan tidak mengiraukan apapapula perlaka terhadung yang bertentangan dengan Undang-undang Fcik ini dan tertakluk kepada had yang boleh dikenakan oleh Ketua Pendaftar dari masa ke semasa ke atas kuasa had pinjaman maksimum dan hadar faedah maksimum yang patut dibayar ketabas pinjamannya. Koperasi boleh meminjam wang untuk digunakan dalam urusannya daripada ahli-ahli dan bukan ahli dan mencagarkan atau menyandarkan manama bagian koperasi sebagai sandaran terhadap pinjaman yang diambil oleh koperasi atau sebagai sandaran untuk sebarang jaminan yang boleh diberikan kepada mereka oleh koperasi. Sebelum permohonan dibuat kepada Ketua Pendaftar, koperasi hendaklah menentukan dimesyuarat agung, had maksimum tanggungan hutang berhubung dengan pinjaman-pinjaman koperasi yang sedia ada dan baharu, termasuk sebarang jaminan yang boleh diberikan oleh koperasi untuk sesuatu janglamasa yang boleh diluluskan bagi pihal mana-mana anal syarikatnya atau mana-mana koperasi dimana koperasi mempunyai kepentingan ekuiti.**

- 20.2 Koperasi boleh menerima deposit daripada ahli dan bukan ahli atas syarat-syarat yang dikenakan oleh Ketua Pendaftar.**

21.

Pelaburan Kumpulanwang

- 21.1 Koperasi boleh melabur kumpulanwangnya mengikut peruntukan Akta dan Faedah dan Akta Insurans dan mengikut apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Lembaga tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan, apabila perlu.**

- 22.1 Satu akaun yang berasingan hendaklah disimpan untuk semua terimaan berhubung dengan perniagaan insurans nyawa, dan penerimaan tersebut hendaklah dimasukkan dan membentuk satu kumpulanwang yang berasingan yang dinamakan Kumpulanwang Insurans Nyawa.
- 22.2 Kumpulanwang Insurans Nyawa hendaklah dilaburkan dalam pelaburan yang berasingan daripada sebarang kumpulanwang lain dan Lembaran Imbangan yang berasingan hendaklah disimpan berhubung dengan Kumpulanwang Insurans Nyawa.
- 22.3 Satu akaun yang berasingan hendaklah disimpan berhubung dengan perniagaan Insurans Berkumpulan. Lebihan yang boleh dibahagikan daripada akaun Insurans Berkumpulan pada setiap akhir tahun kewangan, hendaklah ditentukan setiap tahun oleh Aktuari. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menguntukkan sebahagian daripada Rizab Luarjangka Insurans Berkumpulan dan mengagihkan baki lebihan kepada pemegang polisi Insurans Berkumpulan mengikut cadangan Aktuari.
- 22.4 Kumpulanwang Insurans Nyawa hendaklah secara mutlak menjadi sandaran terhadap pemegang polisi Insurans Nyawa termasuk insurans nyawa berkumpulan seolah-olah ia dipunyai oleh sebuah koperasi yang tidak menjalankan perniagaan lain selain daripada perniagaan insurans nyawa, dan hendaklah tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kontrak koperasi yang mana ia tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya perniagaan koperasi hanyalah perniagaan insurans nyawa, dan hendaklah tidak dipergunakan, secara langsung atau tidak langsung untuk sebarang tujuan selain daripada yang berkenaan dengan insurans nyawa kecuali seperti yang diperuntukkan oleh Undang-undang Kecil 22.
- 22.5 Semua terimaan yang timbul daripada transaksi yang berkaitan dengan Perniagaan Insurans Am, hendaklah dimasukkan kepada Kumpulanwang Insurans Am. Semua tuntutan berhubung Perniagaan Insurans Am dan semua perbelanjaan yang dilakukan untuk tujuan menjalankan Perniagaan Insurans Am hendaklah dibayar daripada Kumpulanwang Insurans Am.

23.

Keuntungan

- 23.1 Keuntungan bersih Koperasi hendaklah diagihkan mengikut Akta Koperasi dan keadah-keadah dibawahnya.
- 23.2 Lebihan, sekiranya ada, daripada Kumpulanwang Insurans Nyawa, atas tanggungan, hendaklah ditentukan oleh penilaian Aktuari mengikut Undang-undang Kecil 25.2. Lembaga boleh dengan kebenaran Aktuari:-

- 23.2.1 Menggunakan tidak kurang daripada 90% dari lebihan yang boleh diagihkan untuk memberi bonus kepada pemegang polisi insurans nyawa;
- 23.2.2 Memindahkan sebagai untung bersih ke Akaun Untung Rugi, tidak lebih daripada jumlah (a) amaun yang disahkan oleh Aktuari sebagai berpatutan yang boleh dikenakan kepada Kumpulanwang Insurans Nyawa berhubung dengan dividen keatas saham dan lain-lain perkara yang dikenakan kepada Akaun Untung Rugi, (b) 5 peratus daripada baki lebihan (setelah amaun yang diperkatakan dalam Undang-undang Kecil 23.2.1 dan 23.2.2(a) telah ditolak) untuk tujuan Kumpulanwang Biasiswa Pinjaman MCIS dan Tabung Amanah Kanak-Kanal Cacat MCIS; dan
- 23.2.2(a) telah ditolak) untuk melanjutkan aktiviti berkoperasi dan (c) amaun yang tidak melebihi 10 peratus daripada baki lebihan (setelah amaun yang diperkatakan dalam Undang-undang Kecil 23.2.1 dan 23.2.2(a) telah ditolak) untuk tujuan Kumpulanwang Biasiswa Pinjaman MCIS dan Tabung Amanah Kanak-Kanal Cacat MCIS; dan
- 23.2.3 Membandingkan kehadapan, lebihan yang belum diperuntukkan didalam Kumpulanwang Insurans Nyawa, mana-mana lebihan yang mereka fikirkan wajar.
- 23.3 Setelah membuat peruntukan rizab yang berpatutan atas tanggungan Kumpulanwang Insurans Am, Lembaga hendaklah mengisyiharkan bakinya didalam Kumpulanwang Insurans Am sebagai lebihan terhadap Perniagaan Insurans Am dan:-
- 23.3.1 Menggunakan sebahagian daripada lebihan, untuk pemberian bonus atau dividen kepada pemegang polisi Insurans Am, atau untuk apa-apa tujuan lain sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga.
- 23.3.2 Memindahkan sebagai untung bersih kepada Akaun Untung Rugi (a) amaun yang sepatutnya yang boleh dikenakan kepada Kumpulanwang Insurans Am berhubung dengan dividen keatas saham dan lain-lain perkara yang dikenakan ke Akaun Untung Rugi, dan (b) 5 peratus daripada baki lebihan (setelah amaun yang diperkatakan dalam Undang-undang Kecil 23.3.1 dan 23.3.2 (a) telah ditolak) untuk melaksanakan aktiviti berkoperasi; dan
- 23.3.3 Memindahkan baki lebihan yang belum diperuntukkan dalam Kumpulanwang Insurans Am kepada Kumpulanwang Pemegang Saham.

23.4 Sebarang wang yang dipindahkan ke Akaun Untung Rugi daripada Kumpulanwang Insurans Nyawa atau Kumpulanwang Insurans Am untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berkoperasi hendaklah digunakan untuk tujuan itu, akan tetapi tidak semestinya dalam tahun di mana amaun itu dipindahkan. Lembaga boleh mengisyiharkan daripada Akaun Untung Rugi, dividen atas saham-saham, dan boleh, atas nasihat Aktuari memindahkan sesuatu amaun yang mereka fikirkan wajar daripada Akaun Untung Rugi kepada Kumpulanwang Insurans Nyawa. Sebarang baki dalam Akaun Untung Rugi hendaklah dibawa kehadapan dalam Akaun itu.

24.

Akaun

- 24.1 Koperasi boleh menyelenggara akaun dengan Bank-bank yang diluluskan oleh Lembaga. Semua cek yang dikeluarkan daripada akaun bank yang diselenggarakan oleh Koperasi hendaklah ditandatangani oleh mereka yang diberi kuasa melalui resolusi Lembaga dari masa ke semasa.
- 24.2 Resit-resit yang dikeluarkan oleh Koperasi hendaklah ditandatangani oleh Pegawai-pegawai yang diberi kuasa oleh Koperasi. Dimana resit premium dikeluarkan secara mekanikal atau elektronik bererti tandatangan bercetak hendaklah diterima.
- 24.3 Tahun kewangan Koperasi hendaklah bermula pada 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember. Koperasi hendaklah pada berakhirnya setiap tahun kewangan, menyediakan perkara-perkara berikut dalam bentuk yang diluluskan oleh Pendaftar:-
- 24.3.1 Satu Akaun Pendapatan untuk tahun itu;
 - 24.3.2 Satu Akaun Untung Rugi;
 - 24.3.3 Satu Lembaran Imbangan;
 - 24.3.4 Sebarang akaun dan laporan lain seperti yang boleh ditentukan oleh Pendaftar;
 - 24.3.5 Satu penyata mengandungi nama setiap orang yang dalam tahun itu adalah ahli Lembaga Ahli Lembaga atau Pengurus atau Setiausaha atau memegang apa-apa jawatan yang serupa.
- 24.4 Akaun-akaun yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil 23.4 hendaklah dibentangkan kepada ahli setiap tahun di Mesyuarat Agung. Satu salinan sah akaun-akaun ini, yang telah ditandatangani oleh dua orang Ahli Lembaga dan Ketua Pegawai Koperasi hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar.
- 24.5 Tiada keuntungan boleh diagihkan, kecuali setelah akaun-akaun diperiksa dan disahkan oleh Aktuari yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 26.

- 25.1 Akaun-akaun Koperasi hendaklah diaudit setiap tahun oleh Juruaudit yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. Juruaudit itu hendaklah mengaudit akaun-akaun Koperasi dan hendaklah mengesahkan dan menandatangani perkara yang sama seperti yang didapati olehnya sebagai betul, diakui benar dan mengikut undang-undang atau hendaklah melaporkan kepada Koperasi perkara-perkara yang didapatinya tidak betul, tidak diakui atau tidak mengikut undang-undang.
- 25.2 Juruaudit hendaklah berhak untuk meminta dan memeriksa sebarang kertas atau dokumen kepunyaan Koperasi dan hendaklah membuat laporan khas kepada Koperasi berkenaan sebarang perkara yang bersangkutan dengan akaun yang pada hematnya memerlukan perhatian. Ia hendaklah mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana pegawai, agen, pekerja atau ahli Koperasi yang ia mempunyai sebab untuk mempercayai, boleh memberi maklumat penting berhubung mana-mana transaksi Koperasi atau pengurusan hal ehwalnya.
26. Aktuari
- 26.1 Lembaga hendaklah melantik seorang Aktuari atas syarat-syarat yang boleh ditentukan oleh Lembaga dan untuk jangka masa yang mereka fikirkan wajar. Aktuari hendaklah memberi apa-apa nasihat dan menjalankan kerja aktuari sebagaimana yang dikehendaki dalam perjalanan perniagaan Koperasi.
- 26.2 Koperasi hendaklah, sekali dalam setahun, memastikan penilaian aktuari atas tanggungannya, dilakukan oleh Aktuari yang dilantik dibawah Undang-undang Kecil 26.1, dan hendaklah memastikan satu petikan laporan Aktuari berkenaan, dibuat dengan cara atau bentuk yang boleh ditentukan oleh Pendaftar.
- 26.3 Aktuari hendaklah menyediakan akaun-akaun lain sebagaimana yang diminta oleh Pendaftar dan dalam bentuk yang boleh diarahkannya dari masa ke semasa.
- 26.4 Dalam keadaan dimana lebih ditunjukkan sebagai hasil daripada penilaian, Aktuari hendaklah, tertakluk kepada Undang-undang kecil Koperasi, mencadangkan apa-apa bahagian daripadanya patut diadakan untuk pengagihan sebagai bonus dikalangan pemegang polisi berserta keuntungan, dan mesyuarat agung hendaklah tidak mempunyai hak untuk menggunakan amanah yang lebih besar daripada apa yang dicadangkan oleh Aktuari dan Lembaga untuk tujuan ini.
- 26.5 Keuntungan untuk diagihkan kepada pemegang polisi hendaklah dalam bentuk bonus-bonus reversionary, interim dan terminal yang boleh

ditukarkan seperti yang boleh ditentukan oleh Aktuari, kepada tunai atau pengurangan premium atas pilihan pemegang polisi.

27. Pemantauan oleh Ahli-ahli

- 27.1 Satu salinan bercetak akaun yang paling akhir, lembaran imbalan, petikan atau penyata hendaklah, atas permohonan mana-mana pemegang saham atau pemegang polisi koperasi, dihantarlan kepadanya oleh Koperasi melalui pos atau cara yang lain.

28. Sandaran

- 28.1 Setiap ahli atau fakirongan Koperasi yang tugasnya melibatkan pengendalian kumpulanwang Koperasi hendaklah, melainkan Lembaga mengarahkan yang lain, menyediakan apa-apa sandaran seperti yang diminta oleh Lembaga dan dengan cara mana yang mereka boleh tentulan.

29. Mendapatkan kembali Hutang

- 29.1 Koperasi hendaklah mempunyai tuntutan pertama keatas semua kepentingan ahli atau ahli lalu hingga setakat sebarang jumlah yang terhutang kepada Koperasi, daripada ahli atau ahli lalu itu.

30. Pertikaian

- 30.1 Semua pertikaian yang menyentuh urusan Koperasi hendaklah dirujukkan kepada Ketua Pendaftar oleh Lembaga mengikut Akta.

31. Felbagai

- 31.1 Koperasi boleh menjadi ahli sebarang Kesatuan Koperasi, atau Kesatuan atau Pertubuhan organisasi insurans dan hendaklah membayar daripada kumpulanwangnya apa-apa bayaran dan lain-lain yuran yang dikehendaki.

- 31.2 Lembaga hendaklah menyediakan satu cap mohor untuk tujuan Koperasi, yang hendaklah berada didalam simpanan "Setiausaha" dan Hendaklah tidak digunakan kecuali dengan ketulusan dan arahan Lembaga.

- 31.3 Setiap suratcara dan dokumen yang diturunkan cap mohor, hendaklah, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Undang-undang Kecil ini, dilakukan oleh mereka yang diberi kuasa oleh Lembaga dari masa ke semasa, kecuali dalam kes-kes polisi, nota lindung dan sebarang dokumen lain (seperti yang boleh ditentukan oleh Lembaga) yang dikeluarkan oleh Koperasi yang mana hendaklah ditandatangani oleh seorang Pegawai Koperasi yang diberi kuasa oleh Lembaga. Di mana polisi, nota lindung dan sebarang

dokumen lain (seperti yang berada di Lembaga) dikeluarkan dengan cara mekanikal atau elektronik, tandatangan bercetak hendaklah boleh diterima dengan syarat ditandatanganbalas oleh Pegawai berkuasa Koperasi.

- 31.4 Sebarang notis atau dokumen lain yang dari segi undang-undang atau Undang-undang Kecil ini dikehendaki dihantar kepada mana-mana ahli, boleh dialamatkan dan dihantar kepada orang yang kepadanya notis-notis berkenaan apa jua polisi selalu dihantarkan, dan sebarang notis yang telah dialamat dan dihantar sedemikian hendaklah dianggap sebagai pemberitahu kepada pemegang polisi berkenaan.

31.5 Dimana sesiapa yang menyatakan kepentingan terhadap sesuatu polisi, telah memberi notis bertulis kepada Koperasi tentang kepentingan itu, sebarang notis yang dikehendaki, oleh undang-undang atau Undang-undang Kecil ini dihantar kepada ahli-ahli, hendaklah juga dihantar kepada orang itu dialamat yang dinyatakan olehnya didalam notisnya.

31.6 Semua notis yang akan diberi kepada Koperasi oleh mana-mana ahli hendaklah disampaikan atau dihantar melalui pos ke alamat berdaftar Koperasi.

31.7 Notis yang tidak diterima oleh seorang ahli hendaklah tidak akan menjelas kesahan tanggungan yang terkandung dalam notis itu.

31.8 Apabila sebarang notis atau dokumen mengikut Undang-undang Kecil ini dihantar kealamat seorang ahli seperti mana yang tercatat dalam Daftar Ahli Koperasi, atau agennya seperti mana yang diberikan, maka dengan tidak menghiraukan yang ia pada masa itu telah meninggal dunia dan samada atau tidak Koperasi mengetahui akan kematiannya, penyampaian notis atau dokumen lain herba ini, untuk semua tujuan-tujuan penyampaian ini, dianggap sebagai disampaikan kepada penama, waris, wasi, pentadbir, atau wakil sahnya yang lain.

31.9 Dalam perbicaraan sebarang pertikaian atau tindakan atau dakwaan yang dibawa oleh Koperasi terhadap mana-mana pemegang saham atau wakilnya untuk mendapatkan semula apa-apa hutang atau wang yang didakwa terhutang kepada Koperasi, berkaitan dengan sahamnya, maka hendaklah mencukupi untuk membuktikan bahawa nama-nama orang yang didakwa atau orang yang diwakilinya adalah atau telah, apabila tuntutan ini timbul, didaftarkan dalam Daftar Ahli Koperasi sebagai seorang pemegang saham yang mana tuntutan itu dibuat dan amanunnya tidak dimasukkan kedalam buku-buku Koperasi sebagai sudah berbayar dan hendaklah tidak perlu untuk membuktikan perlantikan Lembaga yang membuat sebarang panggilan, juga tidak, samada satu korum Lembaga telah hadir dimesyuarat yang sebarang panggilan telah dibuat, juga tidak, samada mesyuarat yang sebarang panggilan untuknya dibuat telah dijalankan, atau diberi kuasa undang-undang, juga tidak, apa-apa jua perkara yang lain, akan tetapi bukti akan pekara-pekara yang telah disebut terlebih dahulu hendaklah menjadi bukti hutang yang muktamad.

- 31.10 Koperasi tidak boleh dibubarkan kecuali mengikut peruntukan-peruntukan Akta.
- 31.11 Undang-undang Kecil ini adalah tambahan kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, dan Koperasi hendaklah berpandu kepada Akta, Kaedah-kaedah dan Undang-undang Kecil ini, secara bersama. Jika terdapat apa-apa keraguan yang timbul daripada penyusunan Undang-undang Kecil ini atau dari segi tafsiran, petunjuk dan keputusan Pendaftar adalah muktamad.